



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 20 OGOS 2015 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)

Encik Shahzrin bin Dzahari
Encik Almalek Faesal bin Salleh

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmahnir rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor ketiga belas pada 20 Ogos 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat soalan yang seterusnya saya jemput Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker soalan bernombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK: MENINGKATKAN GAJI KAKITANGAN AWAM BAGI
MENGHAPUSKAN AMALAN RASUAH**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat korelasi antara amalan rasuah dan gaji rendah warga kerja Kerajaan Negeri?
- b) Demi memastikan amalan rasuah sifar, adakah gaji rendah golongan warga kerja sedia dinaikkan?
- c) Apakah halangan yang ada sekiranya kenaikan ini ditanggung oleh wang daripada rizab Negeri?

TUAN SPEAKER: Ya, Y.B. Seri Setia

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Y.B. Hulu Kelang. Tentang soalan bernombor 35 berdasarkan kepada maklumat yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada masa ini tiada sebarang kajian

berasaskan analisis statistik yang pernah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat korelasi antara amalan rasuah dan gaji rendah penjawat awam. Walau bagaimanapun menurut SPRM penjawat awam yang disabitkan atas kesalahan rasuah adalah terdiri daripada pelbagai kumpulan iaitu Pengurusan Tertinggi kumpulan pengurusan dan Profesional dan juga kumpulan sokongan. Menurut Institut Integriti Malaysia (IIM) rasuah adalah bersamaan dengan sifat tamak campur peluang dengan ditolak dengan Integriti ataupun dengan izin *greed plus opportunity minus integrity equals corruptions*. Sehubungan dengan itu semua lapisan masyarakat sama ada bergaji rendah atau tinggi adalah terdedah kepada amalan tersebut.

b) Berdasarkan hasil tangkapan SPRM terhadap penerima rasuah didapati faktor atau punca utama yang menyebabkan seseorang terlibat di dalam amalan rasuah ialah lemahnya pegangan integriti di dalam diri seseorang individu berikutan terdedah kepada ruang dan peluang untuk mendapatkan sesuatu material *driven* keistimewaan ataupun ganjaran daripada pihak berkepentingan. Gaji rendah yang diterima oleh penjawat awam bukanlah penyebab utama kepada berlakunya amalan rasuah. Pada dasarnya sistem pengajian atau saraan penjawat awam di Selangor masih selari dengan pelaksanaan diperingkat persekutuan di mana sebarang perubahan atau penambahbaikan terhadap sistem saraan ini akan turut dipanjangkan pelaksanaannya di Jabatan Agensi Negeri Selangor. Sebarang kajian penambahan atau penambahbaikan terhadap sistem saraan ini diselaraskan oleh bahagian Saraan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Skim dan tangga gaji Penjawat Awam di Negeri Selangor adalah tertakluk kepada skim dan tangga gaji yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA. Kerajaan Negeri tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan gaji penjawat awam kerana akan melibatkan implikasi kepada ganjaran dan pencen yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menghargai perkhidmatan penjawat awam telah memberi bonus misalnya yang lebih tinggi jauh lebih tinggi berbanding dengan Kerajaan Persekutuan misalnya pada tahun ini bonus yang kita berikan adalah sebulan gaji berbanding dengan 500RM yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Y.B. EXCO. Soalan tambahan saya ialah adakah terdapat pada tahun yang lepas 2014 kes-kes yang bersangkutan dengan siasatan ataupun soalan daripada SPRM adakah berlaku tindakan disiplin di Peringkat Jabatan yang berkaitan dengan kes rasuah.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Y.B. Hulu Kelang memandangkan ini adalah soalan yang spesifik saya akan memberi jawapan yang bertulis kepada Y.B. Hulu Kelang terhadap jawapan tersebut.

TUAN SPEAKER: Baiklah ADUN yang tak hadir saya tak benarkan soalan diambil. Jeram , tidak hadir, Sri Andalas....tidak hadir, Kinrara....

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK: JELAJAH RAMADAN, PEDULI RAKYAT

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan oleh kerajaan negeri bagi program tersebut?
- b) Berapakah keseluruhan isi rumah yang telah mendapat bantuan dalam program tersebut?
- c) Berapakah DUN atau lokasi yang terlibat dalam program tersebut?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kinrara. Tuan Speaker, Jelajah Ramadhan Peduli Rakyat ini adalah satu program peduli rakyat sempena bulan Ramadan dan menjelang Aidilfitri 2015. Tujuannya adalah bagi membantu meringankan beban warga yang memerlukan bagi menyambut Ramadan dan membuat persediaan Aidilfitri. Mereka terdiri daripada golongan keluarga miskin, ibu tunggal, OKU, anak yatim, warga emas dan ASNAF serta orang-orang yang memerlukan. Program ini adalah merentas sempadan iaitu di luar sempadan Negeri Selangor ke lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Sebanyak 5,100 bungkusan hamper telah disalurkan dan diagihkan sepanjang lapan hari jelajah dilaksanakan bermula 2 Julai sehingga 10 Julai. Hamper sumbangan ini adalah berbentuk barangan dapur kering seperti Beras, gula, susu, nasi himpit, teh, kopi, nescafe, garam, milo, minyak masak, rempah ratus dan lain-lain yang bernilai sekitar RM70 ke RM100. Sementara 1,390 orang menerima sumbangan wang tunai bernilai RM100.

Program “Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat” ini adalah merupakan inisiatif kebajikan oleh beberapa pihak swasta yang menggunakan “*corporate social responsibility*” iaitu CSR mereka sendiri seperti daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat swasta, NGO dan orang-orang perseorangan yang telah memberikan kepercayaan kepada Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor

menyelaraskan, mengumpul, mengurus, mengagih, menghantar dan mendapatkan senarai nama-nama penerima untuk sumbangan tersebut ke negeri-negeri lain daripada Selangor kepada mereka yang memerlukan. Segala perbelanjaan untuk program jelajah Ramadan Peduli Rakyat ini dan ia tidak melibatkan sebarang kos daripada Kerajaan Negeri.

b) Antara lokasi-lokasi yang terlibat adalah parlimen-parlimen seperti berikut iaitu:

2 Julai di Perak: Parlimen Tapah, Tanjung Malim, Pasir Salak, Telok Intan dan Bagan Datoh.

3 Julai di Perak Utara, Seberang Perai dan Kedah iaitu di Ipoh Barat, Ipoh Timur, Tambon, Sg. Siput, Kuala Kangsar, Grik, Parit, Lumut, Batu Gajah, Kampar, Gopeng, Beruas, Taiping, Bukit Gantang, Larut, Bagan Serai, Parit Buntar, Padang Rengas, Kepala Batas, Tasik Gelugor, Bagan, Jelutong, Balik Pulau, Kulim, Bandar Baru, Kulim Bandar Baru, Padang Serai, Baling, Merbok, Sg. Petani dan Sik.

4 Julai, di Kedah dan Perlis iaitu Alor Setar, Kuala Kedah, Jerlun, Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena, Pendang, Langkawi, Derai, Kangar, Arau dan Padang Besar.

Pada 5 Julai di Negeri Sembilan, Melaka serta Johor Utara iaitu Seremban, Rasa, Rembau, Tampin, Kuala Pilah, Jempol, Telok Kemang, Jelebu, Alor Gajah, Bukit Katil, Jasin, Kota Melaka, Masjid Tanah, Tangga Batu, Ledang, Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Muar, Bakri, Simpang Renggam, Parit Sulung, Air Hitam, Sri Gading, Batu Pahat, Kluang dan Sembrong.

6 Julai, Johor Selatan iaitu Johor Baharu, Kulai, Tebrau, Pasir Gudang, Pulai, Gelang Patah, Pontian, Tanjung Piai, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi dan Penggerang.

7 Julai, di Pahang: Temerloh, Bentong, Raub, Lipis, Bera, Kuantan, Rompin, Cameron Highlands, Maran, Kuala Krau, Jerantut, Indah Mahkota, Paya Besar dan Pekan.

8 Julai, di Dungun, Kuala Terengganu, Besut, Setiu, Kuala Nerus, Marang, Hulu Terengganu, Kemaman, Kelantan, Machang, Gua Musang, Tumpat, Pengkalan Chepa, Kota Baharu, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Krian, Bachok, Ketereh, Tanah Merah, Pasir Puteh, Jeli dan Kuala Krai.

Kita berharap agar lebih ramai lagi masyarakat di luar sana dan badan-badan korporat yang sedia bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dalam membantu usaha yang murni ini.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kinrara

Y.B. TUAN NG. SZE HAN: Nampaknya program ini telah sampai ke seluruh negara semua kampung-kampung kecil di Semenanjung Malaysia. Saya ingin nak tanya kenapa tumpuan itu tidak diberi kepada rakyat di Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kinrara. Untuk makluman Kinrara oleh sebab negeri Selangor adalah negeri kebajikan dan kita cuba untuk merentasi sempadan dari segi kebajikan yang mana di bulan Ramadan sempena Hari Raya Aidilfitri banyak program-program aktiviti-aktiviti sumbangan telah pun dilaksanakan untuk rakyat di negeri Selangor. Antaranya kita juga telah melaksanakan Jom *Shopping* Selangor yang mana setiap DUN kita memperuntukkan sejumlah 500 penerima sumbangan tersebut dan ini bermakna 26,000 penduduk Selangor telah pun mendapat daripada program Jom *shopping*. Selain itu daripada Pusat Zakat Selangor juga dalam program-program sumbangan Pusat Zakat sejumlah 41, 600 penerima sumbangan daripada zakat sepanjang Ramadhan. Dan selain daripada itu sumbangan-sumbangan pada seluruh masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negeri Selangor, yang itu saya tidak mendapat nombor mereka. Selain daripada itu sumbangan daripada badan-badan korporat, daripada PBT-PBT juga melaksanakan sumbangan tersebut. Daripada pihak PEKAWANIS iaitu Persatuan Isteri-isteri ADUN Selangor dan juga sumbangan daripada pihak DUN dan banyak lagi sumbangan-sumbangan lain daripada individu-individu dan saya kira tersangat banyaklah ya jadi sebab itulah apalah kiranya kita melebarkan jaringan kebajikan kita kepada negeri-negeri lain kepada rakyat yang memerlukan. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Boleh Y.B. EXCO namakan syarikat-syarikat yang beri sumbangan yang terbesar untuk jelajah ini dan adakah EXCO-EXCO atau kakitangan-kakitangan kerajaan negeri digunakan untuk jelajah Raya Ramadan ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama, Program jelajah ini sebenarnya bukan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri ianya adalah inisiatif daripada badan-badan Korporat dan juga GLC-GLC Negeri Selangor yang

mana ia tadi telah disebutkan diuruskan dan diagihkan oleh pihak Pejabat Menteri Besar dan ia memang tidak melibatkan kewangan Kerajaan Negeri, jadi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Boleh namakan syarikat-syarikat yang terlibat ataupun badan-badan korporat yang terlibat.

Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI: O.k terima kasih, dan antara syarikat-syarikat yang menyumbang untuk program CSR ini adalah daripada GM, Kompleks Management Sendirian Berhad, Giat Pereka Sendirian Berhad, Loo Lim Teng Holding Sendirian Berhad, Jakel Sendirian Berhad, Lagenda Era Juta Sendirian Berhad, dan beberapa GLC yang tidak disebutkan di sini. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Boleh saya mintak senarai daripada kerajaan secara bertulis. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Boleh, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sabak, tidak hadir. Kuang, tidak hadir. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, soalan saya soalan 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGERIK)**

TAJUK: PELAKSANAAN GST OLEH KERAJAAN PUSAT.

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan GST kepada Pihak Berkuasa Tempatan?
- b) Senaraikan jumlah bayaran GST yang dikehendaki dibayar oleh PBT. Senaraikan bayaran mengikut PBT Negeri Selangor.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Kota Anggerik, pembekalan yang dibuat oleh Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada cukai barang dan perkhidmatan GST kecuali pembekalan berkenaan berbentuk pengawal seliaan penguatkuasaan seperti mengeluarkan lesen dan permit dan sebagainya. Oleh demikian akan berlaku pertambahan perbelanjaan yang tidak diperuntukkan oleh PBT dengan pelaksanaan GST dan akan berlaku pengurangan kos sesuatu projek bagi memastikan peruntukkan yang telah diluluskan mencukupi. Walau bagaimana pun PBT boleh menuntut balik cukai input secara 'offset' dengan GST duti import dan duti eksais yang belum dibayar. Bayaran balik akan dibuat kepada penuntut dalam tempoh 14

hari bekerja untuk tuntutan yang dikemukakan di atas talian ataupun 28 hari, jika tuntutan dikemukakan secara manual. Ini adalah maklumat daripada pihak Kastam. Jumlah bayaran GST yang perlu dibayar oleh PBT mulai April tahun ini adalah sebanyak RM 805,251.27. Sekian.

TUAN SPEAKER: Teratai tidak hadir. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih. Soalan 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN)
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: KEWANGAN

43. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Rizab Negeri Selangor sehingga Jun 2015?
- b) Apakah bentuk perancangan kerajaan bagi memanfaatkan sebahagian rizab ini terutama bagi keselesaan dan manfaat rakyat Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat, yang ingin mendapatkan maklumat tentang prestasi kewangan kerajaan Negeri khususnya dari segi rizab Negeri Selangor sehinggalah suku tahun kedua 2015, seperti yang dimaklumkan kepada Dewan pada hari pertama persidangan kali ini Rizab Kewangan Negeri yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga kumpulan wang disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Bagi kumpulan Wang Disatukan sehingga 13 Ogos 2015 ianya telah mencatatkan jumlah RM 3,737.60 juta ringgit berbanding dengan RM 3,288.14 juta ringgit pada 31 Ogos 2014 dan RM 3,200.91 juta ringgit pada 31 Disember 2014. Ini membuktikan bahawa prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor semakin kuat dan kukuh dan jumlah hasil yang dianggarkan dalam belanjawan pada tahun 2015 seperti yang kita sedia maklum ialah RM 1,970 juta ringgit tetapi sehingga 13 Ogos 2015 yang lalu kita telah berjaya mengutip sebanyak 94.06% dan kita percaya dalam tempoh empat (4) bulan yang akan datang bukan sahaja kita akan dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam belanjawan 2015 tetapi yang telah saya umumkan baru-baru ini kita yakin dengan usaha-usaha yang sedang diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor dan juga PBT kita mampu meningkatkan hasil kita kepada 2.2 billion ringgit, *Insyaa-Allah*.

Berhubung tentang pertanyaan Yang Berhormat tentang perancangan Kerajaan Negeri bagi memanfaatkan rizab ini seperti yang telah saya nyatakan ketika

pembentangan belanjawan 2015 Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membentangkan sebarang belanjawan tambahan dan alhamdulillah sehingga sesi kali ini kita telah berjaya menunaikan hasrat dan janji kita untuk tidak membentangkan belanjawan tambahan kerana kita merasakan apabila sesuatu belanjawan itu dibuat sudah tentulah sasaran dan matlamat itu mesti menepati dari segi angka dan juga '*projection*' yang hendak dicapai oleh Kerajaan Negeri. Namun rizab yang kukuh dan kuat ini Insya-Allah akan kita bincang dalam Bengkel yang akan datang yang akan bermula pada hari Isnin ini untuk melihat bagaimana kita dapat merangka dan menggubal satu belanjawan bagi tahun 2015 dengan cabaran semasa dan juga masalah '*crisis*' yang dihadapi di peringkat Negara sudah tentulah Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk menguruskan rizab ini dengan berhemah dan bertanggungjawab dan kita mahu menggunakan rizab ini khusus bagi tujuan pembangunan dan projek-projek yang dapat memberikan manfaat terus kepada rakyat dan bukan dalam bentuk operasi seperti yang telah kita janjikan dalam belanjawan 2015.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Siapa yang kata soalan tambahan. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Yang Amat Berhormat atas penjelasan yang diberikan tadi cuma saya ingin bertanya lebih lanjut, adakah dengan adanya rizab yang meningkat ini dari tahun ke tahun Yang Amat Berhormat bercadang untuk menggunakan sebahagian daripadanya untuk membaik pulih ataupun membina dewan-dewan atau balai raya-balai raya bagi masyarakat desa yang sekarang ini kebanyakan masyarakat desa sebahagian tidak ada balai raya ataupun dewan-dewan untuk kegunaan masyarakat ataupun sebahagiannya ada tetapi uzur dalam keadaan tidak terurus sehingga menjadi fitnah kepada masyarakat tempatan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjung Sepat, saya kira pandangan Yang Berhormat itu menepati hasrat Kerajaan Negeri bahawa rizab ini akan hanya digunakan bagi tujuan projek-projek pembangunan dan sudah tentulah keperluan balai raya sama ada membaik pulih ataupun membangunkan balai raya yang baru bagi kepentingan rakyat di kampung-kampung dan kawasan yang berkenaan amat diperlukan dan perkara ini sebenarnya telah dibincangkan dengan pimpinan beberapa bulan yang lalu untuk melihat kampung-kampung yang ada di dalam Negeri Selangor ini apakah keperluan pembangunan mereka dan peruntukan sejumlah peruntukkan akan kita putuskan dalam belanjawan 2015 bagi tujuan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Terima kasih, Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk supaya mengingatkan dan menyoalkan isu-isu supaya rizab kita sentiasa teguh...

TUAN SPEAKER: Dalam bentuk soalan Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Soalan yang nak saya kemukakan ialah dalam ucapan jawapan mengenai penyusunan semula industri air ada disebut bahawa pembayaran untuk dana digunakan untuk penyusunan semula industri air untuk ekuiti yang RM2 ribu juta itu tidak berubah tetapi dalam penyusunan semula industri air terdapat perkara mengenai pinjaman ataupun yang dibuat oleh syarikat-syarikat konsesi yang dibayar oleh PAAB tetapi PAAB akan mengenakan menjadikan dia hutang kepada Air Selangor. Jadi oleh sebab itu apabila kita membuat perancangan penyusunan semula sebanyak bukan 2 juta tetapi 2 juta campur 7.6 bilion, jadi 9.65 bilion, jadi oleh kerana saya nak bertanya boleh jadi saya tidak diterangkan, adakah Kerajaan Negeri akan tetap dalam harga maknanya 2 campur 7.65 bilion ini akan tetap dalam harga tersebut. Jadi kalau ada perubahan terutama perubahan yang lebih bukan perubahan yang kurang

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang, kena kaitkan dengan rizab negeri kerana soalan adalah mengenai rizab negeri.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Nanti Rizab negeri sebab apabila jawapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar antara perkara dalam rizab itu ialah pembayaran air percuma. Pembayaran air percuma sekarang digunakan menggunakan duit negeri sekurang-kurangnya 150 juta, jadi katalah kita sekarang membeli itu sebab kita sekarang membeli penyusunan semula itu bukan RM7.65 bilion tetapi RM8.65 bilion, kalau, itu sebab saya nak terangkan, maknanya air percuma yang RM150 juta setahun tu kita tak dapat boleh gunakan sebab RM150 juta sekurang-kurangnya 6 tahun 7 tahun air percuma. Jadi oleh sebab itu saya nak ingatkan bukan saya nak anu kerana soalan itu penting jadi supaya dewan ini tahu bahawa harga yang kita luluskan sejak 2012 dan 2013 itu akan masih dalam kumpulan tersebut supaya rizab negeri tidak akan terjejas hasil daripada kenaikan pembelian ataupun perundingan tersebut.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa ingat tak soalan tadi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau saya tak jawab pun mengenali Pelabuhan Klang dia akan putar belitkan kenyataan saya di luar, sebenarnya soalan yang ditanyakan pertama dia sebut bukan soalan, peringatan. Hari itu dia nak buat kenyataan, hari ini nak beri peringatan, ini adalah sesi soal jawab mungkin dia kurang faham dari segi prosedur tetapi kalau saya tak jawab pun akan diputar belitkan bahawa saya tidak berani jawab soalan atau peringatan yang dikemukakan itu tidak ada kaitan dengan soalan pokok yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Sepat. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semula Yang Berhormat Pelabuan Klang bahawa angka-angka ini telah diputuskan oleh Yang Berhormat sendiri sebelum ini. Saya terpaksa mewarisi satu keadaan yang mana banyak kepincangan yang berlaku dalam banyak perkara termasuk dalam industri perkhidmatan air. Sebab itulah saya menjawab isu ini selama 40 minit pada hari yang pertama supaya Dewan dimaklumkan tentang kepincangan dan kecuaiannya yang berlaku ketika itu sebelum memuktamadkan industri perkhidmatan air.

Antaranya kita sedia maklum aset-aset yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan yang menjadi '*dispute*' sehingga hari ini tetapi Kerajaan Negeri mengambil sikap yang terbuka untuk memastikan industri ini dapat dipulihkan dan diteruskan dengan menyerahkan empat (4) aset lain kepada PAP bagi tujuan memuktamadkan. Yang kedua, Dewan juga sedia maklum saya pernah bawa isu ini dalam sesi yang lepas pentadbiran yang lama pernah membuatkan tawaran pada harga yang begitu tinggi kepada sebuah syarikat konsesi secara bertulis dan kemudian menukar pendirian tersebut tanpa sebarang hujah yang kuat. Yang ini akan saya dedahkan pada waktu yang sesuai pada suatu ketika nanti. Jadi jangan gunakan medan ini untuk menunjukkan bahawa kita ini adalah juara kepada keterbukaan, kebertanggungjawaban, tadbir urus yang baik sedangkan apa yang dialami oleh kerajaan hari ini melalui banyak masalah, banyak kes-kes mahkamah yang diputuskan oleh pentadbiran yang lama yang kerajaan Negeri kalah terpaksa menanggung ratusan juta ringgit dan ini adalah wang rakyat yang perlu kita perjelaskan pada masa yang sesuai nanti. Cuma merujuk balik kepada perkara 7.65 billion ini, ini sebenarnya adalah '*liability*' yang dibuat melalui Bon oleh syarikat-syarikat konsesi pada ketika itu ya, dan Bon ini saya percaya Yang Berhormat Pelabuan Klang sedia maklum diambil oleh syarikat-syarikat konsesi untuk membina beberapa buah loji rawatan termasuk SSP 2 dan juga SSP 1 dan ini adalah aset-aset CCWA yang saya terangkan panjang hari pertama yang dibina oleh syarikat-syarikat Konsesi melalui Bon. Dan sekarang apabila kita hendak memulihkan dan mengambil alih industri perkhidmatan air Bon-Bon ini akan dibiaya sepenuhnya oleh PAB dan bukannya oleh Kerajaan Negeri jangan selewengkan fakta. Maka apabila PAB mengambil alih kesemua pinjaman dan Bon ini bagi pihak syarikat-syarikat konsesi dan apabila aset CCWA ini diserahkan kepada PAB seperti yang saya jelaskan juga dalam masa *affended 7* dalam masa *agreement* kerana itu adalah Tuntutan WASIA di mana syarikat-syarikat aset-aset negeri dan aset-aset CCWA perlu diserahkan kepada PAB. Maka pembiayaan pengambilan alihan aset-aset dan pinjaman serta Bon itu akan dibiayai sepenuhnya oleh PAB. Mengikut WASIA juga aset-aset ini akan dipajak semula kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan berbincang berunding dengan PAB tentang kadar pajak tersebut. Ini juga telah saya jelaskan pada hari pertama di mana setelah muktamadnya perjanjian utama yang kita terangkan pada 10 Julai di mana perjanjian tambahan telah ditandatangani kita diberi 60 hari untuk berunding dengan PAB tentang kemudahan-kemudahan yang akan dipajakkan kepada Kerajaan Negeri termasuk kadar-

kadarnya. Sudah tentulah kadar-kadar yang akan dipersetujui tidak akan membebankan Kerajaan Negeri kerana kita tidak mahu satu kadar yang tinggi terpaksa dipindah kepada pengguna. Ini menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dan saya memberi jaminan supaya apa juga kos dalam industri perkhidmatan bekalan air ini tidak harus dibebankan kepada pengguna dan rakyat. Y.B. Pelabuhan Klang pernah mengumumkan juga secara terbuka bahawa apabila selesai industri perkhidmatan bekalan air ini kadar takrif dinaikkan sehingga kepada 18% itu pendirian Y.B. Pelabuhan Klang saya mengambil pendirian yang berbeza. Saya mahu apa juga kos yang terlibat dalam industri perkhidmatan bekalan air ini jangan dibebankan kepada rakyat. Pasti ada kos saya tidak kata bila kita hendak memberikan perkhidmatan yang lebih baik industri yang lebih efisien, efisien tiada kos, ada kos. Tapi jangan membebankan rakyat sebab itu kita kena bincang dan teliti. Dan peringatan Y.B. Pelabuhan Klang itu baik kerana rizab ini jangan walaupun kuat dan kukuh janganlah dibelanjakan sewenang-wenangnya sehingga kita tidak ada ruang untuk membantu kebajikan rakyat di Negeri Selangor. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Ya

TUAN SPEAKER: Soalannya

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Soalan untuk membetulkan fakta. Satu saya

TUAN SPEAKER: Kena tanya soalan tambahan (ketawa) Pelabuhan Klang.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Soalannya apakah fakta yang menyatakan saya membuat kenyataan 18% tapi itu saya ingat kalau perkara ini perlu untuk difahami oleh semua pihak saya ingat boleh tak ini soalnya. Tuan Speaker mengadakan SELCAT supaya perkara-perkara yang tersimpan yang tersorok yang tidak betul dikatakan boleh dibincangkan kepada di khalayak ramai supaya kita tunjukkan. Saya tidak ingin perkara ini dijadikan sebagai...kita boleh bincangkan. Tunjukkan apa yang dikatakan mengapa *amendment* perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sebelum ini salah sebenarnya kita boleh jawab tak ada hanya *impassive on aset volum* sahaja. Jadi tak apalah saya rasa perkara ini saya hendak minta supaya boleh tak kita adakan Pendengaran Awam supaya kita dapat bincang perkara ini supaya rakyat lebih tulus, lebih terbuka dan lebih memahami perkara ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker sebab dia buat kenyataan begitu. Saya bagi pihak Kerajaan negeri kita terbuka cuma saya mengarahkan saya SELCAT untuk menentukan apakah perkara yang dibincangkan. Namun bagi pihak Kerajaan Negeri kita terbuka tak ada sorok. Istilah sorok ini sudah cukup sungguh kerap dalam minggu ini saya pun tidak tahu apa yang disorok. Saya bagi Kerajaan

Negeri mendukung sebarang usaha untuk mencari kebenaran kalau Jawatankuasa SELCAT merasa ada keperluan untuk mengadakan pendengaran terbuka silakan Kerajaan Negeri akan memberikan keterangan. Dan keduanya saya juga ingin menegaskan kepada Y.B. Pelabuhan Klang rizab negeri tidak digunakan bagi industri perkhidmatan bekalan air untuk sektor tidak. Saya telah jawab dengan Tanjung Sepat tadi. Rizab ini khusus untuk menjaga kepentingan rakyat bagi projek dan pembangunan sahaja. Tidak melibatkan industri pengsektoran semula air di negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Semenyih. Tidak hadir.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK: PERUNTUKAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABUHAN MALAYSIA
(MIDA)**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah dan bentuk bantuan yang disalurkan kepada Negeri Selangor bagi tahun 2007-2015.
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik lebih banyak pelaburan?
- c) Senaraikan jumlah dan jenis peruntukan yang disalurkan oleh MIDA Selangor kepada Majlis Perbandaran Selayang bagi tahun 2013-2015.

Y.B. DATO; TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker bagi tempoh RMK 9 2008 – 2010 dan RMK 10 2010 – 2015 sejumlah peruntukkan sebanyak RM 78,985,884.00 telah disalurkan kepada Negeri Selangor Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor bagi menyelenggara dan menaiktaraf kemudahan infra di kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Selangor. Peruntukkan Program menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada (Termasuk Industri Halal) yang diluluskan bagi Negeri Selangor adalah seperti berikut:

RMK 9 (2008 – 2010) RM 30,277,000.00 Bil. Projek (38) Status Pelaksanaan selesai (38) tersebut RMK 10 (2011 – 2015) Peruntukkan RM 48,708,884.00 Bil. Projek (68) Status pelaksanaan selesai (60) sedang dilaksanakan. Jumlahnya RM 78,985,884.00 Bil. Projek 106 Selesai (98) Sedang dilaksanakan (8)

Antara strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Pengurusan:

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
- iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv. Memastikan mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.
- vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan Managed Industrial Park dengan konsep *Gated and Guarded*.
- viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- ix. Inisiatif *e-commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- x. Invest Selangor Talent initiative – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xi. Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

Networking

- i. Meningkatkan usaha promosi di luar negara seperti program lawatan penggalakan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke negara yang berpotensi.
- ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-dewan Perniagaan Asing dalam dan luar negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.

- iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI/MIDA.
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di negara mereka.

Promosi

- i. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar negara.
- ii. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- iii. Penganjuran Selangor International EXPO yang dijadualkan pada 26 – 28 November 2015 bertempat di Seri Kembangan, Selangor

Bagi tempoh RMK10 2011 hingga 2015 Selangor telah menerima peruntukkan sebanyak RM 48,708,884.00 daripada Unit Perancang Ekonomi yang disalurkan melalui MIDA untuk menyelenggara dan membaik pulih kemudahan infra bagi kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada. Bagi tempoh 2013 hingga 2015 sejumlah RM 3,059,120.00 telah diluluskan untuk Majlis Perbandaran Selayang bagi menaiktaraf jalan-jalan industri di kawasan-kawasan perindustrian seperti berikut:-

- i. Kawasan Industri Taman Selayang Baru
- ii. Kawasan Industri Rawang Indah
- iii. Kawasan Industri Great Year Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker soalan No.46

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila huraikan perkembangan terkini dan bagaimanakah sambutan rakyat terhadap program tersebut?
 - b) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai jumlah permohonan mengikut pecahan kaum dan Kawasan DUN?

- c) Sila senaraikan secara detail peratus kutipan bayaran balik oleh peserta program Hijrah?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI: Tuan Speaker izinkan saya menjawab soalan sekali soalan 154 daripada Sabak serta 193 daripada Kinrara. Hijrah Selangor adalah Program Mikrokredit Bersepadu gagasan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor Tuan Haji Mohamed Azmin Ali, bagi menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor semenjak Tahun 2010. Program ini telah dilancarkan dengan rasminya oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 24 Mac 2015. Ia merupakan projek Penyelidikan Tindakan dengan tujuan utamanya untuk melebarkan golongan kelas menengah di Negeri Selangor dan juga bagi menangani isu kemiskinan di negeri ini seperti mana yang divisikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam ucapan Belanjawan beliau pada 24 November 2014. Hasrat ini diharapkan boleh tercapai melalui pendekatan pelaksanaan sistem penyaluran modal tambahan yang efisien kepada peniaga-peniaga kecil di negeri Selangor. Pihak pengurusan Program Hijrah Selangor ditugaskan untuk mewujudkan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penaja dan peniaga kecil yang didapati sering kali menghadapi masalah kekurangan modal dan peluang mendapatkan modal tambahan atas pelbagai faktor. Manakala pihak kerajaan negeri Selangor bertindak sebagai penganjur program memberi modal pusingan pelaksanaan program sejumlah RM100,000,000.00. Falsafah Program HIJRAH Selangor berteraskan konsep "Pinjaman Asas Simpanan". Maksudnya pinjaman yang diberikan digunakan sebagai modal tambahan dalam urusan perniagaan. Sebagai usahawan yang berdaya maju, adalah diharapkan dapat menghasilkan pulangan yang lebih tinggi. Lebihan pulangan ini akan ditabungkan dalam Tabung HIJRAH SELANGOR untuk manfaat penaja dan peniaga kecil secara individu mahupun kelompok. Dan pihak pengurusan program bertindak meneroka peluang-peluang perniagaan susulan bagi kepentingan dan manfaat usahawan-usahawan HIJRAH SELANGOR melalui penubuhan Koperasi HIJRAH SELANGOR.

Dalam merangka kaedah pengurusan dan pelaksanaan skim HIJRAH Selangor objektif-objektif berikut dikenal pasti sebagai matlamat program.

- a) Menawarkan modal tambahan dengan mudah, cepat dan tidak membebankan.
- b) Menggalakkan budaya menabung di kalangan penaja dan peniaga kecil.
- c) Mewujudkan rangkaian usahawan yang operasional.
- d) Membina usahawan yang berwawasan dan berdaya saing serta berkemahiran dan juga proaktif.

Program Hijrah kini telah mempunyai seramai 7,203 peserta dalam tempoh 5 bulan penubuhan. Jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM32,989,000.00. program ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan. Ini

dapat dibuktikan dengan penambahan permohonan dan juga kehadiran di setiap kali majlis Penyerahan Cek (pembiayaan) kepada peserta Hijrah Selangor.

(b) HIJRAH SELANGOR memberikan pinjaman kepada semua rakyat negeri Selangor tanpa mengira bangsa, agama dan jantina. Walau bagaimanapun, adalah di dapati penyertaan daripada kaum Cina dan kaum India masih tidak memberangsangkan. Pihak pengurusan HIJRAH Selangor telah mengambil langkah untuk tangani isu ini dengan segera mengambil kakitangan di kalangan bangsa Cina dan bangsa India. Sehingga kini terdapat 5 orang kakitangan India manakala tiada dari bangsa Cina. Tiada permohonan yang diterima dari kaum Cina. Sebagai langkah lanjutan, HIJRAH SELANGOR dengan bantuan YB Teratai, telah menyiapkan terjemahan risalah HIJRAH SELANGOR kepada bahasa Cina supaya dapat diedarkan kepada peniaga-peniaga kaum Cina dan seterusnya menggalakkan mereka menyertai HIJRAH SELANGOR. Manakala untuk terjemahan ke bahasa Tamil masih dalam proses. Jumlah penerima pinjaman HIJRAH SELANGOR mengikut kaum bagi setiap DUN dan Parlimen sehingga 31 Julai 2015 seperti di dalam lampiran kita akan berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mungkin tidak ada masa untuk saya menyebutkan satu persatu di sini, cumanya saya ingin menyatakan bahawa jumlah penerima pinjaman HIJRAH daripada kaum Melayu adalah sejumlah 6,940 orang, kaum Cina sejumlah 43 orang, kaum India adalah sejumlah 197, daripada Sabah 18 orang, Sarawak 4 orang dan keseluruhan adalah 7,203 orang.

HIJRAH SELANGOR melaksanakan kutipan bayaran balik pinjaman secara mingguan. Setiap minggu Pegawai HIJRAH akan pergi ke premis perniagaan peserta untuk mengutip bayaran pinjaman. Sehingga Julai 2015 terdapat seramai 7,203 peserta yang telah membuat pinjaman dengan HIJRAH SELANGOR. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sejumlah RM32.9 juta. Sehingga kini HIJRAH SELANGOR berjaya mengutip semula bayaran balik pinjaman yang telah dijadualkan sebanyak RM4.9 juta. Berdasarkan Jadual Patut Bayar dan bayaran yang dikutip, di dapati peratus bayaran balik adalah pada tahap 98%. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras. Tidak hadir. Soalan 48 telah dijawab sekali dengan soalan 23. Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, soalan nombor 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MASYARAKAT INIDA

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah program pembangunan masyarakat India yang dilaksanakan sepanjang 2014 & 2015 selain pekerja ladang?
- b) Nyatakan kumpulan sasaran dan pencapaiannya.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang di bawah Kerajaan Negeri Selangor merupakan portfolio yang tertumpu khususnya kepada pembangunan pekerja, bekas pekerja ladang dan anak-anak pekerja ladang yang terdapat di ladang-ladang di seluruh Negeri Selangor. Jawatankuasa ini mahupun mana-mana Jawatankuasa Tetap yang lain di Negeri Selangor tidak mempunyai dasar atau program secara khusus untuk membantu kaum India secara keseluruhan bagi meningkatkan pembangunan masyarakat India di Negeri Selangor.

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang melalui Pembangunan Anak-anak Pekerja Ladang yang diperuntukkan RM1 juta setahun telah melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan kesedaran, keyakinan dan membantu mereka bagi meningkatkan taraf hidup sosioekonomi dan memajukan diri dalam bidang yang diceburi untuk menjamin masa depan mereka dan keluarga. Antara program-program yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah Tamil adalah; Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah, Program Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR, program-program motivasi dan program-program jati diri, bantuan kewangan bagi anak pekerja ladang yang masuk institut pengajian tinggi awam.

Program-program tersebut adalah melibatkan seluruh pelajar yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di seluruh negeri Selangor. Penganjuran program tersebut di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang adalah bertujuan khusus untuk membantu pelajar-pelajar Tamil dalam meningkatkan mutu pendidikan di samping membantu mengurangkan bebanan dalam usaha mengejar ilmu. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang juga telah menganjurkan beberapa program bagi merapatkan silaturahim di kalangan masyarakat India di Negeri Selangor dengan penganjuran program berbentuk perayaan yang melibatkan pembangunan sosioekonomi mereka. Program-program yang dianjurkan sepanjang tahun 2014 dan 2015 yang melibatkan masyarakat India adalah lebih kepada program perayaan masyarakat India seperti perayaan Deepavali, perayaan Thaipusam, perayaan Ponggal. Program-program ini tidak tertumpu pada pekerja ladang atau anak-anak pekerja ladang malah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor dengan tidak mengira bangsa dan kaum. Selain menyambut perayaan, program tersebut diselitkan dengan sedikit taklimat dan penerangan mengenai dasar-dasar dan bantuan yang terdapat di Negeri Selangor khusus untuk menjaga kebajikan rakyat. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM500 ribu setahun bagi penganjuran program-program pekerja ladang yang melibatkan majoriti masyarakat India di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu

selain bantuan yang tertumpu pada pekerja ladang, Kerajaan Negeri di bawah *Standco* Pendidikan juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM4 juta bagi membantu sekolah-sekolah Tamil dalam memberikan bantuan infrastruktur sekolah untuk memastikan pelajar sekolah Tamil dapat belajar dalam suasana yang selesa. Sehubungan dengan itu sebanyak RMN.76 juta pula diperuntukkan di bawah program Rumah Ibadat Bukan Islam kepada kuil-kuil Hindu dan Gurdwara di negeri Selangor.

Seluruh masyarakat India di negeri Selangor mendapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri Selangor pada setiap kali perayaan Deepavali yang disambut setiap tahun di bawah Program *Jom Shopping* Deepavali. RM1.7 juta telah diperuntukkan di bawah program ini untuk membantu masyarakat India untuk membeli barangan keperluan sempena perayaan tersebut sebagai mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung mereka.

Kerajaan Negeri Selangor memandang serius akan kos sara hidup yang kian meningkat mengikut arus peredaran zaman termasuklah Cukai Perkhidmatan Kerajaan yang dikenakan kepada seluruh rakyat pada masa kini. Bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri tidak ditumpukan kepada satu kaum sahaja tetapi merangkumi semua kaum di negeri Selangor.

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang tiada kumpulan sasaran berasaskan agama dan kaum. Namun, sasaran adalah tertumpu pada golongan yang miskin dan kurang berkemampuan melibatkan semua lapisan masyarakat di negeri Selangor.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih EXCO. Ada beberapa persoalan saya,apakah Jawatankuasa Tetap ada menyediakan satu pelan tindakan yang lebih khusus dan holistik untuk pembangunan masyarakat India? Jika ada saya mohon bekalkan kepada saya untuk rujukan masa akan datang, jika tidak ada, soalan seterusnya apakah satu pelan tindakan yang holistik ini akan disediakan oleh Jawatankuasa Tetap. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga yang sentiasa prihatin tentang masalah kaum India. Sebenarnya sehingga ke hari ini tiada pelan tindakan yang khusus untuk membantu kaum India. Semua pelan-pelan tindakan daripada Kerajaan Negeri adalah berasaskan tanpa mengira kaum dan agama. Namun begitu ada satu program, ada satu Usul untuk menubuhkan *Selangor Hindu Endowment Board* yang bersamaan dengan apa yang ada di Pulau

Pinang untuk membantu kaum India yang tertinggal, yang miskin. Namun begitu, program tersebut masih lagi tertangguh.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku, tidak hadir. Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker, soalan nombor 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : MASLAH SOSIAL DI PANGSAPURI KOS RENDAH

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah sosial di kawasan perumahan kos rendah?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk mengatasi masalah kompleks tersebut?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum warahmatulli wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. *Bismillahi rahmani rahim*. Terima kasih Selat Klang yang bertanyakan tentang peranan dan tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah sosial di kawasan perumahan kos rendah.

Berdasarkan Akta Hak Milik Strata 1985 iaitu Akta 318, Hak Milik Tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata bagi hak milik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri sendiri termasuk daripada segi aspek keselamatan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program-program bagaimana hendak menyelesaikan masalah sosial di kawasan perumahan kos rendah. Di antaranya adalah dengan kita memperkenalkan satu program bernama SEROJA. SEROJA merupakan satu program rondaan keselamatan dan juga kesejahteraan di pangsapuri di mana penduduk telah diberikan geran atau peruntukan sebanyak RM10 ribu setahun, di mana RM5 ribu adalah untuk peralatan dan RM5 ribu lagi adalah kemudahan untuk membuat atau menjalankan program-program. Selain daripada itu mereka yang terlibat dalam kemalangan ataupun kecelakaan semasa melakukan rondaan ataupun bertugas di bawah SEROJA ini akan diberikan pampasan iaitu sekiranya meninggal dunia ialah RM10,200.00, hilang upaya kekal adalah RM10 ribu dan kecederaan adalah bergantung pada kos perubatan sebenar. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga menganjurkan kempen-kempen seperti Kempen Pangsapuri Ku Bersih Ceria Harmoni dan juga Kempen Anti Vandalisme. Ada lagi satu program yang diperkenalkan iaitu Kelab Interaktif Komuniti di mana Kelab Interaktif Komuniti ini

ataupun KLIK ini diperkenalkan adalah untuk kita melatih kita memberi latihan dan pendidikan kepada generasi muda sebab kita melihat bahawa untuk kita menukar sikap mereka di pangsapuri-pangsapuri tersebut kita harus bermula dengan generasi muda. KLIK ini kita dalam proses atau kita telah melatih akan koordinator-koordinator bagi setiap kawasan PBT dan kita dalam proses mengenal pasti atau dah kenal pasti untuk mengenakan di kawasan-kawasan yang kita merasakan perlu dibuat perubahan di kawasan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan saya nombor 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBINAAN LOJI LANGAT 2

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status pembinaan Loji Langat 2?
- b) Senaraikan kelulusan-kelulusan yang telah dikeluarkan oleh PBT bagi tujuan pelaksanaan projek ini?
- c) Apakah halangan-halangan untuk melaksanakan projek ini?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Permatang yang ingin mendapatkan penjelasan berhubung pembinaan Loji di Langat 2 dan juga beberapa kelulusan yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat perjanjian jual beli air mentah antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pahang telah ditandatangani pada 22 November 2007. Berdasarkan kepada perjanjian tersebut, Kerajaan Negeri Pahang akan membekalkan air mentah kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui pelaksanaan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor yang akan dilaksanakan dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor yang dilaksanakan oleh Kementerian Teknologi Hijau dan Air (KETA) terdiri daripada komponen utama berikut :-

- (i) Pembinaan Empangan Kelau di Sungai Kelau di Pahang
- (ii) Pembinaan muka sauk di Sungai Semantan, Pahang
- (iii) Pemasangan paip air mentah dari muka sauk ke terowong sejauh 11.8 km dan

- (iv) Pembinaan terowong sejauh 44.6 km bagi menyalurkan air mentah ke Negeri Selangor.

Air mentah yang disalurkan akan dirawat dan diagih di bawah skim Langat 2. Kerja-kerja pembinaan projek penyaluran air mentah dari Negeri Pahang ke Selangor telah siap sepenuhnya. Skim Langat 2 yang sedang dilaksanakan oleh pengurusan Aset Air Berhad terdiri daripada komponen utama berikut:-

- (i) Pemasangan paip air mentah dari terowong sejauh 3km ke Loji Rawatan Air Langat 2
- (ii) Pembinaan Loji Rawatan Air berkapasiti 1130 juta liter sehari di Hulu Langat;
- (iii) Pembinaan dua kolamimbangan dan kolam servis dan
- (iv) Pemasangan paip air terawat lebih daripada 50km di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur.

PAP memaklumkan jadual asal siap keseluruhan Skim Langat 2 pada awal 2017 tidak mungkin tercapai dan tarikh baru siap untuk menyiapkan keseluruhan Skim Langat 2 adalah dijadualkan pada tahun 2019. Pembangunan Loji Rawatan Langat 2 adalah merupakan projek di bawah penyeliaan ketat dan dilaksanakan oleh PAP. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai perundingan dan kontraktor yang dilantik untuk projek ini.

Berkenaan dengan Pelaksanaan Projek Langat II, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitikberatkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk takrif air yang terpaksa ditanggung oleh rakyat umum. Kerajaan Negeri menyarankan agar setiap kontraktor yang terlibat dalam projek Loji Pembangunan Rawatan Air Langat II hendaklah dilantik melalui Sistem Tender Terbuka yang telus bagi memastikan kontraktor yang dilantik itu kelak adalah kontraktor yang berwibawa dan mempunyai kemahiran dan berpengetahuan. Ini adalah untuk memastikan setiap komponen projek yang disiapkan oleh kontraktor yang telah dilantik itu benar-benar boleh beroperasi dengan baik tanpa memerlukan sebarang kos pembaikan sebaik sahaja projek itu diserahkan kepada operator yang akan mengoperasikan loji tersebut.

Pentadbiran Kerajaan Negeri yang terdahulu melalui Mesyuarat MMKN yang bersidang pada 25 Ogos 2014 telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Langat II, memandangkan apabila siapnya Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat II ini, bayaran harga air mentah akan dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Perjanjian Jual Beli Air Mentah Pahang ke Selangor maka saya dengan tegas menyarankan supaya negeri Selangor turut terlibat dan diberikan peranan dalam membuat keputusan berkenaan pelaksanaan

projek ini. Dalam melaksanakan Projek Langat II ini, ianya melibatkan enam belas (16) pakej kerja seperti berikut. Saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Speaker untuk menyampaikan senarai 16 pakej ini kepada Yang Berhormat Permatang secara bertulis. Daripada 16 pakej kerja tersebut hanya 3 pakej yang telah dianugerahkan kepada kontraktor yang ini juga saya pohon izin untuk sampaikan secara bertulis supaya faktanya jelas di dalam penjelasan tersebut. Dan seperti kita sedia maklum, perjanjian tambahan kepada perjanjian utama penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor telah pun ditandatangani pada 10 Julai 2015 yang lalu maka Kerajaan Negeri akan terus memastikan semua permohonan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat II ini dapat diberikan segera setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Senarai kelulusan yang telah diberikan dan telah dikeluarkan oleh PTB bagi tujuan pelaksanaan Projek Langat II ini sebahagian besarnya diberikan kelulusan pada 26 Februari 2014 oleh MPKJ. Pertama, paip air mentah dari terowong projek air mentah Pahang Selangor ke Loji Rawatan Air Langat II dan paip terawat dari loji rawatan air Langat II ke air kolam empangan Hulu Langat. Kelulusan yang telah diberikan juga ialah tentang pembinaan *water treatment plan*, kuarters kakitangan di Loji Rawatan Air Langat II, kolam airimbangan Bukit Enggang berkapasiti 210 juta liter, kolam airimbangan Hulu Langat berkapasiti 92 juta liter, kolam air Sungai Besi berkapasiti 22 juta liter.

Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang bersidang pada 30 Julai 2015 telah pun bersetuju untuk memberikan beberapa lagi kelulusan bagi permohonan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat II. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak tanya bahawa mengikut penyata dari JPKSM bahawa kita akan mengalami kekurangan air bermula 2017 tetapi Langat II baru boleh siap 2019. Adakah Kerajaan Negeri akan mendesak membuat sesuatu bahawa sebahagian daripada Fasa Pertama Langat I boleh siap untuk mengatasi masalah kekurangan air Langat II bermula 2017.

Y.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama dan Jawatankuasa yang telah meneliti tentang keperluan Kerajaan Negeri melihat persiapan untuk menghadapi kemungkinan kekurangan bekalan air terawat khususnya. Selain daripada Projek Langat II, sebenarnya Kerajaan Negeri telah pun meneliti beberapa *opsyen* tambahan ye, untuk menangani perkara ini dan ianya telah pun diteliti oleh UPEN dan kita akan membuat pengumuman ini dalam sesi belanjawan 2015 kerana ianya melibatkan satu kos yang agak besar tetapi kita merasakan ada keperluan untuk Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah yang proaktif kerana dalam tempoh yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ada kemungkinan kerana kelewatan pembinaan projek Langat II ini, Kerajaan Negeri tidak mahu ada gangguan bekalan air terawat bagi pengguna dan juga industri dan

kita ada langkah-langkah yang akan kita umumkan pada sesi yang akan datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENDERAAN KANAK-KANAK

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kes penderaan kanak-kanak paling tinggi di Selangor. Apakah usaha pembaikan, pencelahan dan pencegahan yang telah dilaksana dan sedang dirancang?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker, Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menangani isu berkaitan penderaan kanak-kanak. Berdasarkan statistik pada Jadual 1, negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai kadar penderaan kanak-kanak tertinggi di Malaysia. Manakala daerah Petaling merupakan daerah tertinggi mempunyai kes penderaan di negeri Selangor. Justeru, usaha menyelamatkan dan memberikan perlindungan kepada mereka merupakan agenda utama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pelbagai usaha secara bersepadu meliputi pembaikan, pencelahan dan pencegahan telah diambil bagi memastikan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak terpelihara. Antaranya adalah implementasi Dasar Kanak-kanak Negara dan Dasar Perlindungan Kanak-kanak (DPKK) berserta dengan Pelan Tindakan yang mana adalah satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar mereka dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif. Manakala DPKK iaitu Dasar Perlindungan Kanak-kanak adalah satu dasar khusus bagi memastikan setiap kanak-kanak di negara ini mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Di dalam DPKK ini penekanan diberikan kepada sistem saringan ke atas pekerja yang berurusan terus dengan kanak-kanak seperti pemandu bas sekolah, pekerja di kantin, penyelia asrama, tukang kebun sekolah, pengawal keselamatan, pekerja di institusi kanak-kanak dan sebagainya.

Seterusnya Rumah Perlindungan. Terdapat sebanyak enam (6) buah rumah perlindungan kanak-kanak yang ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang memberi perlindungan kepada kanak-kanak mangsa penderaan. Di

dalam institusi ini kanak-kanak diberikan pakej perlindungan secara komprehensif dari aspek fizikal dan spiritual. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah pemeliharaan & perlindungan, bimbingan & kaunseling, pendidikan akademik, latihan vokasional, didikan agama & moral, riadah dan rawatan perubatan. Seterusnya diwujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK). Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) diwujudkan bertujuan menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak itu memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Sehingga kini terdapat 11 buah PPKK di negeri Selangor. Manakala terdapat sebanyak 17 buah Pusat Aktiviti Kanak-kanak yang berfungsi untuk melaksanakan program advokasi dan pencegahan seperti seminar, kelas tuisyen, bengkel, motivasi, bimbingan serta kaunseling.

Seterusnya Perkhidmatan Kaunseling. Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat serta kaunseling kepada kanak-kanak dan keluarga kanak-kanak sebagai salah satu usaha sokongan kekeluargaan.

Seterusnya Penubuhan Taska Komuniti. Taska Komuniti ini adalah salah satu usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah mendapat jagaan yang selamat semasa ibu bapa keluar bekerja. Kanak-kanak ini akan lebih selamat dan mendapat penjagaan yang berkualiti di Taska ini. Sehingga kini terdapat tujuh (7) buah Taska Komuniti yang telah ditubuhkan di negeri Selangor.

Selain itu Bengkel Interaktif. Bengkel Interaktif yang dijalankan adalah melibatkan keluarga dan kanak-kanak bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab dan peranan mereka terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001. Dan yang akhir sekali adalah Kempen, Program Kesedaran dan Pencegahan yang mana pihak JKM mengadakan kempen dan program kesedaran kepada ibu bapa, kanak-kanak dan masyarakat mengenai tanggungjawab masing-masing untuk menentukan keselamatan kanak-kanak.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Menurut statistik yang telah dikemukakan dilihat trend ataupun insiden penderaan ini bertambah meningkat dari tahun ke tahun. Saya ingin tahu apakah punca dan jenis penderaan yang paling tinggi yang berlaku kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan dan mengapa trend atau pun insiden penderaan ini meningkat sedangkan ada banyak PPKK, DKKN dan

macam-macam lagi yang ada tapi nampaknya tidak efektif dan berkesan untuk menurunkan kadar penderaan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Daripada statistik yang dikemukakan bahawa semakin setiap tahun kes-kes ini semakin agak meningkat dan kita mengharapkan ia akan ada pengurangan masa yang akan datang dan antara kes-kes penderaan yang banyak berlaku kepada kanak-kanak adalah penderaan fizikal dan ianya berlaku di dalam keluarga kanak-kanak tersebut.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya rasa EXCO belum jawab lagi soalan yang saya kemukakan. Saya nak tahu jenis penderaan bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan dan apakah usaha untuk mengurangkan kadar penderaan ini.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sementa, kalau ada informasi boleh jawab, kalau tidak boleh bagi secara bertulis.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Speaker. Terima kasih kepada Taman Medan. Saya akan mendapatkan data tersebut dan saya akan kemukakan kepada Taman Medan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya sangat tertarik dengan Taska Komuniti yang tujuh (7) yang telah ditubuhkan. Saya hendak tanya adakah ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan adakah Taska Komuniti ini adalah secara percuma.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama. Taska Komuniti ini adalah Taska 1Malaysia yang diuruskan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Adakah percuma.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ya.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Kempen-kempen yang dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang isu-isu penderaan ini saya lihat telah pun dijawab tetapi saya tidak nampak apakah pelaksanaannya di peringkat bawahan maknanya kita tidak terasa pun ada wujudnya kempen-kempen tersebut. Jadi soalan saya, apakah ianya dibuat berkala dan Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan kempen-kempen ini menerusi badan-badan mana, apakah ia

bersama dengan pihak DUN atau pun pihak masyarakat setempat dan sebagainya. Saya mohon jawapan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Tentang kempen-kempen dan program kesedaran dan pencegahan ini ianya sedang dan dalam, kita akan melaksanakan yang mana pihak Kerajaan Negeri di bawah STANCO kebajikan, kita akan bersama dengan pihak JKM melaksanakan kempen-kempen ini di masa yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK: PELANTIKAN EJEN PENGURUSAN UNTUK FLAT PKNS SEKSYEN
17, PETALING JAYA**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa Ejen Pengurusan untuk Flat PKNS Seksyen 17, Petaling Jaya masih belum dilantik?
- b) Apakah KPI Kerajaan Negeri untuk pelantikan ini selepas AGM MC gagal?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Bukit Gasing yang telah bertanya tentang kenapa agen pengurusan untuk flat PKNS Seksyen 17 Petaling Jaya masih belum dilantik. Untuk makluman semasa Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Perbadanan Pengurusan yang diadakan pada tahun 2011 kuorum mesyuarat yang hadir telah melantik beberapa pemilik sebagai Ahli Majlis bagi menjalankan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan di setiap blok. Jadi keperluan untuk pihak untuk COB melantik pengurusan pada ketika itu kerana berdasarkan kepada Akta Hak Milik Strata 1985 atau Akta 318 yang berkuat kuasa pada masa itu Ahli Majlis yang telah dilantik yang sepatutnya bertanggungjawab untuk menguruskan kawasan tersebut. Akan tetapi disebabkan kerenggangan Ahli Majlis berkenaan untuk mengambil alih pengurusan maka pengurusan telah diteruskan oleh pihak agen pengurusan yang dilantik oleh pihak pemaju iaitu Syarikat IM Global Properties Consultant IMG. Keputusan COB untuk melantik agen pengurusan ini adalah kerana pihak COB telah dimaklumkan oleh pihak IMG bahawa di dalam Mesyuarat Agung Tahunan kedua yang telah diadakan pada 7 Jun 2015 yang lalu kuorum Mesyuarat telah gagal untuk melantik Ahli Majlis bagi tempoh pengurusan seterusnya untuk mengurus tadbir kawasan berkenaan. Lanjutan itu

melalui surat bertarikh 13 Julai 2015 kepada pihak IMG iaitu selepas pihak COB menerima surat aduan dan minit Mesyuarat Agong daripada pihak IMG. Maka pihak COB telah memutuskan agar pelantikan agen pengurusan perlu dilakukan bagi kawasan berkenaan serta telah memohon pertimbangan IMG untuk meneruskan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan buat sementara waktu sehingga proses lantikan agen selesai. Pihak COB juga akan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada semua pemilik petak mengenai pelantikan agen ini dan pemilik petak diberi tempoh selama 14 hari dari tarikh notis disampaikan untuk memfail bantahan atau mendapatkan penjelasan daripada pihak COB mengenai perkara pelantikan ini. Sekiranya tiada bantahan selepas tamat tempoh berkenaan maka pihak COB akan mengambil langkah seterusnya dengan mengeluarkan surat tawaran kepada agen pengurusan yang telah dikenal pasti untuk mendapatkan sebut harga bagi tujuan tersebut dan analisa sebut harga dan pemilih agen pengurusan akan dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal COB akan datang.

Soalan kedua adalah sama ada pihak Kerajaan Negeri telah menggariskan apa-apa KPI berkenaan dengan pelantikan agen iaitu sekiranya gagal kita melantik atau kita menubuhkan MC. Untuk makluman tuan, Seksyen 86 Akta 57 bahawa Pelantikan Agen boleh dibuat sekiranya di dalam Mesyuarat Agong tiada pembeli petak sudi atau enggan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan jika dapati bahawa pengurusan dan penyelenggaraan bangunan tidak dijalankan dengan memuaskan oleh pihak pemaju atau perbadanan pengurusan. Akta ini juga tidak menyatakan secara jelas KPI Pelantikan agen. Ini kerana pelantikan agen adalah bergantung kepada maklum balas dan aduan daripada pemaju pemilik serta bukti siasatan kebenaran aduan tersebut kepada pihak COB. Selain itu pelantikan agen ini juga adalah bergantung kepada kesanggupan agen-agen pengurusan untuk menguruskan suatu kawasan kemajuan kerana Syarikat Agen adalah sebuah Syarikat yang berlandaskan keuntungan dan lazimnya sukar untuk memperolehi Syarikat Agen yang sudi menguruskan kawasan kediaman kos rendah yang mempunyai tunggakan caj dan liabiliti yang tinggi. Kejayaan agen yang dilantik menguruskan sesuatu kawasan juga bergantung kepada komitmen pemilik untuk membayar semua caj dan caruman yang dibilkan kepada mereka termasuk caj bagi *fees agent*. Jika jumlah kutipan caj kurang daripada operasi akibat pemilik enggan atau gagal membayar caj yang dibilkan maka akan berlaku ke tidak sempurnaan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan dan sekali gus akan menyukarkan pihak agen. Maka secara keseluruhannya buat masa ini KPI yang jelas berhubung lantikan agen ini dan pencapaian ini boleh berubah berdasarkan tetapi pencapaian ini boleh berubah berdasarkan kepada sejauh mana penerimaan dan kerjasama diberikan oleh pemilik dan agen sertanya ianya adalah berbeza dari satu kes ke satu kes yang lain.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker, mengikut jawapan Y.B. EXCO yang juga senario yang saya faham *on the ground*. 2011 AGM berjaya tetapi 2012, 2013, 2014 tidak ada AGM dilaksanakan. Sebenarnya COB kena mengesan kenapa tidak ada AGM dan dia kena step ini dan apabila AGM tidak dilakukan sejak 2016 sehingga sekarang *is a red flag* dengan izin di mana memang pengurusan di sana tidak dilakukan

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalannya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi satu KPI kepada COB bila AGM ini tidak dilakukan. Setahun-tahun seterusnya dia perlu *pick up* dan perlu menyiasat kes itu dan membuat sesuatu demi kesejahteraan penduduk yang membayar, bukan semua penduduk adalah yang jenis degil banyak mereka juga yang membayar tetapi mereka menjadi *victim of the situation*.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sebenarnya adalah bersangkutan paut dengan penstrukturan semula COB. Kerajaan Negeri baru sahaja meluluskan penstrukturan COB dengan menambah jumlah kakitangan. *Insya-Allah* mungkin dengan pertambahan kakitangan ini maka pemantauan yang lebih teliti dapat dilakukan ke atas COB-COB atau ke atas JMB-JMB oleh COB sebab kita telah menetapkan bahawa jumlah minima atau penambahan bagi kakitangan-kakitangan bagi setiap unit COB atau Jabatan COB di PBT-PBT, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RAHNI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PERKHIDMATAN WIFI SELANGORKU

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kontraktor yang dilantik?
- b) Apakah spesifikasi perkhidmatan wifi?
- c) Bagaimanakah dipastikan setiap pemasangan telah mematuhi spesifikasi model, penggunaan dan kepuasan pengguna?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Meru, pihak Kerajaan Negeri telah melantik dua pembekal perkhidmatan yang mempunyai keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan *high speed broadband* yang memenuhi piawaian bertaraf antarabangsa di seluruh negeri Selangor. Kelajuan bagi setiap *hotspots* adalah di antara 30 mpps sehingga 100 mpps untuk jaringan prasana *fibre optic* dan 2 mpps hingga 8 mpps untuk jaringan prasarana *copper* dengan izin. Keluasan minima yang boleh dicapai ialah dalam radius 50 meter untuk *indoor* dengan izin dan 100 meter untuk *outdoor*. Setelah pemasangan dilaksanakan pengesahan mengenai pematuhan spesifikasi adalah berdasarkan persetujuan penerimaan daripada pihak pengguna melalui borang ujian penerimaan pengguna atau pun *user acceptance test* dan pada masa yang sama pihak Kerajaan Negeri juga melakukan pemeriksaan berskala bagi setiap kawasan *wifi hotspots* untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan tersebut.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker soalan no. 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang tidak dapat dibelanjakan bagi tahun 2013 & 2014?
- b) Nyatakan sebab peruntukan ini tidak dapat belanjakan dan apakah langkah-langkah untuk memastikan peruntukan ini dapat dibelanjakan sepenuhnya bagi tahun 2015?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang ingin mendapatkan penjelasan tentang peruntukan MARRIS dan juga apakah kaedah penggunaan peruntukan ini. Untuk makluman Yang Berhormat berdasarkan rekod jumlah peruntukan MARRIS yang tidak dapat dibelanjakan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM33 juta dan bagi tahun 2014 sebanyak RM8.3 juta. Sebagai makluman siling peruntukan sebanyak RM582.8 juta dalam tempoh tersebut merupakan siling tahunan yang telah diberikan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor kepada Agensi Pelaksana menerusi surat kelulusan belanja. Manakala perbelanjaan berjumlah RM541.4 juta dalam tempoh sama adalah perbelanjaan yang dituntut oleh Agensi Pelaksana menerusi salinan dokumen surat setuju terima. Berdasarkan modes operandi pelaksanaan Projek MARRIS, peruntukan hanya akan

di salur berdasarkan nilai sebenar surat setuju terima yang dikemukakan oleh agensi pelaksana. Oleh yang demikian baki peruntukan yang tidak dibelanjakan dalam tempoh tersebut seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah berjumlah RM41.4 juta telah dibawa ke hadapan untuk perancangan dan pelaksana projek MARRIS yang berikutnya.

Pemberian penyelenggaraan jalan negeri di bawah peruntukan 109(1)(B) Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan-jalan negeri di negeri-negeri masing-masing. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan peruntukan MARRIS tersebut tidak dibelanjakan mengikut siling.

- 1) Penubuhan semula Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri atau MARRIS di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Perbendaharaan Negeri Selangor telah membawa satu resolusi di Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada November 2012 untuk menubuhkan semula Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri atau MARRIS di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Penubuhan semula ini di buat susulan teguran Audit pihak Kementerian Kewangan yang telah menegaskan bahawa penubuhan Kumpulan Wang Amanah MARRIS di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 adalah tidak teratur dari segi undang-undang. Usaha menubuhkan semula Kumpulan Wang Amanah ini di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan hanya selesai sepenuhnya pada 15 Januari 2013 di mana kod perakaunan tabung amanah yang terlibat telah dipinda dari 60002 kepada 57041.
- 2) Mengenai dasar Perolehan Kerajaan Negeri, seperti kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar perolehan iaitu harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal dalam tempoh 2011 hingga 2014. Menerusi dasar ini terdapat penjimatan peruntukan susulan kebanyakan bidangan harga yang berjaya adalah jauh lebih rendah dari anggaran jabatan. Oleh yang demikian agensi pelaksana perlu mengemukakan senarai projek tambahan untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal MARRIS yang diurusetikan oleh UPEN dan melaksanakan semula proses perolehan untuk menghabiskan siling peruntukan yang ditetapkan.

Sebagai langkah penambahbaikan Kerajaan Negeri telah mula mengguna pakai dasar penilaian dan perolehan secara sistem *cut-off* pada 1 Januari 2015. Akhirnya untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri komited untuk membelanjakan siling tahunan yang ditetapkan pada tahun 2015 berjumlah RM600 juta menerusi langkah-langkah seperti berikut:-

- 1) Memastikan semua Jabatan dan agensi pelaksana memahami keperluan sebenar, kerja-kerja penyelenggaraan di tapak untuk memastikan perancangan kerja tersebut selari dengan garis panduan penyelenggaraan jalan negeri MARRIS. Perancangan kerja yang selari dengan garis panduan MARRIS akan mempercepatkan proses kelulusan projek di peringkat Jawatankuasa Teknikal yang diurusetiaikan oleh UPEN. Apa yang berlaku sebelum ini persepsi awam ialah MARRIS hanya untuk menyelenggara jalan tetapi di peringkat awal apabila saya diberikan tanggungjawab ini, saya telah memaklumkan kepada Dewan kalau kita mengikut garis panduan tatacara pengurusan pemberian penyelenggaraan jalan negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Ada 4 skop utama sebenarnya yang boleh kita gunakan melalui peruntukan MARRIS:
 - 1) Penyelenggaraan buletin atau pun jadual;
 - 2) Penyelenggara berkala;
 - 3) Penyelenggaraan kecemasan termasuk kerja-kerja luar jangka yang tidak memerlukan tindakan segera seperti pokok tumbang, tanah runtuh, jalan mendap, kegagalan benteng dan ini skop yang perlu difahami oleh semua agar kita dapat memanfaatkan peruntukan tersebut;

Untuk makluman Yang Berhormat juga baru-baru ini pada 29 Jun 2015 dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, saya mewakili Kerajaan Selangor telah mencadangkan supaya peruntukan MARRIS ini juga boleh disemak semula termasuk penggunaan untuk menaik taraf parit dan longkang kerana parit-parit dan longkang di banyak kawasan-kawasan perumahan telah dibina sekian lama mungkin 40 dan 50 tahun dan ini menjadi punca kepada masalah banjir kilat. Hari ini peruntukan MARRIS tidak boleh diguna hanya untuk membaiki sahaja. Tidak boleh menaik taraf dan perkara ini telah diambil maklum dan saya juga telah mencadangkan satu peruntukan baru khusus untuk menyelenggara dan menangani masalah banjir kilat. Yang kedua saya telah nyatakan tadi meminda dasar perolehan semasa kepada dasar penilaian perolehan secara sistem *cut-off* yang ketika melaksanakan gerak kerja berkaitan MARRIS iaitu pengeluaran surat kelulusan berbelanja dan proses kelulusan Jawatankuasa Teknikal lebih awal dari biasa iaitu pada bulan November dan Disember. Banyak perbahasan dalam Dewan ini yang mencadangkan supaya untuk lebih awal mengenal pasti kawasan-kawasan yang perlu diselenggarakan dan kita telah memberikan arahan supaya semua kelulusan dan surat kelulusan perbelanjaan ini dikeluarkan lebih awal iaitu pada bulan November dan Disember tahun sebelum pelaksanaan projek tersebut. Yang keempat memastikan agensi pelaksana melaksanakan projek perolehan sejurus tajuk projek diluluskan oleh Jawatankuasa

Teknikal MARRIS dan akhirnya selain aktiviti yang di rancang Jawatankuasa Pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan permohonan-permohonan tambahan yang selaras dengan skop MARRIS secara *case by case basic*, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Masa untuk Pertanyaan telah tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. USUL

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul No. 34 Tahun 2015 Usul di bawah Peraturan Tetap 26(5) Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Tuan Speaker, Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Ya Sg. Air Tawar.

Y.B TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih. Sebelum usul dibahaskan saya mohon pencilahan..

TUAN SPEAKER: Sg. Air Tawar usul ini belum lagi dibawa.

Y.B TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Memang bukan ini. Ya. Mengenai perkara semalam. Mengenai usul yang ditarik balik secara serta-merta semalam. Pada tahun lepas saya cuba bawa usul hudud dan saya beri surat khas kepada Tuan Speaker, menyatakan saya menarik balik surat tersebut dan malang saya diberi amaran keras supaya setiap usul yang dibawa hendaklah bertanggungjawab.

TUAN SPEAKER: Sg. Air Tawar, yang itu usul persendirian ADUN. Semalam usul ditarik balik adalah Jawatankuasa. Berbeza Sg. Air Tawar.

Y.B TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Ok Terima kasih pencilahan.

TUAN SPEAKER: Baiklah teruskan Hulu Kelang.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: *Bismillahir rahmanir rahim*. Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa sesuatu usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawasanya menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa pilihan khas mengenai pembasmian

kemiskinan JPK pembasmian kemiskinan bagi dewan Negeri Selangor berkenaan dasar pelaksanaan Rumah Mampu Milik dalam membasmi kemiskinan di negara Singapura yang dibentangkan dewan yang mulia ini sebagai mana kertas mesyuarat bil. 51 tahun 2015.

Tuan Timbalan Speaker, penyata ini telah disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas pembasmian kemiskinan. Dan isu perumahan dilihat dalam konteks satu program bersepadu bagi menangani mengurangkan dan membasmi kemiskinan di negara Singapura rombongan daripada Jawatankuasa membuat lawatan ke sana dalam konteks yang kemungkinan dapat dilaksanakan di negeri Selangor.

Saya ingin menarik perhatian dewan bahawa penyata ini tidak memuatkan dan tidak melihat dalam konteks faktor politik amalan demokrasi pengurusan politik pemerintah budaya politik dan Budaya pengukuhan kuasa di negara Singapura. Demikian juga kertas kerja ini Penyata ini tidak menyentuh isu demokratik. Demografi penduduk, etnik dan struktur budaya dan kaum. Penyata ini cuba dikemukakan dalam satu perspektif untuk mempelajari bagaimanakah isu kemiskinan telah ditangani oleh kerajaan Singapura dalam konteks yang bersepadu dan selaras dengan perkembangan-perkembangan sosial politik, ekonomi, kepesatan pembangunan ekonomi di negara Singapura dan sekali gus isu ini tidak pernah ditangani dengan konteks yang kami faham di negara Singapura sebagai satu projek khas untuk membasmi kemiskinan. Itu adalah beberapa pertimbangan perlu diambil kira dalam konteks yang perlu dikemukakan.

Dalam konteks yang perlu ada usul ini dibawa untuk melihat bagaimanakah Program Pembasmian Kemiskinan dilaksanakan sekali gus dalam menangani isu perumahan, penempatan dan pemilikan hartanah di negara Singapura. Dengan itu kita melihat bahawa 2 agensi penting yang terkandung dalam penyata ini yang memainkan peranan cara *systemic* secara menurut sistem dan sistematik yang teratur adalah *Housing Development Board* (HGB) dan *Urban Re Development Auotority* URA Singapura. HGB telah diwujudkan pada tahun 1960, di mana pada masa itu pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan Singapura bukanlah dalam konteks menangani kemiskinan tetapi dilihat dalam konteks bagaimanakah negara itu patut dibangunkan dalam konteks keseluruhan. Rancangan yang bersepadu di mana *Urban Re Development Auotority* membuat perancangan yang teliti teratur sejak tahun 74 diawali dengan *Housing Re Development Board* pada tahun 1960 yang melihat pembangunan Singapura itu dalam konteks ekonominya dalam konteks khas lokasi strategiknya dan seumpamanya memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti hidup, kualiti diri, kualiti keluarga, kualiti sosial, dan kualiti berkaitan dengan jurang pemilikan harta dan rumah tempat tinggal di Singapura.

Jadi dalam konteks Singapura *Housing Re Developement Board* kerjasama rapat dengan *Urban Redevelopent Auotority* telah menjadikan perumahan awam tanggungjawab paling utama paling teras yang dilakukan oleh kerajaan. 80%

penduduk Singapura tinggal di rumah yang diatur yang dirancang, dibina, diurus selia dan dinaik taraf oleh HGB. Dengan itu sistem perumahan yang sekali gus meletakkan *detail* maklumat seumpamanya tentang penduduk rakyat. 60% kalangan penduduk Singapura yang tinggal di taman perumahan awam yang tidak mampu. Jadi HDB tidak *address* 60% miskin tetapi golongan yang patut dibantu, dimudahkan diberikan bantuan subsidi dan sebagainya untuk menyewa rumah awam yang dibina oleh kerajaan dalam perspektif. Jawatankuasa melihat mereka ini golongan yang miskin. Kalau kita tanya apakah program untuk menangani isu program membasmi kemiskinan, tidak ada jawapan. Paradigma mereka lain. Paradigma mereka adalah lain. Paradigma mereka adalah membangunkan ekonomi, kualiti hidup, diri, pendidikan, pengetahuan rakyat mereka dan sekali gus antara asas paling penting adalah prasarana, kemudahan tempat rekreasi, infrastruktur, tempat bekerja, pengangkutan, membolehkan setiap rakyat Singapura membolehkan memiliki rumah yang boleh dijual melalui kerajaan mereka yang untuk kegunaan mereka yang berpendapatan yang lebih rendah untuk meningkat perbelanjaan yang begitu tinggi.

Dengan itu isu ini kita lihat selesai secara yang bersepadu. Dalam penyata ini saya ingin menarik perhatian ahli-ahli Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini dalam muka surat 14 tentang penemuan Jawatankuasa. Muka surat 14 menyatakan bahawa kerajaan Singapura mengambil pendekatan yang holistik dalam melaksanakan Rumah Mampu Milik. Sekali gus menjalankan program membasmi kemiskinan. Bukan sahaja dari segi penawaran skim perumahan mampu milik tetapi juga memastikan pembinaan kemudahan, infrastruktur, yang berkaitan dengan pendidikan sekolah, tempat kerja dan sebagainya pengangkutan yang baik supaya pemilik rumah mampu milik dapat merasakan kualiti hidup yang tinggi.

Di samping itu Jawatankuasa juga memutuskan bahawa penemuan dan hasil daripada itu Jawatankuasa membuat saranan keseluruhan kerajaan negeri boleh mengambil iktibar dengan mengambil pendekatan yang holistik dalam melaksanakan dasar perumahan mampu milik mahupun dengan langsung mahupun secara tidak langsung bagi membasmi kemiskinan di negeri Selangor ini dapat dicapai dengan memberi penekanan kepada pembinaan kemudahan infrastruktur yang baik selain menawarkan perumahan mampu milik kepada rakyat Selangor. Jadi persoalan yang dikemukakan isu yang ingin ditonjolkan oleh Jawatankuasa di sini adalah *approach* dengan izin pendekatan dalam menangani isu kemiskinan isu terpinggirnya. Isu bagaimanakah rakyat yang miskin itu dapat mengambil tempat arus perdana pembangunan ekonomi ini, kemudahan yang bersepadu. Jadi pendekatan itu yang kami ingin sarankan kepada kerajaan negeri Selangor agar apabila kita bercakap tentang perumahan, kita bercakap tentang perumahan, pembangunan negeri Selangor, infrastruktur, sistem pengangkutan, sekolah anak-anak, kejuruan, bahkan di Singapura diambil kira hubungan di antara anak-anak dengan ibu bapa yang sudah tua memudahkan anak-anak tinggal di tempat yang berhampiran dengan ibu bapa mereka yang sudah tua untuk memudahkan pembangunan sosial hubungan kekeluargaan, lawatan, ziarah dan sebagainya.

Jadi kita rasa banyak yang kita boleh dipelajari. Dengan itu saya mengemukakan usul ini disokong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli Berhormat yang menyokong.

Y.B PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Tuan Seri Serdang menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Berhormat sekalian, usul telah disokong. Saya buka untuk perbahasan.

Y.B PUAN LEE KEE HIONG: Tuan Speaker,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuala Kubu Baru.

Y.B PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih kepada Timbalan Tuan Speaker. Saya amat setuju dengan saranan keseluruhan dan saranan sokongan dalam penyata ini. Saya ingin menyentuh tentang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Peranan mereka dalam menyusun dan menyebarkan maklumat di pasaran hartanah seperti disebut saranan sokongan yang ke-9. Di Singapura terdapat 80% penduduknya tinggal di rumah pangsapuri yang dibina oleh HGB. Di Selangor kita tidak tahu berapa % penduduk tinggal di pangsapuri. Saya yakin tidak setinggi 80%.

Tuan Timbalan Speaker. Kerajaan negeri telah mempunyai saranan untuk membina 35 ribu unit 'Rumah Selangorku' menjelang tahun 2018. Besar kemungkinan 35 ribu unit ini tidak mencukupi kerana nilai ringgit jatuh, akan menyebabkan kos rumah naik dan seterusnya ramai tidak mampu membeli rumah mewah. Dengan itu mereka memohon 'Rumah Selangorku'.

Permohonan akan bertambah kepada 'Rumah Selangorku' ini juga akan memberi tugas berat kepada LPHS. Mereka menerima permohonan daripada semua daerah. Pemohon daripada Kuala Kubu Baru tidak mungkin membeli 'Rumah Selangorku' di Dengkil dan pemohon di Sepang tidak mungkin membeli rumah di Serendah. Begitu juga dengan pemaju. Pemaju yang bergantung pada senarai nama pemohon daripada LPHS pula mengharap daripada LPHS boleh membekalkan senarai nama pemohon dengan kadar yang segera. Alasan pemaju sekiranya mereka tidak dapat menjual projek mereka dengan cepat maka mereka akan menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan projek tersebut.

Kita dapat lihat tanggungjawab yang amat berat yang dipikul oleh LPHS. Bagi memastikan kejayaan projek-projek 'Rumah Selangorku' untuk rakyat Selangor. Dengan ini adalah wajar kerajaan Selangor mengambil langkah bagi LPHS berfungsi dengan lebih berkesan bagi memastikan pemohon dapat 'Rumah Selangorku' di tempat pilihan yang sebenar. Pemaju juga tidak menghadapi kesulitan menjual

“Rumah Selangorku’. Saya harap kerajaan boleh mengambil langkah yang sewajarnya. Dengan itu saya menyokong usul ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada lagi. Bkt. Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Kenapakah Tuan Timbalan Speaker tak bagi semua sebelum saya? (sambil ketawa). Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya akan bahas pendek sahaja pada usul ini. Saya ingin menyentuh kepada saranan sokongan nombor dua, di mana bagi penduduk yang layak menerima skim perumahan mampu milik, kerajaan negeri hendaklah menawarkan insentif untuk menggalakkan sesebuah isi rumah meningkatkan taraf hidup mereka secara berperingkat melalui pembelian rumah mampu milik jenis lain. Tuan Timbalan Speaker, sekarang saya amat gembira kita ada satu Skim Rumah Selangorku berbanding beberapa tahun yang lepas. Di mana semua anak muda negeri Selangor terpaksa bergantung kepada pasaran bebas untuk membeli rumah mereka jika mereka di luar kategori kos rendah. Tetapi kita ada keluarga negeri Selangor yang mungkin sekarang menduduki rumah kos rendah yang boleh menaik taraf kehidupan mereka kerana mungkin gaji sudah naik, gaji gabungan suami isteri sudah naik dan saya rasa sudah sampai masanya kita memperkenalkan cara untuk mereka membuat *upgrade* dengan izin daripada rumah kos rendah yang hendak menaik taraf ke rumah Selangorku, macam mana prosesnya dan macam mana bantuan kerajaan untuk mencapai sasaran tersebut. Saya perhatikan daripada HDB, apabila sesuatu keluarga ingin menaik taraf pangsapuri mereka, mereka dibenarkan mendapat pangsapuri baru dahulu dan diberi enam bulan untuk menjual pangsapurnya yang lama. Didalam kes Selangor mungkin kita boleh memperkenalkan cara-cara tersebut untuk membantu keluarga yang ingin naik taraf. Kita bukan sahaja ada rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah tapi dalam Rumah Selangorku pun kita ada banyak kategori daripada A hingga D. Jadi mungkin tahun ini sesebuah keluarga tu mampu beli jenis A tetapi mungkin dalam tiga tahun dia sudah naik pangkat *or* dapat pekerjaan baru dan dia ingin menaik taraf, dia ingin membeli rumah jenis D, dia harus diberi kelonggaran untuk menaik taraf tanpa penalti. Sebab apa ni, dia tidak boleh beli rumah lebih daripada satu Rumah Selangorku. So, kita bagi dia bukan saja satu had yang *restrictive*. Ok, kita tidak mahu orang memegang dua tiga Rumah Selangorku tetapi kita perlu beri ruang untuk membuat *upgrade* mendapat rumah yang lebih baik dan lepas itu diberi satu tempoh mungkin yang enam bulan boleh dipakai juga di negeri Selangor untuk menjual rumah lama mereka. Kita juga boleh membantu mereka dalam proses *transition*, mungkin deposit 10% untuk rumah bila mereka menaik taraf. Kita boleh mengecualikan ataupun kita *delay the* deposit sehingga mereka menjual rumah lama mereka dan daripada *proceed* mereka jual rumah lama mereka deposit 10% tu untuk rumah baru tu boleh di *cover*. Ini mungkin cara kita boleh memberi kemudahan dan menyenangkan proses untuk mereka *upgrade*. Dan saya harap kerajaan negeri Selangor boleh meneliti *possibility* kita membuat Skim seperti ini. Yang kedua, yang saya tertarik dalam saranan ini ialah cara dan kadar penyewaan flat HDB di

Singapura kepada rakyat yang miskin. Yang paling rendah ialah dua puluh enam Dolar Singapura. Itu yang paling-paling rendah dan saya kira kalau kita tidak boleh melupuskan golongan 10% termiskin di negeri Selangor. *They will always be the poor with us* dengan izin. Tetapi kita boleh memastikan kehidupan mereka senang. Nombor satu stok rumah PPR ataupun rumah Selangorku untuk disewa untuk golongan termiskin ini sentiasa perlu ada. Kita tak boleh *put them on queue* dengan izin. Ada kes di Bukit Gasing di mana ibu bersama tiga anak terpaksa sewa satu bilik kerana tidak mampu mendapat flat dan PPR semua penuh di kawasan Petaling Jaya. Kes ini amat menyedihkan dan saya rasa tidak sihat untuk pembangunan anak-anak ibu tunggal ini. Sedari stok rumah untuk disewa ini perlu mencukupi pelbagai cara untuk mengeluarkan orang yang tidak layak lagi perlu dilaksanakan. Dan bukan sahaja stok perlu mencukupi tetapi harga dia perlu mungkin perlu lebih *flexible*, bukan sahaja RM124.00 atau RM125.00 tetapi kita mungkin boleh juga memperkenalkan satu harga yang lebih rendah daripada RM124.00 kepada mereka yang betul-betul memerlukan bantuan ini. Bukan untuk semua tetapi untuk mereka yang betul-betul memerlukan. Jadi inilah dua, dua cadangan saya, dua saranan yang saya petik daripada sini yang saya rasa perlu diberi perhatian serius. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan Speaker. Seri Andalas ingin mengambil bahagian dalam usul yang telah dibawa oleh Hulu Kelang. Beberapa isu sahaja yang penting saja saya nak bawa di sini. Satu ialah memang sasaran yang nombor tiga itu kerajaan negeri hendaklah memastikan sebuah kawasan perumahan mampu milik mempunyai berbilang kaum supaya dapat menumpukan semangat perpaduan di kalangan masyarakat majmuk. Memang saya, saya setuju dengan itu tetapi dalam rancangan Rumah Mampu Milik ini sekarang, masalah sekarang yang ada di dalam rumah-rumah kos rendah ini ialah tidak ada tempat-tempat untuk sosial *amenities* di dalam kawasan-kawasan tertentu ini. Contohnya, saya nak bagi di sini ialah bila ada kematian di dalam satu kawasan rumah kos rendah. Kaum Melayu, Islam ada satu dewan dan juga digunakan untuk jenazah dan digunakan untuk kematian tetapi kaum bukan Melayu ini tidak ada tempat diberikan di dalam kawasan itu dan itu jadi satu isu sosial di dalam situasi yang kita ada. So, saya minta kerajaan bila lulusan dibagi kepada pembinaan adakan Rumah Mampu Milik, ataupun Rumah Kos Rendah, sekarang kita mesti tentukan bahawa kemudahan-kemudahan awam ini diberikan di dalam kawasan-kawasan tertentu itu, kedai-kedai di ada sana dekat dengan kawasan adalah dewan yang boleh digunakan dengan semua penduduk di dalam kawasan-kawasan tertentu. Untuk tadika ada kawasan untuk mengadakan tadika di dalam kawasan itu. *I think* ini kita kena tukar cara pelan yang kita telah timbul dan ini kena dibaiki dalam jangka panjang yang akan datang. Lagi satu ialah saya nampak sekarang, Menteri Besar dan juga Jawatankuasa Perumahan telah pun lancarkan Rumah Mampu Milik dengan Skim besar di beberapa kawasan ya, terutama sekali digunakan dengan

pemaju-pemaju terkenal di dalam negeri Selangor untuk binaan Rumah Mampu Milik. Syabas dan tahniah kepada Menteri Besar dan juga EXCO berkenaan. Tetapi pada masa yang sama saya nak katakan kita kena bagi tumpuan juga kepada *developer-developer* yang sederhana yang ada mampu untuk benakan Rumah Mampu Milik di negeri Selangor dan boleh bawa pakaran mereka juga kepada negeri Selangor untuk tentukan mereka pun dibagikan kuasa untuk majukan dan benakan rumah-rumah ini dalam negeri Selangor. Saya katakan demikian sebab ada beberapa PBT- PBT dan juga negeri yang ada tanah-tanah di dalam kawasan-kawasan mereka sendiri. Bukan tanah yang luas yang sangat besar tapi tanah dia dua ekar, tiga ekar, sepuluh ekar dan sebagainya. *This is call pocket development, pocket land* yang ada itu boleh digunakan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik. Sekarang yang diminati oleh ramai penduduk di dalam negeri Selangor *and the demand* adalah tinggi sangat. So, apa salahnya kalau kita gunakan tanah-tanah ini yang ada dan kita *engage* dengan *developer-developer* yang sederhana yang ada di dalam negeri Selangor, bukanlah yang besar-besar yang di dalam bursa Kuala Lumpur. So, kita boleh bekerja dengan mereka, dengan cara *joint venture* ataupun *equity sharing* ke. Apa yang kita nak buat untuk majukan kawasan-kawasan ini untuk cepatkan prosesnya untuk adakan lebih Rumah-rumah Mampu Milik di dalam negeri Selangor. Inilah sedikit sasaran yang saya nak bawa kepada mereka dan juga macam mana kita boleh adakan Skim Sewa Beli untuk golongan miskin sekarang di dalam negeri Selangor meningkat. Kemiskinan perbandaran ataupun *Urban Portly*. Ini sekarang kita nampak ialah satu isu besar di dalam Selangor dan macam mana kita nak atasi masalah ini dan bolehkah kerajaan negeri kaji dan tentukan bahawa Skim Sewa Beli ini boleh dilakukan khususnya di dalam Rumah Kos Rendah, bukan Rumah Selangorku dan sebagainya tetapi di dalam Rumah Kos Rendah. Dengan ini saya sokong usul dari Hulu Kelang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Saya bagi Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalah Speaker. Teratai di sini membahaskan berkenaan dengan penyata yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan. Terlebih dahulu Taratai mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa berkenaan di mana telah mengetengahkan keperluan untuk memiliki Rumah Mampu Milik oleh golongan yang memerlukan, terutama sekali bagi golongan yang miskin. Teratai di sini merujuk kepada saranan, sokongan yang merupakan perkara yang ketiga yang mana menyarankan kerajaan negeri untuk memastikan sesuatu kawasan perumahan mampu milik mempunyai berbilang kaum supaya dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat majmuk. Teratai di sini mengalu-alukan saranan yang telah dikemukakan di mana kuota yang telah ditetapkan untuk Rumah Mampu Milik ini tidak haruslah berdasarkan kaum tetapi haruslah berdasarkan golongan mereka yang memerlukannya. Bagi di negeri Selangor bagi golongan ibu tunggal seperti mana yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing, ibu tunggal selalunya merupakan golongan yang memerlukan bantuan. Di kawasan

Teratai barangkali terdapat banyak ibu tunggal yang datang ke Pusat Khidmat Teratai untuk meminta bantuan ada antara mereka selalunya menghadapi masalah pemotongan elektrik, pemotongan air atas ketidakmampuan mereka untuk membayar bil-bil seperti yang sedemikian. Jadi ibu tunggal yang terpaksa tidak dapat bekerja dengan bebas kerana hendak menjaga anak-anak mereka, sesungguhnya kerajaan negeri haruslah membekalkan rumah mampu milik dengan menetapkan kuota tertentu kepada ibu tunggal supaya mereka mendapat satu tempat tinggal yang selamat dan selesa. Seperti mana yang telah di dapati bagi negara Singapura apabila terdapat seseorang pihak kes penceraian berlaku bagi pihak yang terpaksa untuk menjaga atau menyusu kanak-kanak, rumah bagi di Singapura di beri kepada pihak yang menjaga anak. Jadi saya berharap kerajaan negeri Selangor dapat menerima pakai prosedur atau aplikasi atau yang telah dilakukan di negara Singapura supaya kuota ditetapkan untuk golongan ibu tunggal dalam pemberian Rumah Mampu Milik sedemikian. Selain daripada itu bagi golongan anak muda yang kian menghadapi masalah untuk membeli rumah mampu milik. Rumah di kawasan bandar juga seperti mana Teratai pernah ketengahkan, ada mereka terpaksa mendapat sokongan daripada ibu bapa untuk membayar itu deposit pembelian rumah. Jadi sekiranya kerajaan Selangor memang mementingkan kepentingan anak muda yang merupakan pemimpin negeri masa depan. Jadi saya menyeru kerajaan negeri Selangor dapat menyediakan Rumah Mampu Milik yang secukupnya untuk golongan anak muda yang mana tempat pembinaan Rumah Mampu Milik itu haruslah dibina berdekatan dengan tempat tinggal ibu bapa mereka. Bagi golongan anak muda apabila mereka telah ditempatkan di kawasan yang lain seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, mereka tidak dapat menjaga ibu bapa mereka dalam masa-masa yang tertentu seperti pada waktu malam. Apabila mereka tinggal, contohnya apabila mereka tinggal di kawasan Pandan tetapi telah diminta untuk membeli rumah di kawasan Dengkil, jadi jarak di antara Dengkil dengan Pandan adalah lebih kurang satu jam. Apabila sekiranya apa-apa berlaku terjadi terhadap ibu bapa mereka, golongan anak muda ini tidak dapat sampai ke rumah ibu bapa mereka dalam masa yang singkat. Jadi Teratai berharap sekiranya Kerajaan negeri Selangor mempunyai bidang tanah yang seluas lima ribu ekar yang seperti mana yang dinyatakan dalam penyata sebelum ini, tanah-tanah yang merupakan tanah hak milik kerajaan negeri Selangor haruslah dirizabkan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik dan bukan hanya sekadar bergantung kepada pihak pemaju yang selalunya meletakkan kawasan yang agak di luar bandar untuk membina rumah mampu milik untuk golongan yang memerlukannya. Kes pembasmian kemiskinan bukan saja berlaku di kawasan luar bandar. Pada masa kini kemiskinan berlaku di bandar juga agak kritikal. Jadi Teratai berharap supaya kerajaan Selangor ambil berat atas saranan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan ini. Maka dengan ini Teratai menyokong. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Sila Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Terima kasih Timbalan Speaker. Batu Tiga ingin mengambil bahagian untuk menyentuh beberapa perkara yang ringkas saja. *Insyallah*. Untuk makluman Dewan ini, saya yakin kita telah pun tahu tentang ada satu dasar sedia ada oleh kerajaan negeri iaitu dasar untuk membaiki rumah atau membina rumah golongan miskin ini di tanah-tanah persendirian. Jadi bagi saya satu dasar baru wajar difikirkan bila kertas penyata ini dibentangkan dan kita lihat ia amat baik untuk diguna pakai. Kerana dasar yang sedia ada ini hanya sesuai untuk kawasan-kawasan luar bandar ataupun bagi golongan miskin yang memiliki tanah. Tetapi sekarang ini hakikatnya rakyat miskin boleh dilihat pada dasarnya kebanyakannya tinggal di dalam bandar. Jadi saya menyarankan agar kita, pihak kerajaan juga melihat bagaimana untuk membantu golongan miskin ini untuk dibaiki dasar-dasar sedia ada. Contohnya dasar yang ada ini, bagi mana-mana golongan yang miskin, boleh diberikan satu dana untuk membaiki atau membina rumah baru. Tetapi saya ingin menyarankan dengan adanya satu hasrat yang baik yang dikemukakan dalam penyata ini, saya mencadangkan supaya wajar dipanjangkan supaya ia boleh juga diberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan untuk memiliki rumah-rumah kos rendah ataupun rumah miskin ini dengan, eh, rumah miskin pula. Rumah mampu milik ini dengan menukar polisi yang ada. Maknanya tidak lagi polisi tu khas untuk memiliki atau membina rumah baru di tanah-tanah persendirian tetapi boleh memiliki unit-unit perumahan dengan diberikan sedikit deposit. Kalau kita lihat, jumlah bangunan ataupun peruntukan yang diberikan untuk membina rumah baru ini dalam RM42,000.00, mungkin dibuat oleh Zakat ke, PKNS ke, dan sebagainya, *under* GLC. Bawah Kerajaan tempatan, kerajaan prihatin. Tetapi ia boleh di *convert* kan atau pun ditukarkan. Nilai yang disediakan mungkin RM30,000.00 itu untuk diberikan bayaran deposit untuk memiliki rumah kos rendah dan juga rumah mampu milik yang disediakan oleh kerajaan. Jadi akhirnya, saya yakin Dewan yang mulia ini ingin melihat rakyat yang miskin ini juga, boleh memiliki rumah kediaman yang mana mereka lagi tidak terpaksa menyewa rumah-rumah yang agak tinggi sewaanannya di kawasan bandar, yang sekarang ini lebih kurang mencecah RM700 hingga RM800 sebulan. Sekian, itu saja Batu Tiga ingin menyokong penyata yang dibawa oleh Jawatankuasa Kemiskinan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Saya persilakan pihak kerajaan jika ada ulasan. Cempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberikan pandangan dan juga terima kasih kepada Jawatankuasa yang terlibat yang telah membentangkan dapatan-dapatan ataupun perkara yang disarankan kerajaan, mengambil maklum dan juga melaksanakan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa masalah perumahan, bukan satu masalah yang hanya fokusnya kepada EXCO Perumahan tetapi ia perlu difikirkan bersama. Bersama EXCO-EXCO lain. Dan inilah yang telah kita lakukan. Masalah perumahan bukan berakhir dengan kita membina akan rumah-rumah seperti mana sekarang ini. Seperti semua ketahui bahawa kita telah kontrak untuk

mencapai, memulakan pembinaan 20,000 unit rumah mampu milik atau rumah *Selangorku* pada tahun ini. Ataupun kita *on-track* untuk mencapai 35,000 unit dalam masa 3 tahun lagi. Tetapi ada perkara-perkara lain lagi yang perlu kita tangani. Antaranya ialah masalah sosial atau masalah penyelenggaraan selepas rumah-rumah itu dibina. Tetapi masalah utama sekarang ini yang kita berhadapan adalah rumah-rumah yang telah dilancarkan itu, adalah bila ditawarkan kepada mereka yang hendak membeli, masalahnya ialah begitu ramai yang telah ditolak oleh bank untuk mendapatkan pembiayaan pembelian sama ada oleh bank ataupun daripada institusi kewangan yang lain. Jadi apa yang kerajaan negeri telah lakukan sekarang ini adalah, kita ada satu *pilot scheme* iaitu Skim Dana Cell. Di mana Skim Dana Cell ini, kita mulakan dengan dua projek. Iaitu di Sungai Sering, rumah Kos Rendah di Sungai Sering dan di Rimba Jaya. Di mana kita menghadapi, kita berhadapan dengan rakyat yang hendak membeli rumah tetapi telah mendapat peruntukan rumah, tetapi ditolak oleh bank. Jadi apa yang kita lakukan adalah melalui Dana Cell, kerajaan negeri beli rumah tersebut dan kita sewakan kepada rakyat. Dan apabila kita sewakan kepada rakyat, mereka boleh duduk di situ, mereka boleh bayar sewa, dan apabila pendapatan mereka meningkat, mereka boleh membuat pinjaman dan membeli rumah tersebut. Sebahagian daripada sewa yang mereka bayar, akan ditolak daripada harga rumah. Mereka boleh duduk, mungkin *at any time* selepas mereka duduk di situ, mereka boleh kembali kepada kerajaan negeri, mengatakan mereka mahu beli rumah tersebut dan sewa yang mereka bayar itu akan ditolak sebahagiannya daripada harga rumah. Dan kalau mereka masih tak mahu beli, mereka boleh duduk sehingga sewa yang mereka bayar itu dapat membiayai harga rumah tersebut. Jadi bermakna ini satu skim yang pertama yang telah kita laksanakan dan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan kita akan kembangkan lagi ke kawasan-kawasan yang lain.

Skim yang kedua, di mana sedang dibincangkan oleh fokus *group* bawah EXCO saya ataupun portfolio saya, adalah sama seperti skim-skim yang sama di negara-negara lain. Contohnya di New Zealand ada satu skim yang dinamakan sebagai *first home*. Di dalam skim *first home* ini, bahawa mereka yang nak membeli rumah dan mereka tidak ada deposit, mereka datang kepada kerajaan dan kerajaan akan memberi 10% daripada harga rumah tersebut untuk dibayar kepada pemaju. Dan ini akan *cover* ataupun akan dapat. Jadi bermakna bahawa mereka ini tak perlu bayar akan deposit 10% yang sekarang ini memang ramai yang sangat susah nak dapat. Tetapi rumah tersebut akan dimiliki bersama kerajaan negeri dan penduduk dan pembeli. Jadi bermakna negeri dan rakyat sama-sama beli rumah. Rakyat akan keluarkan 90% pembiayaan dan kerajaan negeri akan keluarkan 10%. Jadi bermakna bahawa

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan sikit. Kita model yang ada di Selangor di negara kita ini.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Belum, belum, kita sekarang ini, kita dan fokus *group* memikirkan benda itu. Dan saya akan masukkan satu Kertas EXCO selepas Dewan ini. Ini yang kita akan laksanakan. Dua perkara lah. Yang pertama, Dana Cell dah buat, DanaSell memang kita dah laksanakan. Yang ini yang *the second one*. Yang kedua ini, yang kita terpaksa fikirkan sebab terlampau ramai yang telah ditolak oleh pihak bank. Jadi yang, yang, yang kedua ini, akan dimasukkan dalam EXCO untuk kelulusan dan *Insyah-Allah* benda ini telah atau skim ini telah dilaksanakan di negara-negara lain. Untuk menyelesaikan masalah deposit dan untuk menyelesaikan masalah rakyat yang tidak dapat pembiayaan, pembiayaan daripada pihak bank. Selain daripada itu, ada perkara-perkara lain yang telah diutarakan tadi. Contohnya, Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu telah menyentuh tentang peranan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Sebenarnya Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah *involve* daripada bentuk asal, yang daripada mula-mula ia ditubuhkan kepada sekarang ini, ia telah menubuhkan satu anak syarikat ataupun syarikat, iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sendirian Berhad (PHSSB). PHSSB ini, sekarang ini, selain daripada menyelesaikan masalah-masalah kuota-kuota bumiputera, yang tidak dapat dijual, PHSSB ini juga menguruskan, Kota Damansara, PPR Kota Damansara, PPR HICOM dan juga PPR Serendah. Dan kemungkinan besar, kalau seperti mana yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini, seperti mana di negeri, di negara Singapura, bahawa penyelenggaraan rumah-rumah berstrata, semua berstrata di sana, adalah dilakukan oleh PBT. Mungkin PBT sendiri menghadapi masalah untuk menyelenggarakan keseluruhan pembangunan berstrata. Buat makluman Yang Berhormat sekalian, bahawa terdapat 675,462 unit, pembangunan strata di seluruh negeri Selangor, iaitu sebanyak 5,904 skim. Hampir 6,000 pembangunan, pembangunan berstrata di seluruh negeri Selangor. Dan mungkin tidak sampai 84%, penduduk yang tinggal di pembangunan berstrata, tetapi penduduk yang tinggal adalah 2.7 juta daripada 5.5 juta. Saya melihatlah untuk pihak PBT melaksana ataupun menyelenggarakan keseluruhan, mungkin menghadapi masalah. Mungkin ada satu perbadanan khas atau badan khas daripada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, untuk menyelenggarakan rumah-rumah ataupun pembangunan berstrata ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih. Saya nak cuba memahami, adakah kita menuju pendekatan holistik yang dikawal oleh kerajaan negeri ataupun sudah berada di tahap tersebut. Pendekatan holistik.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sekarang ini, dari segi penyelenggaraan pembangunan berstrata kita telah mulakan dengan dua dengan tiga kawasan. Bermakna bahawa yang dicadangkan oleh pihak atau jawatankuasa ini supaya kita mengambil alih penyelenggaraan pembangunan-pembangunan berstrata ini. Bermakna bahawa kita boleh *expend* atau menggunakan instrumen yang sedia ada. Iaitu kita boleh menggunakan PHSSB sebagai suatu badan yang sekarang ini yang berjaya untuk melaksanakan atau menyelenggarakan Kota Damansara dan HICOM dan juga di Serendah. Jadi seperkara lagi adalah dari segi

tadi, saya menyentuh bahawa pembinaan adalah satu perkara, tetapi pembiayaan itu juga satu perkara. Dan dari segi masalah sosial, atau isi rumah tersebut, sebab rumah itu bukan saja rumah, tetapi kita perlu membangunkan masyarakat di situ. Memang kita ada banyak program dan *Insyaa-Allah* perkara-perkara yang dicadangkan oleh pihak jawatankuasa, kita akan lihat dan kita akan pastikanlah yang mana perlu dilaksanakan, kita akan laksanakan. Contohnya dari segi kemudahan sekarang ini, rumah Selangorku, memang kita wajibkan perlu ada kemudahan-kemudahan. Bukan macam dulu lagi. Malah dari segi kawasan lapang, dari segi perkara-perkara yang baru, atau penambahbaikan, telah juga kita lakukan untuk rumah Selangorku. Bukit Gasing telah menyentuh tentang keperluan atau kita patut memberi peluang atau insentif untuk mereka yang duduk rumah kos rendah untuk *upgrade* kepada rumah Selangorku. Sekarang ini apa yang kita lakukan adalah mereka yang duduk di rumah kos rendah, boleh membeli rumah Selangorku juga. Iaitu gred rumah jenis A, kos rendah jenis A, B, C, D dan seterusnya. Jadi bermakna bahawa kita tak sekat orang yang duduk rumah kos rendah, duduk rumah di rumah kos rendah sahaja, tetapi kalau mereka nak *up-grade*, mereka boleh *up-grade*. Itu sebab kita benarkan. Kalau rumah kos rendah, boleh beli rumah kos rendah satu sahaja, tak boleh beli rumah lain. Tetapi kalau jenis B, C dan D, walaupun mereka ada rumah kos rendah, mereka masih boleh beli. Jadi makna kita benarkan, oleh sebab kita memahami bahawa ada mereka yang masih duduk rumah kos rendah tetapi pendapatan mereka telah bertambah, jadi mereka boleh belilah. Tapi itu mengambil masa lah, bukan 3, 4 tahun. Tapi masalahnya, kita tidak ada lagi undang-undang di negara kita, iaitu mewajibkan mereka yang duduk rumah kos rendah, apabila pendapatan mereka bertambah, mereka wajib jual rumah mereka. Itu belum ada lagi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Yang berhormat EXCO,

TUANTIMBALAN SPEAKER: Ya, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya tidak mencadangkan kita mewajibkan mereka jual la apabila pendapatan mereka meningkat, saya cuma mencadangkan skim untuk membantu mereka *up-grade*. Seperti yang saya terangkan tadi la, mungkin kita boleh bantu dari segi deposit. Di mana mereka boleh beli dan deposit itu boleh dibiayai apabila mereka menjual rumah kos rendah mereka. Tetapi tidak mewajibkan. Saya tidak mencadangkan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih. Ialah bermakna bahawa apa yang kita ada ialah membenarkan. Kita belum ada lagi satu skim iaitu untuk kita beri mereka deposit untuk mereka *upgrade* dari kos rendah kepada rumah Selangorku yang lain sama ada jenis B, C atau D. Seterusnya, Bukit Gasing juga telah membangkitkan tentang rumah-rumah untuk mereka yang berpendapatan rendah. Memang sekarang ini, apa yang kita lakukan telah PPR-PPR adalah khusus untuk mereka yang tidak mampu untuk membeli tetapi untuk mereka menyewa. Itu

sebabnya Kerajaan Negeri tidak bersetuju untuk menjual PPR-PPR ini. Walaupun terdapat tekanan ataupun daripada pelbagai pihak supaya kita jual kepada mereka yang duduk di sana. Sebenarnya PPR ini adalah sebagai *save the net* untuk mereka yang tidak mampu beli rumah dan mereka duduk di PPR. Dan untuk program yang terbaru Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor akan membeli rumah-rumah Selangorku dan untuk *batch* yang pertama LPHS akan membeli 50 buah rumah Selangorku di Setia Alam untuk dijadikan sebagai rumah sewa. Jadi bermakna polisi sekarang ini bukan kita bina tetapi kita sediakan peruntukan seperti yang diumumkan dalam bajet bahawa dan kita gunakan peruntukan ini untuk membeli rumah yang telah siap ataupun akan siap untuk rumah-rumah Selangorku dan kita akan sewakanlah kepada mereka-mereka yang, sama ada kepada mereka yang kurang berkemampuan atau terdapat pada mereka masa lagi untuk membeli rumah. Seterusnya dari segi Seri Andalas

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Membangkitkan kenapa kita

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing bagi Cempaka habis cakap dulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sebelum dia pergi *next* seterusnya. Berkenaan dengan stok rumah PPR. Saya ingin terangkan tadilah terdapat ramai yang tinggal di rumah PPR kalau tengok *parking lot* lah kereta yang tidak mungkinlah di bawah garis kemiskinan, yang tinggal di rumah PPR. Jadi adakah kita akan buat pemeriksaan berkala untuk mengeluarkan mereka yang bukan di bawah gaji RM1500.00 supaya rumah itu *available* untuk mereka yang betul-betul memerlukannya.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Pada ketika mereka masuk ke sesebuah rumah PPR kita ada dia punya *minium* ia punya gaji, tetapi selepas itu kita memang kita tidak mengadakan apa-apa operasi untuk *check* sama ada gaji mereka telah meningkat ataupun kalau gaji mereka meningkat untuk mereka dikeluarkan, kita belum ada lagi polisi. Sebab sekarang ini walaupun kita hendak keluarkan orang yang gajinya dah ada tunggaknya RM15,000.00 pun Ahli Dewan Negeri – Ahli Dewan Negeri akan melompat marah. Jadi bermakna kalau hendak mengeluarkan mereka yang gaji mereka tengah naik saya rasa perkara sama juga akan berlaku. Sekali ini, sekarang ini kita masih belum ada usaha lagi perlu menghukum untuk mengeluarkan sesiapa dari rumah PPR kecuali tidak bayar sewa. Makluman sehingga RM15,000.00. Saya *check* semalam sampai ada RM15,000.00, hutang sampai RM15,000.00. Kalau kos RM124.00 sebulan, kalau RM15,000.00 bermakna 100 bulan tidak bayar.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tuan Timbalan Speaker, kena *check* betul-betul YB EXCO. Ini RM15,000.00. Kena *check* betul-betul RM15,000.00 tunggakan itu adakah merupakan tunggakan yang semasa dia tinggal

ataupun tunggakan yang telah dibawa semasa penghuni lama kepada penghuni baru. Kena *check* betul-betul jangan dikelentong pula oleh MBSB ya.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Marah sangat dengan MBSB. Ini dah masuk lain topik dah ini. Sebenarnya mereka yang tidak bayar itu kita tampal kita buat seperti mana yang berlaku di kondominium nama mereka, mereka yang tidak bayar itu kita tampal di tangga.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Minta penjelasan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya beri Paya Jaras dulu.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya hendak membuat penjelasan kepada Yang Berhormat EXCO. Tunggakan ini berlaku mesti ada sebab-sebabnya. Tidakkah kita bekerja sama dengan Lembaga Zakat untuk melihat dan membantu kes-kes tertentu.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Mereka datang kepada MBSB ataupun datang untuk , atau datang bersama ADUN menyelesaikan bermasalah kita rujuk kepada Zakat. Itu sebabnyalah. Ada cara-cara bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah-masalah hutang. Sebab hutang ini sampai bila-bila pun dia tertanggung. Seterusnya adalah dari segi, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tadi, saya ada tertinggal tadi adalah nama yang diberikan oleh LPHS kepada pemaju memang cepat tetapi masalahnya apabila sampai kepada pemaju apabila mereka-mereka ini cuba membuat pinjaman bank mereka tidak lepas. Sebab itu Lembaga Perumahan terpaksa berkali-kali bagi nama, bagi nama, bukan sebab lambat. Bukan sebab Lembaga Perumahan lambat sebab nama yang dibaginya apa bila cuba *bank loan* memang tidak dapat. Masalahnya kita kena selesaikan masalah untuk mendapatkan pinjaman dan saya berkali-kali berkata bahawa untuk menyelesaikan ini bukan kita sahaja. Bukan kerajaan negeri sahaja tetapi bersama-sama kerajaan persekutuan. Apa yang kita buat, apa yang kita buat ada dua skim. Pertama Danacell yang sekarang ini dalam *in progress* yang akan kita masukkan dalam EXCO pada selepas dewan ini adalah tentang *first home* itu. Seri Andalas ada membangkitkan kenapa tidak kita menjemput akan pemaju-pemaju bukan pemaju-pemaju besar ataupun pemaju berwibawa tetapi yang kecil atau sederhana untuk membawa ataupun memajukan *proposal*. Saya rasa kerajaan negeri biasa mengalu-alukan.

Bermakna kalau ada pemaju-pemaju yang ada *proposal* atau cadangan untuk memajukan mana-mana tanah bolehlah datang kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bawa *proposal* mereka sebab kita bukan saja, kenapa-kenapa sekarang ini kita fokus kepada pemaju-pemaju besar sebab kita hendak pergi kepada 20, 000 unit itu dalam masa setahun. Sebab itu kita fokus kepada pemaju besar untuk boleh dapat *numbest* itu tetapi kita masih membukanya kepada pihak-

pihak atau pemaju-pemaju lain untuk memberikan atau memajukan akan apa yang dipanggil sebagai rancangan-rancangan untuk membina rumah mampu milik. Seterusnya Teratai membangkitkan tentang untuk membantu ataupun kuota kepada ibu tunggal, kuota kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sebagainya, *Insyah-Allah* perkara ini kita akan laksanakan. Untuk Batu Tiga, Yang Berhormat Batu Tiga terima kasih cadangan supaya bantuan deposit untuk memiliki rumah kos rendah bukan untuk bantuan membina di tanah saja yang ada sekarang tetapi deposit dan *Insyah-Allah* perkara ini.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Yang Berhormat tolong ada maklum balas berkenaan lokasi pembinaan rumah mampu milik yang sesuai. Terima kasih

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teratai penyata ini tidak semestinya jawab pada sidang ini. Ia akan jawab pada sidang akan datang. Cuma *respond* yang segera bolehlah dapat pada EXCO. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Lokasi sekarang ini kita berdasarkan kepada tanahnya sedia adalahlah. Bermakna ada kawasan-kawasan seperti Teratai ataupun sebelah saya iaitu Cempaka, memang di situ memang kalau kita hendak bina memang betul-betul hendak bina rumah mampu milik di situ kita patut pergi kepada pembangunan semula. Yang ini mungkin kerajaan negeri kena kaji dengan terperinci sebab sekarang ini tanah telah tidak ada. Adalah *next fact* kita adalah lebih kepada pembangunan semula dan ada beberapa tempat yang telah dikenal pasti sebagai untuk dilakukan sebagai pembangunan semula. Tentang Yang Berhormat Batu Tiga, *Insyah-Allah* perkara ini kita akan bincang dan kita tengok akan sekarang *practical* sama ada ia boleh laksanakan iaitu dari segi deposit atau bantuan deposit kepada mereka yang hendak membeli rumah kos rendah. Saya mengucapkan terima kasih pendapatan atau cadangan-cadangan dalam penyata yang telah dibentangkan ini dan *Insyah-Allah* kerajaan negeri akan melihatnya dengan cara terperinci dan akan kaji tentang perkara-perkara yang *Insyah-Allah* yang akan dilaksanakan. Cuma memang ada perkara-perkara yang memang dalam *progress* yang telah dilaksanakan tetapi kita perlu tambah baik dan kita perlu *expense* akan keberkesanannya *Insyah-Allah*. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh*

TUAN SPEAKER: Terima kasih Cempaka. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun ada masalah yang dihadapi di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut Peraturan 76 (5) Peraturan Tetap Dewan di Selangor dewan ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai basmi kemiskinan Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor pelaksanaan

dasar rumah mampu milik dalam basmi kemiskinan di Singapura yang telah di bentang di dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 51/2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul nombor 35 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawa dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan bahawa unit-unit integriti di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Selangor diberi kuasa yang bebas Pengarah Eksekutif untuk meningkatkan ketulusan dan kebertanggungjawaban pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Timbalan Speaker saya dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya membawa usul ini adalah untuk memperbaiki sistem unit integriti merupakan satu inisiatif kerajaan persekutuan yang dijalankan di semua agensi kerajaan termasuk kerajaan di negeri Selangor. Tetapi seperti yang kita sedia maklum kerajaan persekutuan telah gagal membawa sebarang reformasi dari segi ketulusan dan ke pertanggungjawaban. Kita boleh lihat mereka gagal menjawab skandal 49 bilion 1MPB ataupun 2.6 bilion pendermaan. Tuan Timbalan Speaker kelmarin saya sangat terkejut dengar hujah Menteri Integriti sendiri Datuk Poo Law yang berkata : ketulusan dan keterbukaan akan menyebabkan kerajaan terlalu telanjang maka usaha ini boleh dilihat sama dengan promosikan tomografi. Dengan menyamakan terbukakan kerajaan dengan tomografi Datuk Poo Law telah membuat satu penghinaan untuk warga wanita dan juga warga rakyat Malaysia yang mahu ketulusan dan keterbukaan dari kerajaan. Datuk Poo Law juga membuat *u-turn* dan menyatakan Malaysia tidak bersedia untuk Enakmen F.O.I lagi. Nasib baik Tuan Speaker kita telah membalas beliau dan berkata tengoklah bagaimana kerajaan Selangor melaksanakannya. Syabas kepada Tuan Speaker. Oleh itulah kerajaan negeri tidak boleh menunggu kerajaan persekutuan untuk apa yang mereka buat telah setakat domestik sahaja. Kita kena mengambil langkah yang lebih pro-aktif untuk meningkatkan ketulusan meningkatkan kerajaan kita kepada unit integriti sebelum saya pergi jauh izinkan saya memberikan sedikit latar belakang ahli-ahli YB-YB sekalian apakah unit integriti ini. Pada Julai, 2013 Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan unit integriti di setiap agensi kerajaan dengan tujuan. Tujuannya adalah untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja yang unggul dan cemerlang dengan pemantapan etika dan integriti. Dengan ini JPA telah mengeluarkan Pekeliling yang berkuat kuasa 1 Ogos 2013 kepada semua agensi awam bukan unit integriti. Dalam pekeliling ini unit integriti ini adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan 4, 6 fungsi. Fungsi pertama, tadbir urus iaitu memastikan tadbir urus dilaksanakan dengan terbaik. Fungsi kedua, pengukuhan integriti iaitu untuk memastikan kebudayaan penginstitusian dan pelaksanaan

integriti dalam organisasi. Fungsi ketiga ialah keberkesanan dan pengesahan aduan salah laku jenayah dan melaporkan jenayah agensi pelaksana. Fungsi keempat ialah pengurusan aduan. Fungsi kelima ialah untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Fungsi keenam adalah tatatertib iaitu melaksanakan fungsi urus setia lembaga tatatertib yang sedia ada. Pada April 2014 telah dilaporkan terdapat sebanyak 382 unit integriti telah ditubuhkan di Selangor. Saya juga nampak ada banyak agensi sudah ada unit-unit integriti kita. Dan saya juga nampak bukan sahaja di unit di PBT-PBT ataupun agensi, saya juga nampak anak-anak syarikat seperti Yayasan Selangor tubuhkan unit integriti in memang inisiatif yang baik. Walau bagaimanapun saya mendapati sistem ini yang di *design* oleh kerajaan persekutuan ada sedikit kelemahannya iaitu unit ini terdiri daripada kakitangan-kakitangan kerajaan kakitangan-kakitangan dalam organisasi tersebut. Sebagai contoh unit integriti Yayasan Selangor adalah terdiri daripada kakitangan Yayasan Selangor.

Cuba bayangkan kalau ada aduan bahawa rakan sekerja ataupun bosnya membuat satu salah laku, berani tak orang ini membuat penyiasatan selepas itu mengambil tindakan. Adakah mereka ini mungkin akan diboikot ataupun macam manakah mereka akan selamat selepas tindakan ini berlaku? *'The is conflict of sebab is no independent for this unit integriti'* dengan izin. Saya ada satu contoh yang menarik iaitu saya amat tertarik terhadap tindakan Setiausaha Kerajaan Negeri pada 16 Februari 2015. Dia telah membuat satu *'sport check'* di kafe Dewan Jubli Perak dan gerai-gerai kecil di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan mendapati bahawa masih banyak ramai penjawat awam dan bersarapan dan membeli belah pada waktu itu. Lanjutan rawatan itu juga Setiausaha Kerajaan juga memberi notis amaran. Dato' Setiausaha Kerajaan juga berkata bahawa Unit Integriti, SUK akan memantau aktiviti-aktiviti ini dari masa ke semasa tetapi apabila saya melihat berita itu, saya tengok memang boleh Dato' Setiausaha Kerajaan buat *'sport check'* memang ok sebab dia bos. Kalau kakitangan-kakitangan kerajaan di Unit-unit Integriti ini buat *'sport check'* yang sama macam mana mereka boleh berdepan dengan rakan sekerja mereka atau ada masanya bos mereka, macam mana mereka boleh nak buat tindakan. So perkara ini memang ada satu sikit *'conflict'* dengan izin. Atas pertimbangan ini saya membentangkan usul ini supaya kerajaan boleh pertimbangkan bahawa untuk menyuntik sikit kebebasan. elemen kebebasan kepada unit integriti. Integriti unit ini *'must be independent'* unit dengan izin jika tidak unit-unit integriti ini akan menjadi satu bahan yang kosmetik seperti Menteri Integriti di Pejabat Perdana Menteri, itu kosmetik. Sebagai langkah pertama saya cadangkan Kerajaan Negeri untuk melantik pihak ketiga yang bukan tertakluk dalam carta organisasi sebagai sebahagian daripada Unit Integriti. Dengan ini Unit Integriti akan menjadi kurang dipengaruhi oleh bos, rakan sekerja ataupun pihak eksekutif. Pihak ketiga ini boleh membuat atau mengendali aduan-aduan ataupun siasatan secara bebas terutamanya di kes-kes yang sensitif yang melibatkan kawan-kawan ataupun melibatkan bos. Mana kala kakitangan-kakitangan yang sedia ada di Unit Integriti sekarang boleh bekerja dengan kerja-kerja yang bukan sensitif seperti kempen

kesedaran dan lain-lain. Sebenarnya Unit Integriti yang '*dependent*' ini adalah lebih kurang sama dengan Pejabat *Ombasment* di mana saya berharap pada masa depan kita akan menginstitusikannya dengan adanya Enakmen *Ombasment* sendiri. Perkataan *Ombasment* ini berasal dari Sweden ia pertama sekali disebut dalam kata moden pada tahun 1809 apabila Parlimen Sweden menubuhkan *Justice Ombasment* untuk menjaga kepentingan rakyat dalam urusan mereka. Selepas Sweden membuat ini banyak negara lain telah menerima pakai konsep *Ombasment* ini kini telah ada 150 negara sudah ada Institusi *Ombasment* ini. Peranan *Ombasment* ini adalah lebih kurang sama dengan Unit Integriti sekarang adalah untuk melindungi rakyat daripada kerajaan termasuk pencabulan hak asasi, salah guna kuasa, keputusan yang tidak betul dan salah tadbir. *Ombasment* mewakili kepentingan orang ramai dengan menyiasat dan menangani aduan-aduan orang ramai. Saya berasa Negeri Selangor boleh menjadi negeri yang pertama, yang meluluskan Enakmen *Ombasment* ini seperti kita menjadi negeri pertama yang meluluskan enakmen FOI. Walaupun memang kita ada sedikit kelemahan dalam pelaksanaan FOI yang seperti kita baca dalam penyata di sidang yang lalu tetapi kita kena berani untuk memperbaiki pelaksanaan dan juga memperbaiki sistem perundangan sedia ada. Oleh itu Unit Integriti yang '*independent*' adalah langkah yang pertama kepada Enakmen *Ombasment*. Sebenarnya Unit Integriti dan *Ombasment* sebenarnya bukan konsep yang baru untuk Negeri Selangor Dato' Menteri Besar dalam ucapan pertama sudah menyebutkannya. Izinkan saya memetik ucapan pertama Dato' Menteri Besar sebagai apabila dilantik sebagai Menteri Besar semasa Sidang Bajet 2015. Kerajaan Negeri berikrar untuk melaksanakan pentadbiran yang mengamalkan prinsip ketulusan, kebertanggungjawaban, berintegriti dan tadbir urus yang baik. Untuk maksud itu Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Lembaga Suruhanjaya Masyarakat atau NGO sebagai rakan kongsi bukan sebagai musuh dalam sistem demokrasi untuk mencapai kecemerlangan dalam urus tadbir. Kerajaan Negeri akan menubuhkan Pejabat Integriti Selangor dan juga menyambut baik cadangan daripada NGO untuk diwujudkan Pejabat Pegawai Hisbah *Ombasment* yang bertugas untuk menyiasat aduan awam selari dengan dasar Kerajaan Negeri yang berpegang kepada prinsip pentadbiran yang bersih dan berintegriti. Sekarang Pejabat Integriti saya telah tahu bahawa dia telah ditubuhkan syabas kepada Kerajaan Negeri dan kini adalah masa kita melangkah satu langkah ke hadapan untuk menubuhkan *Ombasment* ini dengan satu Enakmen ataupun Institusi seperti hasrat Kerajaan Negeri. Saya juga tertarik dengan ucapan Dato' Menteri Besar semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri yang turut disertai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada April 2015. Di mana Pejabat Integriti dan Pejabat *Ombasment* juga disebut dalam ucapan itu tetapi saya tertarik dengan pemikiran Menteri Besar memetik satu artikel yang saya nak berkongsi dengan dewan yang mulia ini. Menteri Besar memetik artikel majalah '*economic foke*' yang bertajuk '*success will come and go but integrity for ever*'. Menurut esei tersebut integriti adalah '*doing.....any one is watching.....*'. Ini Dato' Menteri Besar berkata ini adalah sebagai..... Hari ini saya bantangkan usul ini supayaKerajaan Negeri di bawah kebijaksanaan Dato' Menteri Besar

boleh diinstitusikan sebagai usul dewan. Sekian, sahaja saya memohon usul ini diluluskan.

TUAN SPEAKER: Ada penyokong.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tuan Timbalan Speaker saya menyokong bukan sahaja usul tetapi semua hujah yang telah dikemukakan tadi.

TUAN SPEAKER: Usul yang telah disokong saya buka untuk perbahasan. Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker saya tertarik dengan hujah membawa unsur ini Yang Berhormat Damansara Utama yang menyatakan Kerajaan Negeri Selangor tidak boleh menunggu Kerajaan Persekutuan untuk membuat perubahan. Langkah proaktif untuk meningkatkan ketulusan dan kebertanggungjawaban pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor perlu diambil. Selangor adalah negeri yang termaju di Malaysia. Usaha memantau terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan keberkesanan pentadbiran juga mendahului negeri-negeri lain. Saya mengambil contoh Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat di semua Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2009. Keistimewaan jawatankuasa tersebut ialah kita tidak melibatkan Dato' Bandar ataupun Yang Dipertua dalam jawatankuasa tersebut. Dia dipengerusikan oleh Ahli Majlis, semua PBT memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iaitu mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit ini sebanyak 3 kali setahun. Pada tahun 2013 ada PBT juga mengadakan mesyuarat lebih daripada 3 kali seperti MBSA – 5 kali, MPPJ – 9 kali, MPAJ – 4 kali, MPAJ yang bertaraf 5 bintang – 12 kali, MP Sepang – 5 kali, MP Selayang juga – 5 kali. Ini adalah satu contoh yang baik bagaimana Negeri Selangor mendahului negeri-negeri lain untuk berusaha dalam pemantauan dan sekarang juga kita dalam Unit Integriti. Cadangan Yang Berhormat Damansara Utama untuk membebaskan Unit Integriti perlu diambil berat oleh Kerajaan Negeri. Biarkan kita menjadikan Negeri Selangor ini yang paling berintegriti di Malaysia. Itu sahaja ucapan saya, saya menyokong usul tersebut.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Timbalan Speaker, saya kagum dengan Kota Damansara yang membawa usul integriti. Damansara Utama, saya kagum dengan Damansara Utama yang membawa usul integriti walaupun Damansara Utama bukan gadis Melayu yang beragama Islam yang sepatutnya bagi orang Islam. Dia tahu bahawa integriti itu adalah teras dalam kehidupan kita. Bagi orang Islam kita diajar perkataan halal dan haram, yang halal kena buat yang haram jangan buat. Ini teras dalam kerja kita bahawa kerja bagi orang Islam adalah ibadah,

setiap minit dan jam kita dibayar gaji adalah tanggungjawab kita untuk sempurnakan tugas. Hak kita dan hak orang tidak sama, bila kita mengakui kita kerja, kita terima tanggungjawab sebab itu bagi ADUN-ADUN di sebelah sini kita tahu bahawa batas-batas halal dan haram. Tidak boleh ambil perkara yang haram. Ini menjadi asas yang praktik dalam diri kita.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengingatkan supaya.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam nak apa.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Bukan bersangka, jangan bersangka jahatlah menuduh di sebelah sini pula. Sama-sama kalau orang Islam kita tahu halal dan haram kena buat kenyataan orang Islam jangan buat ADUN sana dan ADUN sini. Terima kasih Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan yang sebelah sana sokong 1MDB ambil derma 2.6 bilion jadi itu jangan jadi syak wasangka tetapi saya ada bukti-bukti kalau nak buka fail-fail lama bagaimana penyelewengan-penyelewengan berlaku. Saya nak pertahankan yang kawan-kawan kata bahawa kita tahu bahawa integriti bermula dalam diri. Oleh itulah saya mencadangkan supaya soal kesedaran tanggungjawab diri kita untuk kita tidak mengambil hak orang umpamanya tidak mengambil masa. Saya patutnya tidak, saya pernah sebut dewan ini soal budaya yang sangat kuat. Terpaksalah Menteri Besar terjah sana, terjah sini, Dato' SS terjah pergi ke gerai-gerai, kalau ada integriti dalam diri kita tidak payah Dato' SS nak turun ke gerai-gerai. Bila saya menjadi ADUN Kota Anggerik saya terkejut yang biasanya ramai kakitangan awam minum di gerai-gerai kawasan Shah Alam tiba-tiba tidak ada, rupa-rupanya Dato' SS dah buat terjah di kawasan gerai-gerai Shah Alam. Kalau kita ada integriti dalam diri kita tahu bahawa kita kena kerja dan masa kita dibayar gaji dan setiap ringgit gaji yang diterima itu pastikan bahawa itu gaji yang kita buat. Itulah bagi saya supaya kesedaran integriti itu ditanam dalam diri cuma malangnya SPEIS tidak ada lagi. Dulu SPEIS yang mengajar integriti jadi SPEIS tidak ada, jadi tidak adalah SPEIS dalam diri. Ini nak mengajar supaya tanggungjawab dalam diri bahawa diri kita sendiri kena ada integriti sebab ini adalah asas dalam ajaran Islam yang sepatutnya semua orang Islam bertanggungjawab pada diri kita. Sistem ini kita buat sistem apa pun sistem JPA memperkenalkan integriti tetapi berlaku juga 1MDB. Sistem boleh buat tetapi yang pentingnya ialah kita yang melaksanakan integriti tersebut supaya tidak melanggar batas-batas yang sepatutnya dilaksanakan oleh kita. Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri soal-soal dalam Islam pelanggaran, kita ini digambarkan sebagai hati yang rosak sebab disebut di dalam hadis dalam jasad kita ada seketul daging. Kalau baik daging itu baiklah keseluruhannya. Kalau rosak, rosaklah kesemuanya sekali. Tetapi dalam pepatah Cina kata kalau kepala rosak satu badan semua rosak. Ikan kalau kepala rosak, bawah busuk, kepala busuk, kalau Perdana Menteri busuk, semua busuk.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI B. HJ. ABDUL MALIK: Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI B. HJ. ABDUL MALIK: Saya ingin mencelah kes MBI yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar pun berlaku macam itu juga pada yang lepas. Fasal cerita kepala itu sensitif

TUAN SPEAKER: Sila Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Istilah ini dipopularkan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik satu minit lagi.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mantan Presiden MCA. Kalau kepala ikan rosak, satu badan semua rosak. Saya gambarkan dalam Islam, kalau dalam Islam di sebut, *kalau hati kita rosak, satu badan akan rosak*. Itu saya cadangkan supaya program membina jati diri dengan kesedaran pembersihan hati dan jiwa kerohanian ini dibuat supaya hati-hati yang bersih ini akan menjadi satu benteng dalam kehidupan kita bahawa ini tanggungjawab, ini tugas kita, tidak boleh mengambil walau satu sen pun hak orang. Jadi itulah yang saya nak sebutkan bahawa tadi saya sokong Usul ini tetapi kalau boleh program-program khususnya untuk orang Islam supaya pembersihan jiwa dibuat, SPIES dah tak ada lagi jadi kalau boleh buat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Belum jawab lagi Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Cuma saya nak betulkan sedikit. Saya rasa tak senang bila Yang Berhormat Kota Anggerik dia ambil contoh Islam tapi untuk orang Cina ambil.... saya rasa, tak sesuai. Kena setaraf, agama dengan agama. Kalau mengikut agama Buddha, *Kalau hati itu baik, hati itu bagai Syurga, kalau hati itu tak baik, dia bagaikan Neraka*, itu dia sesuai.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tadi saya tadi pepatah yang dibawa oleh MCA, tetapi betul. Saya juga melawat Buddhist Temple di kawasan saya yang mengajarkan bahawa kesucian dalam diri ini kena ada di mana ajaran Buddhist juga mengajar soal *love* dan penyucian diri dan saya rasa inilah yang menjadi teras kepada kakitangan awam supaya program-program kerohanian ini dipertingkatkan, ada satu elemen *feel to the God*, takut dengan Tuhan bahawa apa yang kita buat pada hari ini diperhatikan oleh Tuhan dan kalau kita tidak takut kepada Tuhan kita akan buat benda-benda yang di luar batas yang ditentukan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik boleh berhenti. Terima kasih. Silakan pihak Kerajaan jika ada penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan kepada Yang Berhormat Damansara Utama yang membawa Usul ini. Saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Damansara Utama yang sering mengingatkan Kerajaan Negeri dan peringatan seperti ini amat penting dalam usaha kita untuk mentadbir negeri yang maju seperti Negeri Selangor. Cuma saya nak memulakan dan juga mengingatkan apabila kita bicara tentang soal integriti, soal amanah, tidak perlu kita kaitkan dengan sesuatu agama kerana bagi saya semua agama pastinya akan mempertahankan prinsip-prinsip dan nilai-nilai murni seperti ini dan yang penting bagi kita ialah bagaimana keupayaan kita untuk melaksanakan dan menyemai nilai-nilai yang murni ini dalam diri kita sendiri kerana ada juga orang Islam, orang Melayu mengaku Islam, pakai baju Melayu, songkok tinggi, saya tidak merujuk kepada Meru, keris panjang belum tentu dia mempertahankan integriti. Tak perlulah saya sebut yang hidup ataupun yang telah mati, tapi bagi saya ini nilai-nilai universal yang harus disemai di dalam setiap diri kita sama ada di peringkat pentadbir negeri ataupun di peringkat daerah dan juga di peringkat yang lain. Cuma saya nak mengajak seperti yang disebut oleh Damansara Utama tadi memang sebelum ini Kerajaan Negeri telah pun mewujudkan Unit-unit Integriti selaras dengan surat pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Bil.6 Tahun 2013 dan penubuhan Unit Integriti ini adalah sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Cuma keprihatinan Damansara Utama tadi ialah bagaimana ada elemen kebebasan. Bagaimana Unit Integriti ini dapat membuktikan sesuatu kesalahan di dalam sesuatu proses dan aktiviti bagaimana mungkin dia boleh mengambil tindakan. Tidak timbul isu ataupun masalah mengambil tindakan kerana Unit-unit Integriti di setiap jabatan ini diletakkan terus di bawah Ketua Jabatan maka apabila ada maklumat yang telah dikesan oleh Unit Integriti berkaitan dengan pengurusan aduan dan juga pengesanan melalui siasatan dia akan melaporkan terus kepada Ketua Jabatan yang berkenaan supaya ada diambil tindakan. Walau bagaimanapun ada juga jabatan khususnya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan yang mana Unit Integriti ini diselenggarakan oleh pegawai dan tidak di bawah Ketua Jabatan dan inilah menimbulkan masalah. Ada yang letak di bawah Sumber Manusia, sudah tentulah masalah yang dibangkitkan oleh Damansara Utama tadi timbul, bagaimana tindakan boleh diambil kerana pastinya akan menimbulkan pertindihan ataupun *conflict of interest* dan juga masalah hubungan kerja di dalam jabatan yang berkenaan maka antara sebab utama ialah Jabatan Perkhidmatan Awam tidak membenarkan mewujudkan lagi jawatan-jawatan baru bagi Unit Integriti yang diwujudkan. Oleh kerana itu kita telah mencadangkan

supaya di mana Pejabat SUK Selangor sedang meneliti bersama Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan semua Unit Integriti di jabatan dan di agensi ini mesti diperkukuhkan di mana Ketua Unit Integriti perlu sekurang-kurangnya berada di Gred 41 dan diletakkan terus di bawah Ketua Jabatan mengikut modal perjawatan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2013. Namun seperti yang diingatkan juga oleh Yang Berhormat Damansara Utama tadi itu yang saya tertarik dengan Damansara Utama ini dia teliti, ucapan, setiap patah perkataan saya dan saya cukup tertarik dengan Damansara Utama dalam konteks itu, saya bukan macam Kota Anggerik sampai terlupa nama kawasan Damansara Utama kerana terpukau dengan perbincangan Damansara Utama. Cuma apabila saya diberikan amanah pada tahun yang lepas saya melihat kalau urusan integriti ini diselenggarakan dengan satu unit mungkin bagi saya tidak begitu serius dalam menangani soal integriti maka saya telah mencadangkan supaya diangkat menjadi satu jabatan atau satu Pejabat Integriti supaya penyelarasan unit integriti ini dapat diinstitusikan seperti yang dinyatakan tadi. Dan sebenarnya apabila saya melontarkan cadangan itu dalam Bajet Belanjawan 2015 saya terus mengadakan perbincangan dengan C4 bukan bahan letupan yang difahami oleh Sungai Burong, C4 ini adalah *Center To Come Back Corruption and Cronyism* yang lagi satu itu Sungai Burong fahamlah apa maksud C4 itu yang sekarang sudah lari ke Australia tetapi C4 yang saya maksudkan ini adalah satu NGO yang telah saya janjikan dalam belanjawan, saya bincang dengan C4 bagaimana Pejabat Integriti ini dapat diinstitusikan yang akhirnya dapat kita melaksanakan satu enakmen bagi mengawal aktiviti dan urusan integriti ini melalui satu pejabat dan C4 sebenarnya telah pun mengemukakan beberapa cadangan balas kepada Kerajaan negeri tentang langkah-langkah yang boleh diambil termasuk cadangan untuk mengemukakan satu enakmen bagi memberikan mandat perundangan untuk melaksanakan urusan integriti di dalam Kerajaan Negeri. Jadi perkara ini masih dalam penelitian dan kita sedang bincang panjang dengan C4 dan juga dengan badan-badan yang lain seperti *Malaysian Bar* untuk mendapatkan maklum balas supaya enakmen yang kita akan kemukakan ini dapat kita laksanakan segera dan saya juga mungkin nak melihat kalau ada negeri-negeri lain yang telah dilaksanakan, saya dengar tadi belum ada, saya nak tengoklah kalau ada negeri lain yang telah dilaksanakan mungkin kita mengambil pengalaman negeri-negeri yang lain. Kalau tak ada tak apalah saya duduk dengan C4 dia tidak meletup cuma dia memberi idea-idea baru untuk melaksanakan cadangan ini. Tetapi pada masa yang sama untuk maklumat Damansara Utama, kita juga telah mengambil langkah-langkah proaktif termasuk..

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Timbalan Speaker, nak minta penjelasan sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Memandangkan apa ini saya menyambut baiklah cadangan Menteri Besar untuk menyediakan satu institusi

integriti ini dan saya ingin bertanya sama ada untuk memperkukuhkan integriti ini kita juga ada agensi-agensi yang terlibat dalam menguatkuasakan integriti seperti SPRM, jabatan-jabatan, badan-badan seperti NGO seperti PEMANDU, jadi adakah Kerajaan Negeri juga bercadang memasukkan mereka ini dalam institusi ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, saya sedang nak masuk para itu sekarang. Sungai Burong ini selalu *confused* jadi kena teliti dengar betul-betul. Apa yang saya nak cadangkan tadi ialah selain daripada apa yang saya cadangkan tadi saya juga telah mengambil langkah-langkah proaktif seperti sekarang ini PKNS dan 11 anak syarikat PKNS telah pun menandatangani satu dipanggil *integrity pledge* ataupun ikrar integriti korporat di antara PKNS, SPRM dan juga *Transparency International*, jadi ke semua anak syarikat PKNS dan PKNS Induk sendiri telah pun menandatangani ikrar ini bersama-sama dengan bersama-sama dengan SPRM dan juga *Transparency International* untuk memastikan nilai-nilai murni ini dapat dipertahankan dalam semua urusan dan pentadbiran PKNS dan juga anak-anak syarikat. Baru-baru ini saya juga telah mengambil satu lagi langkah untuk mengadakan pertemuan dengan SPRM dengan semua Ahli-Ahli Dewan Negeri saya ingat lebih kurang 3 minggu yang lepas di mana SPRM telah pun bersetuju untuk turun ke Negeri Selangor yang akan di pimpin oleh Ketua Suruhanjaya SPRM sendiri dan saya mahu ruang ini diberikan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negeri untuk melihat apakah langkah-langkah yang perlu diambil sebagai wakil rakyat, sebagai Ahli Dewan Negeri bagi memastikan integriti dapat dijamin didalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Malangnya Tuan Speaker, pertemuan dan dialog tersebut terpaksa dibatalkan kerana berlaku panas ketika di mana SPRM ditangkap, diburu, dikejar, diiring jadi SPRM pun tak tahu apa taklimat yang dia nak beri kepada kami jadi untuk mengelakkan salah faham maka pertemuan tersebut terpaksa ditangguhkan ke suatu tarikh yang lebih lunak dan reda sedikit kerana beberapa pegawai kanan yang patut memberi taklimat mungkin ketika itu sedang berada di dalam lokap dan ditahan jadi terpaksa ditangguhkan. Jadi apa yang saya nak jelaskan di sini memang Kerajaan Negeri memberi perhatian dan semalam pun apabila kita bahaskan panjang soal DEIG saya telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan tetap mempertahankan isu-isu kebertanggungjawaban, ketelusan dan urus tadbir korporat yang baik dalam menguruskan DEIG ini. Itu jaminan yang saya berikan semalam dan saya dengar ramai Ahli-Ahli Dewan Negeri yang menyatakan dukungan mereka dalam pembentukan DEIG tetapi apa yang ditekankan ialah soal *governance*, soal urus tadbir yang harus diselaraskan. Sebab itulah saya juga telah nyatakan DEIG ini belum beroperasi, ianya hanya beroperasi pada tahun hadapan dan dalam tempoh penubuhan DEIG sehinggalah hujung tahun ini DEIG akan memperkemas dan memperkukuhkan soal-soal struktur *governance* dan urusan tadbir korporat yang baik dan mengambil kira syor-syor yang telah dikemukakan oleh penyata semalam dan juga perbahasan kerana tekad Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap program dan aktiviti yang dijalankan itu mestilah berteraskan soal *governance* soal ketelusan dan kebertanggungjawaban, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 1:00 petang saya menangguhkan sidang hingga ke jam 2:30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan bahawa Unit-unit Integriti di jabatan-jabatan kerajaan Negeri Selangor diberi kuasa yang bebas sepenuhnya daripada eksekutif untuk meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban pentadbiran kerajaan Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No. 36 Tahun 2015. Usul di Bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa martabat dan kebebasan institusi Kamar Peguam Negara dan SPRM hendaklah sentiasa dihormati, dipelihara dan diperlindungi sepenuhnya berlandaskan semangat peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang berkenaan serta bebas daripada dicabuli oleh mana-mana kuasa politik. Tuan Speaker, seperti apa yang kita sedia maklum mutakhir ini negara kita sedang dilanda berbagai-bagai krisis yang berpunca daripada kelemahan dan kegagalan pengurusan pentadbiran kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib selaku Perdana Menteri Malaysia. Sejak negara mencapai kemerdekaan 1957, tidak pernah berlaku mata wang ringgit kita dengan di banding dengan USD seburuk sekarang ini, merudum sekarang ini. Di mana semalam USD 1.00 dengan RM1, RM4.10 tidak pernah berlaku hatta krisis ekonomi 1997 pun tak sampai ke situ. Waktu itu RM3.80 dan kalau dibanding dengan Singapura, *Singapore Dollar* sekarang dah hampir RM3. Ini satu malapetaka, satu malapetaka untuk negara kita, rakyat sangat bimbang di kalangan rakyat malah krisis kepercayaan yang serius ke tidak kepercayaan yang serius di kalangan pelabur-pelabur terhadap iklim dan senario politik tanah air ini telah menyebabkan ekonomi kita semakin merudum.

Tuan Speaker, pada masa yang sama isu skandal 1MDB (1 Malaysia Dalam Bahaya) dan bebanan hutang sebanyak 42 bilion oleh 1MDB yang sampai ke hari ini tidak dapat dijawab, ke mana duit itu pergi kenapa hutang sebegitu banyak oleh Perdana Menteri. Lebih malang lagi, duit itu ke mana kenapa boleh pinjam sampai 42 bilion, tidak dapat dijawab dan sesiapa yang bertanya akan dikenakan ancaman termasuk menggunakan akta hasutan untuk menangkap, menyiasat seperti apa yang berlaku kepada Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Yang Berhormat Tony Phua dan juga Ahli Parlimen Pandan Yang Berhormat Rafizi Ramli, mereka diugut, disiasat

dalam akta hasutan dan juga dihalang daripada keluar negara. Tidak boleh keluar negara *banned*. Mereka ini Ahli Parlimen persoalkan hak rakyat, wang rakyat ke mana pergi. Mereka dilayan seolah-olahnya mereka ini seperti penjenayah yang penjenayah bebas begitu sahaja. Ini zaman apa ini, Tuan Speaker zaman ini dikatakan zaman *edan*, zaman *edan*, gilalah tambahan pula, misteri dana RM2.6 bilion yang disalurkan ke dalam akaun Perdana Menteri Dato' Seri Najib telah mengemparkan seluruh negara dan seluruh dunia. Dari manakah dana tersebut diperolehi dan kenapa masuk ke dalam akaun peribadi Dato' Seri Najib seperti yang didakwa oleh akhbar World Street Jurnal (WSJ) walaupun pada awalnya Perdana Menteri kata nafilah sekeras-kerasnyalah, apa itu fitnahlah, hendak jatuhkan kerajaan Malaysialah, hendak samanlah namun akhir sekali kita nampak surat peguam yang di saman yang ditunjukkan kepada *World Street Jurnal* hanya surat ingatan minta pendirian. Ini satu dunia menjadi lawak jenaka, mana ada surat saman seperti itu, mana ada surat saman seperti itu, minta tunjuk pendirian, mana pendirian, ini mana memalukan negara.

Tuan Speaker, masih segar masih panas dalam ingatan kita pada 28hb yang lepas Julai, berlaku satu peristiwa yang hitam di mana kita dikejutkan Peguam Negara Tan Sri Abdul Ghani Patail telah ditamatkan perkhidmatan serta-merta dengan alasan tidak sihat orak waras, orak waras dengan izin, tak sihat ya tiba-tiba dia pun tak tahu dia sendiri tak tahu tidak sihat. Tiba-tiba ditamatkan perkhidmatan tak sihat sakit mana, kena sawan pun tak tahu. Sakit jiwa ke dan pada masa yang sama kita dikejutkan juga dua kali kejutan dalam satu hari gempa bumi dua kali gegar. Tan Sri Muhyidin Yassin, Timbalan Perdana Menteri juga disingkirkan digugurkan dalam rombakan Kabinet. Itu sakit apa tak tahu, sakit jiwa ke sakit hati saya tak tahulah ya, itu kena tanya UMNO Barisan Nasional ya. Dan ini apa, maknanya secara terang-terang, terang lagi bersuluh sesiapa yang mempertikaikan satu Malaysia dalam bahaya 1MDB dan juga dana, dana yang dikatakan dana mula-mula kita semua seluruh dunia tahu ini bukan dana lagi, ini *corruption* sekarang sudah jadi *donation*, dana derma RM2.6 bilion ini akan dipancung ditekan dengan berbagai karenah yang cukup dahsyat. Siapa-siapa yang mempersoalkan, mereka akan dikenakan tindakan. Ini sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam negara kita tak boleh soal, tak boleh buka mulut sehingga doktor gigi di Malaysia hendak cari makan pun tak boleh dah. Tuan Speaker siapa yang sakit gigi kena pergi ke luar negara sebab tak boleh buka mulut dekat Malaysia ini. Mana boleh berlaku keadaan sedemikian, Tuan Speaker inilah Malaysiaku yang tercinta.

Jadi akhirnya terpaksa suka atau tak suka Barisan Nasional, eh baru saya perasan baru saya perasan, Sungai Burongnya yang *confuse* terus *confuse* sampai tak ada ya hanya wakil tunggal ini bakal Ketua Pembangkang ini wakil tunggal kita ada satu saja. Satu yang ada dalam Dewan ini, apabila rakyat terdesak terpaksa tubuh satu pasukan, pasukan apa, pasukan khas siasat dana, datang mana dana ini datang dan juga 1MDB yang dianggotai oleh Peguam Negara Tan Sri Ghani Pataeh, yang dianggotai oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar, Gabenor Bank

Negara Tan Sri Zetty Akta, Ketua Pesuruh Jaya (SPRM) Tan Sri Abu Kassim untuk siasat 1MDB dan dana sumbangan, derma RM2.6 bilion. Rakyat sampai hari ini masih tak dapat jawapan, jawapan ada tak ada, mana ketelusan, mana integriti tak ada. Tiba-tiba berlaku ribut dan taufan Peguam Negara ditamatkan perkhidmatan, pasukan khas Peguam Negara tiba-tiba ditamatkan perkhidmatan ya, pada masa yang sama ada pegawai bank negara ditahan disoal siasat yang menganggotai pasukan khas. Eh, apa pula jadi, peliknya, pelik dan ajaib pada masa yang sama juga secara terang-terang, ada pegawai siasatan khas dari SPRM Dato' Bahari, Pengarah Siasatan Khas Dato' Bahari Mohamad Zin disiasat atas alasan kononnya bocorkan maklumat. Akhirnya beliau juga menyifatkan tindakan polis ini PDRM ini sebagai gila dan melampau. Kita rakyat di luar yang cintakan negara kita terkejut kenapa dalam pasukan yang sama dalam satu pasukan siasat antara satu sama lain, tangkap satu sama lain. Mana ada berlaku di negara sedemikian, ini yang berlaku di Malaysia kecelaruan yang begitu kritikal.

Dan pada masa yang sama juga SPRM saya juga bersimpati dengan SPRM terpaksa buat solat hajat, memohon pertolongan Tuhan Allah untuk mendapat petunjuk, hidayah kenapa hala tujunya ke mana, ini tidak pernah berlaku pegawai ditangkap macam ini. Sebagai Ketua Kerajaan boleh pegawai mereka yang kita lantik yang kita bagi amanah, amanah itu penting dia tekan, dia tekan mereka macam mana mereka nak jalankan tugas, takut inilah sindrom ketakutan ini yang berlaku dalam keadaan Malaysia ini. Tindakan yang tidak masuk akal dan saya sifatkan kacau ganggu. Kalau PBT ada akta kacau ganggu tindakan yang tidak masuk akal dan kacau ganggu yang dilakukan oleh PDRM terhadap SPRM seolah-olah memberi gambaran kepada rakyat bahawa musuh utama Perdana Menteri kita dan kerajaan adalah SPRM. Hah, ini tak masuk akal, sudah tentu tindakan terdesak sedemikian didalangi oleh tangan hitam yang berselindung demi mempertahankan *survival* politik dan kedudukan beliau. Jangan kita lupa bahawa PDRM adalah di bawah kawalan Menteri Dalam Negeri dan juga sekarang ini adalah Timbalan Perdana Menteri yang baru iaitu Dato' Seri Zahid Hamidi. Tindakan PDRM yang menahan dan menyiasat pegawai SPRM secara langsung menimbulkan persepsi buruk dan negatif kepada SPRM yang sepatutnya bebas ya dan tidak dicampuri oleh mana-mana pihak khususnya kuasa-kuasa politik. Kenapa hal sedemikian boleh berlaku sangat memalukan dan menyebabkan martabat, maruah serta integriti SPRM tercemar dan tercalar teruk, teruk punya teruk. Saya hairan kenapa berbuat kerja-kerja sedemikian, menghina SPRM.

Tuan Speaker, belum cukup dengan tindakan PDRM berlaku pula insiden Pengarah Siasatan Khas yang tegas yakni Dato' Bahari, beliau yang marah dengan SPRM terus ditukar ke Jabatan Perdana Menteri dalam tempoh masa 24 jam, ditukar dikeluarkan daripada SPRM. Eh, dia pasukan penyiasat anggota dikeluarkan pula, belum cukup dengan itu, Pengarah Komunikasi Strategik Dato' Rohaizat Yaakob yang berani tampil ke depan menerima kunjungan hormat dan *solidarity* Delegasi Ketua Pembangkang Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Wan Azizah dan juga Ahli

Parlimen Yang Berhormat Lim Kim Siang, Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad, Yang Berhormat Mat Sabu dan kawan-kawan semua. Di depan pejabat SPRM terima kunjungan saja, *say hello* saja, *solidarity* saja ambil gambar saja pun ditukar ke Jabatan Perdana Menteri. Sekarang Jabatan Perdana Menteri menyimpan orang yang dikatakan bermasalah. Ah, ini satu sindrom baru, budaya baru mana-mana pegawai yang tak dengar cakap lawan dengan bosnya akan dihantar ke JPM untuk duduk sana *meneng-meneng*, *meneng-meneng* diam-diam. Ini berlaku di Malaysia, saya hendak tanya kalau macam itu kecelaruan macam mana pegawai kita hendak kerja. Yang mengganggu dia hantar ke JPM...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Hendak tanya apa itu JPM. Jabatan Penjara Malaysia ke Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Dia sama macam penjarakan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh, terima kasih Yang Berhormat Kg. Tunku yang bijaksana kerana mengingatkan saya JPM ini Jabatan Perdana Menteri, penjara pun hampir sama itu, hampir sama, hampir sama. Kalau terus di bawah Barisan Nasional saya khuatir, saya khuatir, khuatir akan berlaku sedemikian tak ada harapan, tak ada sinar harapan baru, tak ada. Kalau dalam Barisan Nasional sekarang, UMNO mana UMNO, Sungai Panjang sahaja mewakili UMNO. Saya harap terus kekal sampai pilihan raya akan datang satu, ok ya, ok lah kita doakan, kita doakan *Insyah-Allah* ya, *Insyah-Allah* sebab yang lain sudah tak nak datang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Sekinchan, Tuan Speaker apakah sidang bersetuju bahawa Sungai Panjang boleh jadi Ketua Pembangkang?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga, saya kalau tengok daripada segi kualiti dan juga kehadiran rajin ke Dewan Negeri, Sungai Panjang layaklah tapi yang lain saya rasa yang Sungai Burong *confuse* saja, saya ingat cukuplah setakat ini sajalah. Dia asyik *confuse*, *confuse* suruh jadi PAC pun dia marah, bagi PAC pun dia marah. Satu dunia tak pernah berlaku, kita bagi jawatan untuk siasat kita *check and balance*, dia marah. Dan kemudiannya Hulu Bernam, dia tak apalah dia Ketua UMNO kerana dia orang kuat Shahrizat jangan main. Saya pun tengok gerun sikit, gerun orang kuat dan yang ini bukan minta telefon, ini tak ada, tak ada. Yang lain ini kota, kota sebelah kota ya. Ok saya teruskan Tuan Speaker, keadaan Malaysia ini sekarang bercelarulah, saya nampak sedih tak pernah negara kita jadi macam ini saya sekarang ada ramai kawan bagi tahu saya kita pergi ke luar negara pun tak berani mengaku datang dari Malaysia dia kata dari Hong Kong tapi muka tak macam Hong Kong tapi macam Vietnam yang Meru ni pun macam tak serupa *Ho Chi Minh City* pun tak serupa tapi mengaku datang daripada Hong Kong ini kenapa Malaysia jadi begini Malaysia ini sepatutnya satu dunia Syurga Malaysia ini satu Syurga hasil masuk banyak bila diurus tadbir dengan baik saya yakin macam Selangor Negeri Selangor yang di bawah YAB Dato' Menteri Besar dengan kerjasama barisan EXCO nya saya yakin dan percaya

Malaysia akan dihormati oleh kawan dan lawan di seluruh dunia ini jadi saya bagi Bas SelangorKu.....ucap terima kasih

TUAN SPEAKER: Sekinchan...Sekinchan....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Seri Muda ya Seri Muda yang sentiasa muda tiba-tiba muncul...

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Y.B. Sekinchan saya nak tanya Y.B. Sekinchan puji melambung-lambung tu apa motifnya. Terima kasih

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima Kasih Y.B. Seri Muda kalau betul modal kita betul hala tuju kita betul kita kena betul kalau hala tuju tersasar kita kena kritik ini prinsip Sekinchan dia tak ada lebih-lebih tak ada motif tak der *hidden* agenda yang tersirat dan yang tersurat sorok-sorok tak ada macam Pelabuhan Kelang tak ada. Pelabuhan Kelang sorok-sorok dia cerita sorok satu minggu tak ada. Di sini juga saya ingin nyatakan soal dana Perdana Menteri kena jawab dana RM2.6 billion ini saya baru teliti Akta SPRM 2009 akta SPRM saya teliti apa maksud suapan itu bermakna wang tunai, *cash*, fulus, bermakna derma hadiah, aset itu semua suapan, *corrupt*, rasuah tapi ini derma RM2.6 billion dia kata tak ada masalah saya terima penjelasan Salleh Samat (ngomong) dia dapat duit terima lah penjelasan dia dapat duit banyak surat khabar menyatakan Ketua Bahagian UMNO Ahli Parlimen UMNO tahun depan 5 juta nak tambah lagi tengok 2.6juta banyak dan saya ingin ambil kesempatan ini minta rakyat seluruh Selangor dan Malaysia yang miskin yang daif pergi jejak Ahli Parlimen dan juga adun Barisan Nasional dan Ketua Bahagian Nasional sebab mereka banyak duit minta bantuan daripada mereka kalau mereka dan habis duit boleh minta dengan Najib tak cukup ada derma wang dari Timur Tengah Pak Sheik, Arab yang boleh derma RM2.6 juta.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Puan Speaker

TUAN SPEAKER: Ya Hulu Bernam

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Sekinchan saya ingat kan supaya jangan menyentuh soal mengatakan Ketua Bahagian dapat duit ini dapat duit itu semua tuduhan atau pun berniat jahat jadi belum lagi pun keluar lagi dicuba bercakap secara terus nak cakap perkara mengenai SPRM kita cakap ok..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya Hulu Bernam saya tahu Ketua Wanita UMNO ini *powerful* tetapi *powerful* tak dapat menghalang Sekinchan untuk terus bercakap benar dalam dewan ini menuntut kebenaran menegakkan keadilan menentang kemungkaran kezaliman ini dia jadi soal surat khabar satu dunia dah tahu tanya lah orang berniaga kecil kecilan mereka tahu Ketua Bahagian dapat semua dapat Hulu Bernam tak nak terima hakikat tak per lah biar dia terus menafikan dan sindrom

penafian dengan syok sendirinya tak apa. Antara yang dinyatakan dalam dewan yang mulia ini sekarang ini institusi memang tercalar kita beri perlu pertahankan SPRM juga dinodai, dicabuli, pegawai nak kerja pun was-was takut (*wedik*)(*bahasa jawa*) takut nak kerja tiba-tiba nak pindah ke pergi JPM Jabatan Perdana Menteri dan ini yang berlaku dan pada masa yang sama berlaku juga kalau Najib terus jadi Perdana Menteri saya juga merasa kekhuatiran yang amat besar kerana apa kerana hutang Negara sekarang sudah mencecah hampir RM800 bilion hutang negara dan apa yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Idris Jala Malaysia akan bankrap 2019 saya tengok sudah ku renung di dalam kitab semakin ku renung berdetup detap kalau cara macam inilah urus tadbir kepincangan *kegoblokkkan* (*bahasa jawa*) sistem yang ada ini jangan yang berlaku rasuah derma sumbangan derma saya yakin Malaysia kemungkinan berlaku macam itu 2019 bankrap seperti Idris Jalal cakap kita kena sekarang ini kena kita kena ambil iktibar cari satu formula untuk buat *reform* reformasi untuk rakyat kena pakat Melayu Cina India kena bangun seluruh Malaysia yang muda yang tua yang lelaki yang perempuan bangun menuntut pada 29hb 30hb Ogos ini kita bangun turun ke Kuala Lumpur banjir dengan himpunan bersih kali ini tuntutan Malaysia lakukan reformasi tuntutan keadilan pilihan raya yang adil sistem diperbetulkan rakyat kena turun perhimpunan bersih 4.0 kalau tidak Malaysia ini 2019 seperti apa yang dinyatakan oleh Idris Jalal cukup bahaya, saya cukup kluatir lah dalam konteks ini pada masa yang sama saya minta lah kerajaan Negeri kita kena kerja kuat lagi gemblerng kan tenaga kerana Selangor lah harapan rakyat. Selangor lah harapan rakyat Malaysia rakyat sekarang dah hilang rakyat sekarang seluruh Malaysia dah tak ada harapan, harapan baru pun tak ada hanya Selangor kita bergantung kerana Selangor lah model yang boleh diguna pakai untuk menyelamatkan Malaysia ini, selamatkan Malaysia jadi saya harap kepincangan-kepincangan berlaku dapat kita perbetulkan dengan satu cara

TUAN SPEAKER: Sekinchan....Sekinchan... balik kepada Kamar Peguam Negara dan SPRM

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya kita kena pertahankan ya Kamar Negara soal Integriti dan rakyat sekarang susah kos sara hidup tinggi, beban oleh GST dan inflasi terkini yang dilaporkan inflasi 3.3% naik mendadak rakyat tak cukup duit hanya Selangor lah yang banyak membantu cara kita meringankan bebanan rakyat di negeri Selangor bagi air percuma, bas percuma, khairat kematian, macam-macam lagi program hijrah pinjaman 3000 hingga 50,000 macam-macam kita bagi Selangor contohnya. Kita harap lah rakyat buka mata buka mata dan saja juga ingin tutup sebelum saya tutup dalam usul ini saya minta kawan-kawan kena sokong betul usul ini kerana kita perlu pertahankan maruah dan martabat pegawai-pegawai Kerajaan, khususnya Kamar Peguam Negara, institusi itu penting dan juga SPRM mereka nak jalankan tugas dengan baik tapi ada halangan ada tangan hitam dan Malaysia ini ada timbul satu sindrom kalau sentuh sahaja satu Malaysia 1Malaysia dana 2.6billion akan menyebabkan kerana 1Malaysia RM2.6billion Peguam Negara akan dipecat.

Timbalan Perdana Menteri akan disingkirkan, ketiga pegawai SPRM akan disiasat, keempat Pengerusi ahli-ahli PAC dinaikkan pangkat tak payah siasat, kelima akan tutup tiga keenam bulan, keenam *Sarawak Report* pun kena tutup semua tutup yang cakap pun tutup, Ahli Parlimen tak boleh pergi ke luar Negeri, Pasukan Pegawai Khas Parlimen Negara pun siasat, Polis *Special Branch* hari ini pun pergi ke Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Polis *Special Branch* ini lah Malaysia akan berlaku. Jadi saya nak tutup dengan usul saya ini saya harap ada sokongan yang kuat saya minta kita turun 29 dan 30 hari bulan turun ke Kuala Lumpur Dataran Merdeka nyatakan sokongan padu Rakyat Malaysia satu suara satu hati untuk himpunan bersih ini tuntutan reformasi pembaharuan untuk Malaysia ini untuk kita melangkah ke hadapan baru yang lebih amanah demi rakyat dan ingin saya mengambil sepotong hadis, yang saya suka dengan hadis ini Jikalau kita serahkan tugas dan amanah kepada orang yang bukan ahli nya nescaya menunggu saat kehancuran seperti Najib kita, kita bagi Najib menunggulah saat kehancuran jadi saya minta di dalam dewan yang mulia ini kita luluskan usul kita mendesak Perdana Menteri demi selamatkan negara demi kembalikan kecelaruan demi ekonomi anak bangsa dan negara kita minta Perdana Menteri kita Najib letak jawatan secara terhormat dengan segera supaya kita gantikan dengan barisan pembangkang yang lebih berwibawa. Jangan yang ganti lanun di perompak itu kita tak nak, kita nak total *reform* demi Malaysia yang tercinta ini jadi saya mengusulkan mencadangkan usul ini disokong.

TUAN SPEAKER: Penyokong. Ya Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker, Kampung Tunku juga ingin menyokong dan sekiranya boleh saya boleh memberi sedikit ucapan sebagai tanda menyokong usul yang dibawa oleh kawan baik saya dari Sekinchan, apabila kita melihat usul ini apa yang ada di dalam fikiran kita ialah satu bentuk semacam satu bentuk keadaan atau pun situasi yang selalunya orang ramai sebagai kelesuan politik orang ramai kata atau pun rasa bosan kerana macam-macam tak betul pentadbiran pun tak betul politik tak betul pembangkang tak betul Kerajaan pun tak betul Barisan Nasional tak betul, Sarawak nak keluar daripada Semenanjung ada juga timbul macam-macam isu lah yang saya ia menjejaskan keharmonian dan juga pembangunan Negara kita pada hal bulan ini bulan lapan kita perlu menumpukan segala perhatian dan juga usaha untuk meraikan bulan kemerdekaan 31 hari bulan Ogos kita menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia dan kita juga akan menyambut Hari Penubuhan Persekutuan Malaysia 16 hari bulan September. Ini sepatutnya *mood* atau pun perasaan yang seharusnya ada di Malaysia seluruh masyarakat dari Perlis sampai ke Johor dari Klang sampai ke Tawau ini seharusnya jelas sentimen suasana perayaan yang sepatutnya ada lebih-lebih lagi kita baru habis perayaan Hari Raya tapi mengapa apa yang berlaku sebaliknya. Ini adalah secara jeneral sentimen di luar tapi apabila Puan Speaker apabila saya membaca tentang berita bahawa Timbalan, mantan Timbalan Perdana Menteri digugurkan daripada kabinet dan jawatannya juga isu yang melibatkan pemberhentian jawatan atau pun pertukaran jawatan dan sebagainya yang meliat beberapa orang pegawai kerajaan

yang agak senior dalam Kerajaan saya rasa kita perlu melihat perkara ini dalam satu sudut yang lebih positif kalau tahu ya ada sentimen atau pun tanggapan bahawa perkhidmatan awam ini berfungsi di bawah pengaruh satu politik atau pun di bawah bayangan UMNO dan Barisan Nasional saya lihat daripada perkara ini kita dapat lihat satu trend bahawa mungkin sampai isu tertentu mereka mungkin sudah tidak tahan lagi maksudnya saya pegawai-pegawai kerajaan dan mereka akan melakukan apa yang mereka fikir sepatutnya dan seharusnya mereka lakukan dan kerana mereka bukan politik mereka pegawai kerajaan jadi mereka *follow the book* apabila mereka nak jalankan tugas sampai akhirnya tumpuan politik dan ada orang yang menggunakan pengaruhnya untuk mencemari atau pun mengganggu operasi-operasi institusi-institusi di kerajaan ini, jadi dalam kes ini kita lihat walaupun selama perkhidmatan awam ada tanggapan politik tanggapan yang buruk daripada orang awam terhadap pegawai-pegawai yang kita lihat ini tapi nampaknya dalam perkataan Bahasa Inggeris dengan izin *they are still hope in Malaysia* masih ada harapan baru kita jangan kita lepaskan atau pun kita jangan harap ketara harapan ada harapan lagi satu kita ada pegawai-pegawai kerajaan yang berani mengambil keputusan yang berani sehingga keputusan itu mungkin akan mencabar kedudukan Perdana Menteri itu sendiri barangkali yang kedua yang ini yang saya ingin menyentuh berkaitan dengan Selangor. Selangor ialah peneroka dan juga pemimpin terhadap gerakan harapan baru ini, ini bukan gerakan harapan baru yang kita kata saya kata harapan baru saya nak bawa harapan baru kerana kita sudah memulakan agenda pembaharuan ataupun reformasi sejak tahun 2008 dan kita akan teruskan sekarang juga jadi ini adalah satu contoh yang saya rasa Selangor boleh ketengahkan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa kalau kami di PKR dan juga DAP termasuk sesiapa yang menjiwai semangat pakatan baru Pakatan Rakyat 1.0 sekiranya kita diberi mandat untuk mentadbir seluruh Malaysia ini ialah telah apa yang akan kita bawa kepada Malaysia satu sinar baru untuk Negara tercinta kita ini. Saya rasa ini perlu ketengahkan mungkin barisan EXCO dan juga pimpinan eksekutif perlu menerangkan kepada media bahawa di Selangor ini ialah apa yang berlaku saya baru tengok *statement* daripada Y.B. Puan Speaker bahawa di Selangor ini kita membawa FOI Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat Dewan Negeri Selangor institusi yang kita warisi daripada *British* menjalankan tugasnya dengan begitu tulus dengan begitu tekun, dengan begitu bebas. Saya tekankan kebebasan institusi di mana kita menjalankan tugas kita untuk menyemak dan memantau perjalanan kerajaan dan kerajaan juga menjalankan tugas untuk memberi maklum balas kepada dewan yang mulia tentang apa yang mereka telah lakukan. Contohnya saya dapati di IG semalam kita telah berbicara panjang tentang perkara ini. Dan saya pasti dengan semangat yang ada di kerajaan negeri Selangor walaupun ada teguran atau cadangan dan macam-macam lagi tapi sampai pula 10 ataupun November di hadapan setiap meja Ahli Yang Berhormat mesti ada maklum balas yang cukup lengkap yang saya rasa akan memberi satu justifikasi yang menyeluruh tentang perkara. Ini adalah contoh kebebasan institusi yang kita nak wujudkan di negeri Selangor. Dewan kita bebas, mahkamah kita mesti bebas walaupun tak semestinya bebas tapi sekurang-kurangnya dalam kamar peguam negara kalau dulu ada elemen

kebebasan ini walaupun selalunya ditekankan tapi apabila sampai pada masanya sampai pada tahap apabila kerajaan ataupun pimpinan tertinggi di Malaysia ini begitu korup sekali sampai mereka tidak tahan lagi maka mereka akan menjalankan tugasnya. Saya berdoa supaya bukan sahaja usul ini diterima, saya juga berdoa agar usul ini dikembangkan kita tunjukkan kepada Malaysia bahawa Selangor ini model. Kita juga memastikan bahawa semangat kebebasan institusi ini disemai dan ditanam bukan sahaja di kalangan pegawai kerajaan pusat tapi di kalangan pegawai kerajaan negeri dan di belakang prinsip ini perlu diterapkan dan saya yakin berdasar kepada pengalaman saya kebebasan institusi ini memang berlaku di Selangor. Saya pernah mintak pertolongan pegawai kerajaan untuk menyelesaikan isu tertentu contohnya saman dan bermacam-macam lagi tak ada pegawai yang berkata kepada saya YB saya tak boleh buat ni. Ini tak betul. Ini pada masa permulaan kita kena buat ikut undang-undang dan saya terima dengan hati terbuka kerana ini adalah satu bentuk nasihat yang membina kepada kita. Jadi oleh sebab itu saya sampaikan ucapan saya di sini dan saya ingin mengucapkan syabas kepada institusi negeri Selangor yang selama ini bebas fungsi dan saya harap usul ini dapat disokong oleh ADUN-ADUN kita dari Barisan Nasional ini adalah untuk kebaikan seluruh rakyat Selangor dan rakyat Malaysia dan saya berharap dapat kita dengar juga ucapan dari mereka nanti. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Usul ini telah pun disokong maka saya buka untuk dibahaskan. Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD: *Bismillahir rahmanir rahim.* Assalamualaikum *Wabarakatuh* salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Boleh teruskan?. Saya menerima baik usul yang dikemukakan terutama oleh rakan saya daripada Sekinchan, ternyata Sekinchan pada petang ini menzahirkan bakat yang begitu terserlah dalam melaksanakan hipokrit yang paling tinggi berkaitan dengan SPRM. Jiran saya tidak jauh juga Sekinchan dan beliau pada petang ini bercakap soal begitu menjunjung institusi SPRM yang begitu baik. Tetapi apabila saya membuat beberapa semakan dan ketika Sungai Panjang yang baru ini duduk di bahagian awam di hadapan sana iaitu ada tahun 2009 pada penggal kedua Dewan Undangan Negeri. Iaitu Sekinchan juga adalah orang yang membawa usul mendesak kerajaan persekutuan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kematian mendiang Teoh Beng Hock. Boleh saya teruskan. Apabila ADUN-ADUN Pakatan pada ketika itu begitu lantang mempersoalkan kewibawaan SPRM. Jadi pada petang ini di dewan yang mulia jadi kalau benarlah usul yang dikemukakan ini benar-benar tidak sekadar untuk menanggung di air yang keruh atau tidak sekadar hangat-hangat tahi ayam atau tidak sekadar bagai gadis jolong menumbuk atau tidak sekadar menjangkau sehabis tangan. Maka perasaan yang penuh terbuka terutama atas isu-isu yang dibawa oleh Sekinchan ini mestilah kita perhalusi. Tuan Speaker yang saya kasihi, disebut tadi beberapa kali tentang kebebasan institusi tetapi di dewan yang mulia ini tat kala juga Sungai Panjang yang baru ini duduk di atasan dan melihat Sungai Panjang yang lama dan kita juga menyaksikan bagaimana pelantikan

Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Khusrin dikritik dengan begitu hebat sehingga ada beberapa tindakan yang seolah-olah menolak pelantikan beliau yang seolah-olah menafikan pelantikan beliau dan beberapa tindakan demi tindakan yang berlaku akhirnya apabila Setiausaha Kerajaan Negeri itu bertugas sehingga hari ini saya lihat tidak ada masalah besar yang timbul. Persoalannya adakah benar soal kebebasan institusi itu ditunjangi oleh kerajaan pada hari ini. Tuan timbalan speaker, apa yang kita lihat isu apa yang berlaku pada hari ini adalah soal bagaimana dua institusi ini iaitu antara kamar peguam hakim dan juga SPRM hendaklah dipelihara. Sudah tentu apabila saya melihat ini sudah tentu ada hubung kait dengan usul yang pertama di peringkat pagi tadi ada berkaitan dengan integriti kerana saya fikir dalam prinsip demokrasi ini sangat penting kita diajar soal pembahagian kuasa antara pemerintah perundangan dan juga kehakiman. Tetapi dalam konteks negeri Selangor ini apabila kita sebut soal kebebasan institusi apabila kita sebut soal integriti tentulah ini untuk mengelakkan apa yang kita sebut sebagai satu despotisme iaitu satu semangat kemaharajalelaan dalam konteks kita pada hari ini yang ada menjadi kerajaan adalah di peringkat pakatan dan yang menjadi pembangkang di pihak Barisan Nasional. Sudah tentu konsep saling ingat mengingati itu adalah penting antara satu sama lain. Suka saya menyebut sebab saya fikir saya nak juga mendengar rakan-rakan di bahagian kerajaan sebelah sana yang dengan penuh tekun saya suka melihat apabila hujahan-hujahan mereka apabila saya merujuk kembali dengan tindakan-tindakan mereka apabila pada penggal yang lepas memang seperti langit dengan bumi soal niat, prinsip yang telah mereka lakukan. Tapi akhirnya di peringkat Barisan Nasional saya menyokong usul yang dikemukakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi yang nak bahas. Ia Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana beri ruang pada saya untuk menyambung ataupun membuat sedikit perbahasan yang mungkin tak lama. Apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan mengenai usul no. 36 mengenai SPRM saya dalam awalan ini mengucapkan tahniah pada Sekinchan kerana membawa usul ini tetapi saya fikir usul ini agak tak sepatutnya dibawa oleh Sekinchan. Memandangkan rekod yang buruk sebagaimana yang sahabat Sungai Panjang bagi tahu tadi rekod yang buruk terhadap cemuhan terhadap SPRM. Kalau yang bawa ni Bukit Gasing, Damansara Utama yang belum ada rekod itu ok. Tapi ini rekod buruk tahun 2009 saya kat dalam dewan ini saya bahas, yang menyokong pun rekod teruk juga, Kampung Tunku. Sama teruknya. Sebab tahun 2009 hansard ini merakamkan bagaimana sikap, fiil, tuduhan. Belum. Ini baru intro ni, baru intro. Duduk dulu. Tuduhan, fitnah kepada SPRM minta pekat minta berhenti, minta letak jawatan. Hari ini menjadi pembela kepada SPRM. Benda baik tapi kalau dibawa oleh orang jahat baiknya tak nampak. Jadi itu saya punya awalan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, saya bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Permatang. Dikatakan saya bersikap buruk itu pandangan Permatang. Tak apa saya terima. Tapi saya nak minta saya ingin nyatakan di sini usul 2009 yang saya bawa dalam dewan ini diluluskan mengenakan desakan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja waktu itu namanya Saat Kematian Mendiang Teoh Beng Hock. Beliau mati di SPRM prinsip waktu itu ada kelemahan SPRM kita kena kondem kena kritik. Kini prinsip sekarang SPRM dizalimi, dikacau ganggu oleh Perdana Menteri, kita kena bangun juga. Ini soal betul, hitam dan putih kita kena jelaskan. Bukan soal buruk. Ini Permatang tak matang lagi sampai hari ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: *Hansard* ini menjadi saksi Sekinchan. *Hansard* tak membohong pun. Orang ramai boleh baca panjang sangat saya nak sebut. Bagaimana tuduhan dilemparkan betul memang mendesak penubuhan suruhanjaya tetapi isi perbicaraannya apa. Mendesak atau pun menghina SPRM tapi hari ini nak jadi juara nak membentuk supaya SPRM ini diberi. Pada saya usul ini baik. Memang sangat bagus. Dan dia memang dihormati usul ini, Sekinchan. Saya pun boleh menyokong usul ini. Sabar dulu. Jadi pada saya, saya nak cakap satu dua perkara.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nak minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sabar baru masuk. Duduk dulu. Saya nak bagi tahu tadi fasal harapan baru.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tapi akan bagi peluang kan?.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok boleh saya bagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekejap sahaja. Sebenarnya tak banyak pun Permatang. Jangan bimbang. Sebenarnya saya nak betulkan sedikit sahaja ataupun Permatang setuju saya tak pasti. Pada masa itu kami membentangkan isu kami meluluskannya dan kami mendesak supaya SPRM menjalankan pembaharuan dan sebenarnya selepas insiden ini SPRM sudah jalankan banyak pembaharuan. Ini fakta. Memang macam-macam pembaharuan termasuk bilik soal siasatan tidak boleh diletakkan di tingkat atas dan di bawah. Ini salah satu. Penting sekali Yang Berhormat Permatang. Kes ini dibawa ke mahkamah dan SPRM kalah. Ini menunjukkan bahawa barangkali apa yang kami tuduh dan luluskan pada masa itu benar dan betul. Silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Apa ada masalah mengenai SPRM yang saya sebut ialah tuduhan yang diberi oleh Yang Berhormat berdua dan rakan-rakan yang lain mengenai SPRM. Saya nak sebut dari aspek yang itu. Bukan soal menang kalah fakta. Isunya ialah bagaimana SPRM dihina tapi hari ini Yang Berhormat semua hari ini nak jadi jaguh. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD: Permatang, nak mencelah. Benarkah apa yang disebut oleh Sekinchan tadi benar-benar talam dua muka atau bagaimana tadi. Yang disebut oleh Sekinchan bagaimana sebenarnya tadi?. Seolah-olah dia jadi talam dua muka apa yang disebut hari ini dan 2009.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tak kata talam dua muka tapi mengadu domba itu lebih tepat. Sebab dalam konteks di antara polis, SPRM mereka di bidang kuasa yang berbeza. Polis bidang kuasa tertentu ditentukan oleh Perlembagaan. SPRM ada kuasa tertentu yang ditentukan oleh Perlembagaan. Sebenarnya di antara polis menjalankan tanggungjawab yang betul, SPRM juga menjalankan tanggungjawab yang betul tapi batu api inilah yang kononnya nak melaga-lagakan kedua-dua jabatan ini supaya menimbulkan kerisauan menimbulkan pertanyaan menimbulkan kesangsian kepada rakyat. Inilah yang dimainkan oleh wakil rakyat daripada pembangkang. Itulah datang lawak SPRM. Sebenarnya tak ada isu pun yang melagakan menjadikan panas ialah inilah batu api. Jadi Yang Berhormat polis ada bidang kuasa tertentu ditentukan boleh menyiasat di mana sekalipun *even* di pejabat Menteri Besar pun kalau ada berlaku ada tuduhan atau ada laporan SPRM boleh datang. Polis boleh siasat. Tak ada masalah. Bidang kuasa tertentu itu ada. Sekalipun berlaku ketirisan di SPRM polis boleh siasat. Kalau berlaku rasuah polis di pejabat Jabatan Polis SPRM boleh menyiasat. Tak timbul isu sebenarnya tapi menjadikan panas ialah kerana fiil dan perangai dan meletakkan perkataan harapan baru kepada rakyat Selangor. Nak apa rakyat Selangor nak bagi contoh. Sekinchan saya nak tanyalah harapan baru apa yang nak ditunjukkan. Pentadbiran kerajaan ini kita tengok bagaimana Pelabuhan Kelang jangan lupa langkah Kajang, jangan lupa langkah Kajang dicetuskan oleh siapa. Itu Kota Anggerik itu sebut fasal amanah. Saya nak tanya wakil rakyat Kajang sebelum ini amanah ke?. Tak sampai setahun jadi wakil rakyat letak jawatan suka-suka. Duit habis, belanja habis alasannya apa?. Nak lantik Menteri Besar baru. Akhirnya yang menang tak juga jadi Menteri Besar. Orang lain pula yang dapat. Berapa banyak tuduhan yang diberikan kepada Pelabuhan Kelang. Saifuddin Nasution buat 29 tuduhan bagi 29 muka bawa pergi tunjuk kat orang mengapa tak layak Pelabuhan Kelang menjadi Menteri Besar. Macam-macam tuduhan antaranya saya nak sebut korup, zalim, tidak boleh dipercayai, tidak telus, tidak jujur, tidak beretika, tidak bermaruah, tidak berintegriti, terlibat dengan perlakuan rasuah, salah laku serta tidak layak menjadi Menteri Besar. Punya berat tuduhan yang diberikan kepada Pelabuhan Kelang. Saya bukan nak bela. Ini kenyataan. Tapi beberapa hari yang lepas PKR Pakatan Rakyat dan Saifuddin Nasution mohon maaf di Mahkamah Tinggi

Shah Alam dan mengakui itu adalah tuduhan dan menarik balik tuduhan dan memohon maaf.

TUAN SPEAKER: Permatang, apa kaitan Saifuddin Nasution dengan SPRM dan Kamar Peguam Negara.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ini kes mahkamah. Ini saya nak hujah balik sebab dia kata contoh. Saya nak bagi contoh lah Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Contoh lari.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak apa, saya lari nanti.

TUAN SPEAKER: Balik kepada Kamar Peguam Negara dan SPRM.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya, saya habiskan isu yang ini. Bila dah dimalukan, jawatan dah hilang. Tarik diri. Ini lah hidup DAP penuh dengan pura-pura dan juga fitnah. Saya khabarkan ini perkara betul. Ini lah hidup PKR, DAP hidup dengan memfitnah. Akhirnya, dah kalah, minta maaf. Ahli Parlimen Lembah Pantai fitnahkan Raja Nong Chik semasa pilihan raya, kesian kawan. Akhirnya kalah pilihan raya. Dah kalah pilihan raya, saman di mahkamah. Mohon maaf. Mudahkan mohon maaf? Sedangkan orang yang terfitnah hilang jawatan, hilang peluang untuk menang dan sebagainya. Ini hidup dengan fitnah. Saya nak beritahu, ini sekarang ini yang sedang melanda dalam negara kita ialah fitnah yang sedang dilemparkan begitu juga..

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagaimana kedua-dua jabatan cuba dilagakan.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Dengan alasan, kononnya nak menunjuk..

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ketulusan..

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Fasal amanah. Sebut nama saya tadi.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Permatang sebut Langkah Kajang. Ini langkah apa ni pecat Timbalan Menteri. Timbalan Presiden UMNO kena pecat. Ini langkah apa ni? Pecat. Kerana sentuh 1MDB, ini langkah apa ni pecat Timbalan Menteri?

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Itu tak boleh nak persoallah. Itu kuasa Perdana Menteri. Kalau Menteri Besar boleh pecat, dia boleh pecat lah. Tapi Langkah Kajang tu jelas. Duit rakyat dibazirkan. Saya nak cakap, alah, hipokritnya DAP, PKR. Dulu siapa yang hina Tun Mahathir? Maha Firaun, maha zalim, maha segala, hari ini angkat Tun Mahathir. Ini lah pura-pura. Ini Sg. Panjang sebut tadi. Batu api dan juga memfitnah. Ini lah kerja hidupnya. Saya nak beritahu satu contoh lagi dalam isu 1MDB saya tak peduli isu 1MDB, saya tak takut dalam isu 1MDB apa takut nak dibincangkan, saya bersedia. Kalau tak betul tetap tak betul. Kalau betul kena cakap betul. Kita tengok dalam isu mengenai 1MDB juga, mengenai seorang bekas pekerja Arab, pekerja Petrol Saudi, Justo yang hari ini sudah mengaku salah di Thailand. Kita tengok, apa yang dibuat dengan mereka. Dia peras ugut kerajaan, bekas majikan dia. Nak cuba peras ugut dapatkan kewangan. Datang lagi seorang tokoh media daripada Kuala Lumpur, Tong Kooi Ong, tipu dia nakkan maklumat, dia tipu majikan, Tong Kooi Ong datang tipu, kongsi dengan Tony Phua akhirnya saya nak sebut kenapa Tony Phua tidak mahu tidak pertahankan haknya di mahkamah? Apabila Dato' Sri Najib saman Tony Phua atas isu 1MDB kenapa Tony Phua mohon kepada mahkamah untuk mengetepikan perintah? Kalau saya jadi Tony Phua, dah tuduh, dapat peluang di mahkamah, buktikan di mahkamah bahawa Najib salah, hakim boleh jatuhkan hukuman. Tapi kenapa Tony Phua boleh tarik minta supaya dibatalkan? Pada saya kalau Andre Justo sudah mengaku salah, Tony Phua tolong mengaku salah. Serahkan jawatan Pengerusi DAP kepada Sg. Panjang, eh Sg. Pinang, itu lebih layak. Bukan Sg. Panjang, Sg. Panjang tak tahu, Sg. Panjang tak nak masuk kan? Bagi Sg. Pinang, itu lebih layak. Mengaku salah lah Tony Phua. Kalau dia betul..

TUAN SPEAKER: Apa kaitan Tony Phua dengan Kamar Peguam Negara dan SPRM?

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ini baru intro Pengerusi. Ini intro, panjang lagi. Sebab tak nak ramai yang bahas ni, jadi saya bahas lah panjang sikit. Ok. Kalau tidak dewan habis cepat. (ketawa)

TUAN SPEAKER: Mukadimah terlalu panjang, balik kepada *point* sokong Kamar Peguam atau tidak.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Dalam..ok. Dari segi, saya nak tengok usul ini juga lah. Kalau usul ini ada nak membawa kebaikan, penambahbaikan, itu kita alu-alukan. Tapi dalam isu ini, menambahbaikkan SPRM, kerajaan, Perdana Menteri dah mengumumkan penubuhan Panel Perundingan

Pencegahan Rasuah (PPPR) yang diketuai oleh Tan Sri Johan Jaafar. Dah ada. Kalau ada nak salurkan apa-apa maklumat tambahan, nak menambahbaikkan kepada SPRM itu dialu-alukan dan boleh Jawatankuasa ataupun Yang Berhormat Sekinchan boleh bagi, tapi saya tengok usul ini hanyalah digunakan hanya untuk mendapatkan satu publisiti, membuat tuduhan kepada Barisan Nasional, membuat tuduhan kepada UMNO, nak melaga-lagakan kepimpinan, melagakan di antara jabatan-jabatan kerajaan, itu sahaja usul ini yang nak dibawa, walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih tapi orang yang bawanya orang yang salah. Patut Bukit Gasing yang bawa. Kalau itu saya hormat. Ini, orang yang menghina SPRM, hari ini jadi jaguh nak bela SPRM. Jadi ini..

TUAN SPEAKER: Ini Permatang tak sokong usul?

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Jadi, Yang Berhormat Speaker, saya tengok baca usul ini, pada sayalah, saya boleh bersetuju dengan usul ini tapi saya tetap mengatakan yang membawa ini orang yang salah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi, ya, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya tidak bercadang untuk menyambung tazkirah saya pagi tadi. Dalam menguruskan negara antara prinsip yang kita pegang ialah mendaulatkan undang-undang, yang mana ini adalah satu daripada rukun negara yang kita masa sekolah dulu, kita angkat tangan iaitu mendaulatkan undang-undang. Ini menjadikan negara dihormati. Tapi seandainya prinsip kedaulatan undang-undang ini sudah tidak dihormati lagi, negara tidak dihormati orang. Prinsip yang asas, iaitu prinsip eksekutif, tidak mencampuri urusan legislatif dan juga urusan kehakiman. Tetapi bila sistem ini sudah *mixed up* di mana kerajaan tak faham prinsip ini maka, akan, negara akan jadi masalah. Dan hari ini kita lihat bahawa, jenayah berlaku di peringkat paling tinggi sekali. Jenayah berlaku di peringkat pentadbir negara yang paling tinggi. Seolah-olah negara ini mempunyai 2 prinsip undang-undang. Undang-undang untuk pemimpin atasan lain. Undang-undang untuk rakyat lain. Rakyat yang susah, mencuri susu di *supermarket* untuk anak dia, jatuh hukum setahun penjara. Pemimpin atasan mencuri bilion ringgit hidup bermewah-mewah. Bahkan media keseluruhannya menyatakan bahawa dia tidak bersalah. Orang persoalkan kenapa dana tersebut masuk akaun peribadi. Kalau saya yang buat, dah lama saya kena tangkap tetapi oleh kerana pemimpin atas, masuk akaun peribadi. Satu kesalahan besar. Tetapi..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh minta penjelasan? Yang Berhormat, SPRM dah buat kenyataan mengenai perkara berkenaan. Apakah Yang Berhormat mempertikaikan kenyataan SPRM? Itu sahaja yang saya nak tanya. Yang kedua, soal yang dikata Perdana Menteri dah buat penjelasan, duit itu bukan duit pembayar cukai, bukan duit rakyat Malaysia pun. Soal siapa nak bagi sama ada kerajaan mana pun di Timur Tengah nak bagi itu terpulang kepada orang yang nak

memberikan sumbangan. Kena fokus lah. Jangan kata tuduh mencuri berbilion tapi Yang Berhormat, ini yang saya katakan tadi, PKR ini hidupnya dengan fitnah buat secara umum sahaja macam itu lepas itu cuci tangan. Lepas itu minta maaf.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: SPR menyatakan bahawa dana itu dana derma. Soalnya, kenapakah masuk dalam akaun peribadi? Sedangkan..

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Kota Anggerik, Taman Medan ingin mencelah. Kota Anggerik sedar tak dalam Seksyen 3 Akta SPRM 2009 fasal pemberian derma juga ditakrifkan sebagai suapan sekiranya ia dibagi tujuan untuk mendapatkan balasan.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Bagi mereka yang berkepentingan seperti EXCO atau Menteri Besar yang menerima sumbangan, ia adalah satu rasuah. Tetapi bagi orang kampung yang tak ada kepentingan, dapat sumbangan, itu bukan rasuah. Sebab prinsipnya, dia orang yang berkepentingan. Soalnya, kenapa orang menyumbang, menderma sampai sebanyak itu? Apakah pulangan disebaliknya? Kenapa dia bermurah hati menyumbang? Tapi prinsipnya ialah kenapa masuk dalam akaun peribadi, tidak akaun parti? Seolah-olah Presiden tidak percayakan Bendahari sendiri. Ini, ini prinsip undang-undang. Prinsip undang-undang tadi, maknanya ada 2 set undang-undang. Undang-undang orang atasan lain. Orang atasan menerima sumbangan itu derma. Kalau orang bawah itu, *corruptions*. Ini prinsip dalam undang-undang.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker, saya ingin menyentuh bahawa yang disebut oleh daripada Taman Medan tadi, sumbangan yang mengharapkan balasan ini berbeza ya. Ini dimaksudkan dalam SPRMnya. Tetapi kalau sumbangan itu tidak dikira ada balasan itu lain, berbeza. Kena ada kefahaman yang benar-benar untuk perkara ini.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya sebut tadi, kepada orang yang ada kepentingan, ada kedudukan, seperti EXCO atau Menteri Besar yang buat keputusan menerima sumbangan, itu, *corruptions*. Tetapi kalau orang atasan, itu, *donations*. Kalau rakyat *corruptions*..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh saya minta penjelasan sikit ya. Memandangkan kita ada Ahli Parlimen di sini, yang boleh bahas akta ini di Parlimen sebab SPRM ini bukan di bawah bidang kuasa kita bukan ya? Dan juga boleh, saya cadangkan lah. Tak, saya nak cadangkan kepada Kota Anggerik, saya nak cadangkan kepada Kota Anggerik, oleh kerana Yang Berhormat sudah mempertikaikan apa yang telah dinyatakan oleh SPRM, Yang Berhormat boleh berhak untuk membuat semakan di mana-mana mahkamah dalam negeri ini. Itu lebih jelas, lebih mulia. Kalau betul Yang Berhormat mempunyai pendapat betul boleh bawa semula dalam dewan ini, saya boleh terima. Sila buat semakan

kehakiman. Jangan pertikaikan berdasarkan persepsi dan juga kepentingan politik PKR. Itu sahaja.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Pihak Permatang telah menerima usul ini. Maknanya tidak ada soal menolak usul ini. Ini usul daripada Sekinchan berkaitan dengan agensi..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tak cakap usul ini, saya kata apa Yang Berhormat kata mengenai sumbangan tadi Yang Berhormat pertikaikan apa yang SPRM dah kata itu tidak menyalahi dari segi peraturan. Kalau masih ditekankan itu ialah salah maka Yang Berhormat berpendirian lain daripada SPRM. Maka, tolong buat semakan kehakiman.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Isunya bukan sumbangan. Kenapa masuk akaun peribadi? Sampai mantan Presiden UMNO persoalkan pun. Aku jadi Menteri 27 tahun tak pernah masuk akaun peribadi..

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker. Nak..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Dulu tuduh 2.6 bilion itu dana 1MDB. Itu isu asalnya yang dituduh. Bila terbukti itu bukan dari 1MDB, pusing cerita kenapa pulak masuk akaun. Itu soalnya, itu soal akaun peribadi. Kalau dia nak masuk dalam akaun Yang Berhormat pun, itu Yang Berhormat punya haklah, tak ada masalah pun.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya pada Yang Berhormat Permatang. Seandainya Yang Berhormat Permatang tengok-tengok ada 2.6 bilion dalam akaun, Yang Berhormat nak buat apa? Apakah Yang Berhormat nak gunakan duit tersebut atau *report* kepada agensi yang bertanggungjawab? Kalau Yang Berhormat guna bermakna sama *standard* lah dengan pemikiran Presiden dia. Dapat, ambil, *songlap* sama-sama. Ok.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Speaker.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Apa pula nak tuduh macam tu. Saya ingat Yang Berhormat dah pusing-pusing. Cuba fikir balik lah.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik. Kota Anggerik, Rawang minta mencelah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya cuma nak minta sikit penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Anggerik. Satu yang tadi Yang Berhormat pertikaikan kata kenapa wang sumbangan itu ataupun derma itu masuk dalam akaun, Yang Berhormat setuju tak kalau tidak, mereka, kita minta Perdana Menteri dia *declare* ,dengan izin, siapa

penderma itu, kalau dikatakan tiada kepentingan. Tak ada masalah kalau itu dia kata derma itu tiada masalah, *declare* lah siapa yang dia, terima daripada tu derma tu.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Pertamanya, ketika diasak bahawa memang benar ada dalam akaun dia, peringkat awal dia menafikan. Tapi apabila dokumen diberi, dia kata ada orang bocorkan rahsia. Nampaknya pimpinan tertinggi ini dia cuba berdolak-dalik. Jadi, saya sebut tadi, kita tidak boleh dalam sebuah negara ada 2 set undang-undang. Dalam Islam ada disebut, oleh Rasulullah s.a.w. dia kata, nabi sebut seandainya Fatimah, anakku mencuri akan ku potong tangan dia. Itu prinsip undang-undang. Tak kira siapa, orang atas, orang bawah, kalau langgar prinsip undang-undang, akan diambil tindakan. Ha! Inilah keadilan kita perjuangkan. Tidak ada 2 set undang-undang. Tetapi, bila kita siasat, setuju siasat, Sekinchan sebut tadi, penyiasatnya dialihkan. PAC naik pangkat jadi Perdana Menteri, maka siasatan di Parlimen tidak boleh dijalankan. Peguam negaranya diberhentikan kata tak sihat.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Kota Anggerik, Tuan Speaker. Saya ingin mencelah. Saya nampak terlampau alim Kota Anggerik ini. Ingin saya mohon peneranganlah, konsep derma dari segi Islam. Konsep derma itu.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Dalam Islam ada namanya *Infaq*, sumbangan, ada. Tetapi dalam kes ini ialah, sumbangan kepada orang yang berkepentingan. Kepada orang yang miskin, umpamanya Sg. Tawar hendak menyumbang kepada ibu tunggal di kawasan, itu, sumbangan. Tetapi kepada orang yang berkepentingan menerima sumbangan, dia kena *declare*.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Adakah Kota Anggerik selama ini, dengan janji Allah, tidak pernah menerima sumbangan? Apa, di dewan ini, bersaksikan daripada 54 orang Adun.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Ok, sumbangan-sumbangan tetapi tidak masuk akaun peribadi. Sumbangan parti kepada Bendahari parti. Kalau sumbangan untuk surau saya serah pada surau. Kalau sumbangan untuk anak yatim, kepada anak yatim. Ini kategori tanya peringkat awal, dia kata tak ada. Bila keluar dokumen, dia kata ada.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Saya nyatakan tadi, sumbangan peribadi. Selama jadi EXCO selama jadi ADUN. Saya mohon.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sepanjang saya menjadi EXCO, saya komited. Saya tau apa yang halal apa yang haram.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, saya mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Anggerik.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik, Kota Anggerik, saya bagi tiga minit untuk habiskan.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Kota Anggerik jawab dulu dah dapat ke belum?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya sebut tadi. Sepanjang saya jadi Exco, saya tau apa yang halal apa yang haram untuk saya. Ok. Seterusnya Tuan Speaker..

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Mencilah, mencilah, boleh? Dekat tapi nak mencilah juga. Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Saya ingin mengingat di dalam Dewan juga, Rasulullah S.A.W. tidak pernah menerima sedekah dan beliau tolak walaupun diberi. Ini Perdana Menteri. Kenalah ambil contoh sama-sama Islam sebenarnya. Setuju tak bahawa ia patut ditolak pada asalnya? Tak perlu dimasukkan dalam akaun peribadi.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya sebut tadi soal kedaulatan undang-undang yang menjadi prinsip kepada keutuhan sebuah negara. Apa kesannya hari ini akaun Malaysia merudum teruk? Bank Negara dipersoalkan. Ringgit jatuh. Kawan-kawan korporat susah. Kos meningkat. Pelabur-pelabur mula mengecilkan syarikat. Ramai kena buang. Kesannya kepada ekonomi Negeri Selangor walaupun ketidakpercayaan itu di *federal*. Dan kalau ini berterusan memberi kesan besar kepada rakyat. Sebab itulah oleh kerana Selangor ini sebagai negeri yang menyumbang terbesar kepada akaun ekonomi Negara akan terkesan dengan bila sistem ini dilanggar. Seterusnya, tuan-tuan sekalian, Yang Berhormat sekalian ialah

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Mencilah, mencilah. Mencilah Seri Serdang. Kota Anggerik, satu nak tanya mencilah ni. Setuju tak Kota Anggerik sekiranya Seri Serdang nak tanya sekiranya hukum Islam tu dilaksanakan di Malaysia, berlaku tak perkara-perkara sebegini?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Prinsip hukum itu saya hormati. Prinsip hukum itu saya hormati. Kalau Yang Berhormat biasa tengok di Mekah memang keadaannya sangat aman sekali. Itu kita akui. Seterusnya ialah soalnya kita ada pengalaman bila mana kakitangan awam begitu sekali di Negeri Selangor yang saya rasa pimpinan UMNO dan kita ambil iktibar. Bila kakitangan awam dihina diberi penyapu akibatnya apa? Kita menang jadi kerajaan. Dan hari ini kakitangan awam dihina

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD: Mohon mencilah. Tatkala yang bercakap itu jadi EXCO. Tatkala yang bercakap itu menolak pelantikan SUK adakah itu juga tidak menolak satu contoh yang kakitangan awam juga dihina?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Yang Berhormat Sungai Panjang, yang kita persoalkan ialah teknikal pelantikan SUK. Yang kita nak bawa dalam Dewan ini ialah supaya dibetulkan supaya Menteri Besar sebagai orang tertinggi dalam negeri punya hak memberi pandangan dalam pelantikan SUK. Bukan...

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Saya pohon celahan. Di peringkat awal lagi tadi telah bercakap soal pembahagian kuasa antara pemerintah, perundangan dan kehakiman dan dalam contoh hujahan yang dibawa pula menunjukkan supaya Menteri Besar juga mempunyai kuasa campur tangan. Jadi, itu yang saya sebutkan di peringkat awal tadi hujahan yang diberikan oleh... ini merupakan satu hujahan yang saya fikir hujah-hujahan yang hipokrit sahaja sepanjang apa yang saya tengok apa yang saya dengar dalam dua usul yang terakhir ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Ya Sungai Panjang kena jelas dalam isu yang kita nak pinda enakmen itu ialah sekurang-kurangnya Y.A.B. Menteri Besar diberi sedikit kuasa untuk memberi pandangan siapakah pegawai yang akan bekerja dengan dia. Ini yang nak pinda dalam enakmen tersebut. Dan seterusnya saya nak sebut tadi ialah...

TUAN SPEAKER: Dua minit lagi Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Jangan dihina kakitangan awam. Sebab itulah saya lihat Kerajaan Negeri Selangor menaiktaraf kakitangan awam. Pandangan mereka didengar. Kita bagi bonus sebulan. Hujung tahun bagi tambahan lagi. Kita naikkan taraf kakitangan awam sebab mereka adalah orang yang ikhlas bekerja. Bukan diganggu tugas mereka. Ini penghinaan kakitangan awam. Polis yang buat tugas dipindahkan ke JPN. Saya tak tahu kenapa JPN dijadikan pusat untuk meletakkan pegawai-pegawai utama kerajaan. Jadi, inilah yang saya lihatkan bahawa usul ini sangat penting memastikan bahawa kita kena betulkan balik sistem pengurusan dan pentadbiran negara ini. Tuan Speaker, saya menyusun.

TUAN SPEAKER: Ada lagi? Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Speaker. Seri Andalas mengambil bahagian dalam usul yang dibawa oleh Sekinchan dan saya nak mulakan dengan katakan bahawa isu ini ialah isu yang penting yang kita bincang di sini. Asas isunya ialah apa yang telah jadi di dalam negara tercinta kita Malaysia dalam tempoh 1½ bulan dari sekarang dan apa akibatnya kepada ekonomi bukan saja ekonomi negara tetapi ekonomi di Selangor juga. Yang apa yang kita nampak di sini di mana ketetapan martabat dan kebebasan institusi Kamar Peguam Negara dan SPRM hendaklah sentiasa dihormati. Apa yang kita nampak terjadi ialah orang yang dianggapkan orang pertama ataupun nombor *one* di dalam Malaysia yang dapat sokongan dari rakyat

dan memerintah negara sekarang telah pun hilang keyakinan rakyat pada masa yang sekarang bukan saja rakyat Malaysia tetapi keyakinan itu juga kita nampak telah hilang dari orang-orang luar negara yang berlabur di dalam Malaysia dan sebab itu kejatuhan nilai Ringgit kita Malaysia kepada taraf yang terendah RM4.15 pada hari ini dan apa akibatnya? Akibatnya ialah ramai akan hilang kerja. Baru-baru ini Nazir Razak seorang yang tokoh di bidang ekonomi, Pengarah Bank CIMB yang terbesar di Malaysia katakan dengan izin *economy and political turbulence* di Malaysia *is going to be difficult for the next two years*. Dan lagi dia tambah, dia katakan 4,000 orang yang kerja di CIMB akan hilang kerja. Ini bukan sebab kita adakan Kajang *move* ataupun dengan Lembah Pantai ataupun Pelabuhan Klang minta maaf kepada saudara Saifudin, Saifudin mungkin minta maaf kepada Pelabuhan Klang, itu tidak akibatkan nilai Ringgit kita turun. Itu tak akibat pekerja orang-orang di dalam Malaysia. Itu tak akibat bursa saham kita jatuh. Nilai bon kita jatuh. Orang sekarang hilang keyakinan di dalam Malaysia. Semua lari keluar ambil duit dari Malaysia. Sekarang mata wang Malaysia ini kalau di luar negara di Siam pun yang terletup bom pada baru-baru ini pun orang di tepi jalan pun tak nak ambil Ringgit Malaysia untuk berniaga. / dapat SMS dari kawan saya dari China, Ringgit kita di dalam Negara China tidak laku lagi. Ini bukan sebab kita nak katakan sesuatu yang salah. Jangan bodohkan rakyat Malaysia sebab seorang yang salah...

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Seri Andalas, saya ingin penjelasan siapakah nama rakan dari China tu?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tak payahlah. Jangan bodohkan negara orang...

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Saya tak bodohkan diri saya. Saya nak bukti siapakah rakan dari China. Benda ni boleh direka-reka.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tak ada.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Tolong sebutkan Seri Andalas. Siapa nama rakan dari China tu.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Reka-reka ini semua reka-reka dalam mimpi orang UMNO saja. Tak ada. Orang Malaysia semua ini...

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Saya nak tanya siapa dia rakan dari China Seri Andalas. Itu saja *point* dia.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Duduk, duduk. Saya tak perlu...

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Bermakna perkara ini hanya dibuat-buat saja.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Peraturan Tetap, Tuan Speaker. Peraturan Tetap.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Duduk, duduk. Jangan sentuh, duduk.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar duduk. Seri Andalas duduk. Teratai bangkitkan isu Peraturan Tetap. Mana satu?

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Tuan Speaker, berkenaan dengan isi ucapan. Sub-1, yang mana isi kandungan adalah tidak berkaitan dengan usul yang dibawa. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Teratai pun *confuse* juga.

TUAN SPEAKER: Teruskan Seri Andalas.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Penjelasan Tuan Speaker, bagi Yang Berhormat Seri Andalas yang mana Teratai *confuse*?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Masalah dia ialah yang dikatakan oleh pelabur-pelabur dari luar negara masalah di Malaysia sekarang dengan izin, *investors cannot see the end game*. Ke mana kita pergi dari sini? Sebab masalah ini siasatan di atas 1MDB. Siasatan dilakukan oleh SPRM, siasatan dilakukan oleh Pejabat Peguam Negara, oleh Bank Negara, oleh polis. Semua setuju atas siasatan. Tak ada masalah atas amanah dan juga teguran yang dibagi kepada Jawatankuasa ini untuk siasat 1MDB. Kita sebagai Wakil Rakyat, kita sebagai rakyat negara Malaysia kita kena tau apa dia, adakah tak salah betul tentang 1MDB dan hutang RM42 bilion. Dari situ ada RM2.6 bilion masuk akaun Perdana Menteri. Dia tak nafikan ya. Perdana Menteri tak nafikan bahawa wang RM2.7 bilion itu masuk akaun dia. Duit itu datang dari mana? Siapa yang bagi? Takkan itu kita tak tau bahawa itu adalah satu kesalahan di bawah Undang-Undang Negara Bank Negara kita untuk masukkan duit sebanyak besar itu kepada akaun peribadi. *Money laundering*. Tau perkataan tu? *Money laundering*.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Ada minta maaf tadi pada Speaker nak cakap Bahasa Inggeris?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Oh saya sudah cakap tadi izinkan saya cakap Bahasa Inggeris. Saya tak tau *you* tak faham. Tak apa lah.

TUAN SPEAKER: Saya benarkan. Teruskan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya katakan RM4 bilion keluar dari Kumpulan Amal Pencen Malaysia. Siapa yang bertanggungjawab? Duit siapa? Macam mana keluar RM4 bilion? Satu institusi yang dibenakan untuk bawa orang-orang ke Mekah, Tabung Haji pun digunakan. Takkan orang nak soalkan macam mana duit dia keluar? *Where is the credibility?* Inilah yang kita minta disiasat oleh Jawatankuasa yang siasat. Malangnya orang yang siasat dipecat. SPRM ditutupkan. Dua orang ditukar jawatan. Ketua dia, Timbalan Ketua dia kata dia cuti. Cuti apa saya tak tau. *Special Branch Officer* ditukar. Sekarang nombor dua pun ditukar. Peguam Negara diberhentikan. Itu pun salah di segi undang-undang untuk berhentikan Peguam Negara. Mesti ada tribunal yang boleh berhentikan Peguam Negara bukan suka hati seseorang. Itu ketelusan di dalam Malaysia. So, itulah yang kita minta. Apa salahnya atas permintaan itu. Sebab dia kaitkan dengan ekonomi Negeri Selangor sekarang. 25% dari sumbangan yang dibagi KDNK kepada negara dari Negeri Selangor. Kalau Negeri Selangor selesema Putrajaya demam. Jangan main. Ini yang berkaitan di sini. Ini yang kita soalkan. Ketelusan. Sekarang situasi di sini macam mana? Tadi kawan saya dari Kota Anggerik kata halal dan bukan halal. Betul. Apa kita ajar anak kita? Saya tak tau apa *you* ajar anak *you* tapi anak saya, saya ajarkan yang baik dan buruk. Yang halal tak halal. Itu yang kita ajarkan. Kalau itu pun kita tak boleh terima, macam mana kita nak sokongkan Perdana Menteri kita sekarang? Yang kata duit itu ialah pemberian dana ataupun sumbangan dari mana. *My friend*, tak ada orang nak dermakan RM2.6 bilion tanpa ada apa-apa kaitan dengan RM2.6 bilion. Itu lah kehilangan keyakinan rakyat Malaysia dan pelabur-pelabur di dalam Malaysia. Bukan ekonomi kita tak telus, tak kuat, ekonomi negara Malaysia kuat. Kita telah ada banyak pakar-pakar di dalam negara ini yang boleh kuatkan ekonomi kita tetapi keyakinan Perdana Menteri, atas Perdana Menteri ialah masalah besar di dalam Malaysia sekarang sebab itu kita suruh dia letak jawatan terus menerus.

Kalau Barisan Nasional tidak boleh terima ini, apakah yang kita akan buat? Satu cara ialah turun jalan lah. Lagi apa? *You* tak nak dengar kepada suara kita, Ahli Parlimen, katakan, adakan satu sesi tergepar khas di Parlimen, takut tak nak ada, Parlimen tak apa takut, mesyuarat UMNO pun takut untuk adakan. Tak boleh ada. Ke manakah kita nak pergi sekarang? Siapakah akan jawab? Jangan ugut, ya. IGP dengan kuasanya, dengan Timbalan Perdana Menteri, jangan ugut! Tak takut lah kita dengan ugutan itu. Memang ini adalah masalah besar di dalam negara kita. Bukan saya kata, bacalah. Baca *Financial Times*. Hari-hari baca. Ambil baca. Apa mereka kata. Satu surat khabar yang telus, yang berani, ditutupkan untuk 3 bulan. Sebab apa? Sebab dia bongkar semua email dari *paper trail* dan sebagainya. *Edge Daily* ditutupkan. *Edge Daily* tak sama dengan *Straits Times* dan Utusan Malaysia. Tak ada. Sekarang, menteri-menteri baru yang datang, katakan nak sesat nak tutup sosial media yang salah, yang tak betul. Macam mana *you* tau dia salah ke tak betul? Bila *you* tak bagi pun bila siasatan 1MDB dijalankan. PAC, Parlimen

diberhentikan siasatan. Sebab apa? 4 orang dari PAC, ahli PAC, diberi jawatan sebagai Timbalan Menteri. Syok mereka. Orang dulu yang hujah untuk jadi rajin dan pandai, raja untuk orang biasa sekarang kata bersih. Bukan satu cara baik. So, tuan-tuan, so..

TUAN SPEAKER: 2 minit lagi Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, saya ambil perhatian dan saya memang setuju dengan usul yang dibawa oleh Sekinchan. Untuk akhirnya, saya nak katakan, saya bangga untuk dari, bagi seorang Malaysia tetapi malu atas kerajaan Malaysia. Dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *I'm proud to be a Malaysian, ashamed of my government*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, sekarang saya jemput pihak kerajaan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak gulung sedikit.

TUAN SPEAKER: Gulung sedikit. 5 minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Ini usul saya..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kita nak gulung apa lagi ni, tadi dah bawa usul dah.

TUAN SPEAKER: Pembawa usul boleh memberi penggulungan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Usul saya bawa..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak biasa saya tengok macam ini. Boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kalau Permatang, *you* nak gulung, bawa usul sendiri. 14 hari sebelum dewan bersidang.

TUAN SPEAKER: Pembawa usul boleh. Boleh membuat penggulungan jika mahu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dah berapa penggal pun tak tahu. Malu. *Confuse* betul. (ahli dewan ketawa). Baik Tuan Speaker yang bijaksana. Saya nak beritahu di sini, usul saya ini dibawa dengan niat yang baik. Niat yang baik untuk kita pertahankan institusi Kamar Peguam Negara, SPRM kerana kita perlukan, SPRM

perlu bebas dari cengkaman mana-mana pihak ya. DAP tak boleh cengkam, UMNO tak boleh cengkam, PKR tak boleh cengkam, semua tak boleh cengkam, biar dia bebas menyiasat. Itu lah yang kita hendak. Yang penting, Peguam Negara macam tu juga. Yang pentingnya, saya pernah bawa usul, terima kasihlah kerana Sg. Panjang tadi dia ingatkan. 2009 saya bawa usul, usul itu, waktu itu kenapa? Kerana kematian, mendiang Teoh Beng Hock ya, di Plaza Masalam. Waktu itu bukan SPRM, saya ingat balik, BPR, Badan Pencegah Rasuah, waktu itu. Kematian di situ dan menimbulkan 1001 misteri! Jawapan tidak dapat dijawab. Maka, saya minta dewan ini, SPRM eh, BPR ketika itu kena tubuh satu Suruhanjaya Diraja untuk siasat bagaimana Teoh Beng Hock mati. Cari siapa yang salah. Kalau salah kita dakwa dia di mahkamah supaya dapat..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Mohon celah sikit.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya betulkan..tak..saya betulkan. Ini saya ingat..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Speaker, saya nak mohon celahan dulu.

TUAN SPEAKER: Sekinchan benarkan atau tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya benar ini...Permatang..Permatang.

TUAN SPEAKER: Permatang sahaja. Sg. Panjang duduk.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: *Hansard* ini sebut SPRM, bukan BPR. Tak, saya betulkan, saya betulkan. SPRM masih SPRM.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih kerana betulkan. Saya terima.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Boleh lagi satu celahan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak, dah cukup masa, saya 5 minit, dah cukup dah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: *Steady* la Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *Steady* juga?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: *Steady* la

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oleh sebab dia bakal, bakal Ketua Pembangkang, jadi, saya bagi laluan sedikit kepada dia.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Menteri Besar tak senyum. Tu nampak. Dalam hujahan, adakah pada 2009, adakah Sekinchan menafikan kecaman-kecaman dilakukan kepada SPRM pada ketika itu? Itu sahaja. Sebab, bila saya lihat juga terdapat kecaman-kecaman yang diberikan kepada SPRM dan bila saya lihat hari ini seolah-olah hendak menjadi hero yang mempertahankan SPRM. Jadi, itu saya mohon pendirian daripada Sekinchan sebenarnya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Sg. Panjang atas ingatan. Memang ketika itu rakyat seluruh Malaysia ramai yang tidak puas hati dengan cara pengendalian siasatan SPRM pada ketika itu sehingga menyebabkan orang yang hidup masuk, mati keluar. Jadi kita pasti kritik waktu itu. Kita kritik dan kita minta Suruhanjaya Diraja ditubuhkan supaya dapat cari kebenaran. Kita nak kebenaran itu. Keadilan untuk semua. Dapat kebenaran, baru dapat kita pulihkan institusi SPRM tersebut. Itu penting, itu penting. Jadi, saya konsisten dengan prinsip saya, tidak seperti Permatang. Dia tidak konsisten sangat. Tak berapa matang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Sekinchan. Saya nak tanyakan pada Sekinchan. Tahu tak Sekinchan bahawa baru-baru ini SPRM telah mengaku salah di mahkamah dan telah pun bersetuju untuk membayar pampasan kepada keluarga mendiang Teoh Beng Hock? Itu bererti, kecaman terhadap SPRM pada masa itu adalah betul dan sah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Sg. Pinang. Ha, betul. Baru-baru ini surat khabar dah, kita diberitahu SPRM dah mengaku. Ya, memang dia bayar pampasan waktu itu, insiden tersebut..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tadi, sekali lagi

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak, ini tentang isu yang baru ditimbulkan, saya nak kena tanya juga ni

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dah cukup lah saya rasa. Cukuplah, saya teruskan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak, tentang pampasan itu saya nak kena tanya juga.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukuplah, cukup. Cukup, tak payahlah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak bagi?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukup, cukup..saya nak teruskan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebab timbulkan perkara baru, jadi saya tak puas hati lah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak puas hati duduk. Nanti bawa usul. Ok? Ok, saya nak teruskan. Saya nak buat penggulungan. Jadi, maknanya saya konsisten dalam soal kita nak pertahankan kewibawaan institusi SPRM dan Peguam Negara ini. Jadi, hari itu saya bawa usul waktu insiden terjadi. Sekarang saya bawa usul pertahankan sebab SPRM sekarang sudah dicabuli, suka-suka boleh tukar pegawai tanpa ada sebab. Sampai pegawai pun marah. Buat solat hajat, solat hajat, minta hidayah, minta pedoman. Ha, ini tengok, tak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia. SPRM buat solat hajat. Ini satu benda yang berat. Walaupun saya bukan Islam. Saya Cina dengan cara Cina lah, sembahyang. Tapi, solat hajat.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker, saya ingin membetulkan Sekinchan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak payah..tak payah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Bukan, solat hajat tadi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nak betulkan saya buat apa? Dah betul, tak payah lah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Solat hajat, kena perbetulkan. Sebab ini orang Islam. Solat hajat tu untuk selamatkan negara bukan solat hajat yang tuduhan tadi. Kena buat pembetulan yang betul.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Memang semua tahu solat hajat minta pertolongan, minta petunjuk. Sudah, itu saya tak nak panjangkan lah. Itu penting. Jadi, saya konsisten seperti apa yang dituduh oleh Permatang, orang yang salah bawa usul. Tak ada asas. Saya konsisten mempertahankan kewibawaan SPRM. Seterusnya, saya nak kata, dulu dia kata Mahathir, dulu kita marah Mahathir sekarang kita, sanjung, sokong Mahathir. Dulu UMNO sokong, sanjung Mahathir. Sekarang UMNO bantai Mahathir, serupa juga dia teruk. Haa..sekarang teruk! Jadi, sekarang Mahathir khuatir, Mahathir khuatir dengan cara Najib sekarang ini. Impian beliau yang begitu tinggi iaitu wawasan 2020 akan berkecai hancur! Hancur berkecai kerana bagi orang yang bukan ahlinya nescaya, tunggu lah saat kehancuran. Sekian sahaja lah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dah habis dah. Baiklah, pihak Kerajaan, nak beri apa-apa penjelasan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Mungkin bukan penjelasan tapi penggulungan ya. Saya telah meneliti usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan. Mungkin secara umumnya ada yang bertanya apakah usul yang seumpama ini wajar dibawa di dalam dewan negeri Selangor kerana skop perbincangan itu mungkin tidak melibatkan bidang kuasa kerajaan negeri tetapi bagi pihak kerajaan negeri, saya mendukung dan bersetuju bahawa usul ini satu perkara yang penting yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan untuk mengajak khususnya ahli-ahli Yang Berhormat untuk kembali semula kepada semangat Perlembagaan ya. Yang jelas, dalam pembentukan sesebuah negara sama ada di peringkat negara itu sendiri ataupun di peringkat negeri di mana dalam pembentukan sesebuah kerajaan itu, ada 3 cabang utama. *Executive, judiciary* dan juga *legislative*. Dia mesti ada pengasingan bidang tugas dan tanggungjawab untuk menjamin satu sistem demokrasi yang akhirnya akan dapat membangunkan negara atau negeri yang berkenaan. Itu prinsip yang saya dapat lihat mengapa usul ini dibawa kerana hari ini sudah menjadi satu kecelaruan bahawa *Executive, judiciary* dan juga *legislative* itu sudah menjadi milik Sendirian Berhad bagi seseorang. Dan kalau ini dibenarkan dan tidak ditegur maka saya melihat masa depan negara akan hancur. Dan kalau kita lihat hari ini pun krisis yang dihadapi oleh negara satu krisis yang cukup luar biasa. Bukan sahaja krisis ekonomi yang semakin parah, bukan sahaja isu kejatuhan harga komoditi yang dijadikan alasan tetapi hari ini, isunya ialah isu keyakinan. Sudah tidak ada lagi *confidence* di kalangan rakyat, di kalangan pengguna dan juga di kalangan masyarakat antarabangsa. Sebab itu harga dan nilai ringgit kita semakin hari semakin merudum. Sedang kita bicara dan bahas pada petang ini pun harga terus jatuh. Nilai ringgit terus jatuh. Dalam keadaan Gabenor Bank Negara terpaksa menyuntik berbilion ringgit semata-mata untuk mempertahankan nilai ringgit, tetapi ia tidak memberikan kesan. Sebentar tadi, saya *check* dengan Bank Negara sementara Gabenor belum dipecat, saya bertanya, apakah nilai ringgit hari ini? Petang ini? *US Dollar* sudah 4.114, 114 sekarang. *Pound* 6.4514, Singapore 2.9322. Apakah ini tidak menjadi keprihatinan di kalangan ahli-ahli Yang Berhormat? Khususnya pimpinan di Putrajaya. Kita lihat juga keyakinan masyarakat perniagaan hari ini. Akibat penyusutan nilai ringgit ramai peniaga-peniaga tempatan di kalangan rakyat Malaysia yang menghadapi kemungkinan bankrap dan muflis khususnya bagi mereka yang..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh minta penjelasan sikit Yang Berhormat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang ada pinjaman dalam *US Dollar* atau mata wang asing. Ini harus kita akui. Ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak minta penjelasan. Saya nampak akan apa Yang Berhormat sebut tu dan saya pun jelas. Cuma, apakah

fenomena kejatuhan harga ringgit ini, ataupun kesusutan mata wang ini hanya berlaku kepada negara Malaysia? Bagaimana dengan negara-negara serantau kita yang kita sedia maklum yang juga mengalami susut nilai yang sama. Semua berlaku. Ini adalah fenomena dunia yang sedang melanda sekarang. Termasuk juga penurunan RMB, RMMB oleh China dan sebagainya. Jadi saya nak minta, kena adil lah. Jangan fokus hanya kepada satu sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Permatang, saya telah menyatakan tadi, alasan yang diberikan oleh Putrajaya sebelum ini penyusutan nilai ringgit kerana harga komoditi jatuh. Tetapi kalau kita lihat penyusutan nilai mata wang di negara-negara lain walaupun jatuh tetapi tidak separah negara Malaysia kerana hari ini yang dibincangkan ialah soal keyakinan. Jangan tanya saya. Ini Nazir Razak. Bukan Nazir Azmin. Nazir Razak. Kenyataan beliau yang terbaru, dengan izin Speaker. *Foreign investors concern with state of local institution.* Ini Nazir Razak. Seorang tokoh bank yang cukup dihormati dan mengambil pendirian untuk menegur dan menyanggah beberapa dasar Kerajaan Persekutuan yang sebenarnya menyebabkan keyakinan masyarakat antarabangsa itu sudah terhakis. Kita lihat juga bagaimana krisis kepimpinan. Saya tidak mahu mencampuri urusan dalaman UMNO. Dia boleh pecat siapa dia nak pecat. Itu masalah Parti yang sudah hampir karam tetapi yang penting apakah tanggungjawab kita untuk menyelamatkan ekonomi negara dan menyelamatkan negara. Justeru itu, baru-baru ini apabila Perdana Menteri Britain datang, David Cameron. *Alhamdulillah*, di antara 14 negeri di Malaysia. Perdana Menteri Britain memilih Menteri Besar Selangor untuk diadakan pertemuan dan perbincangan. Bukan saya nak mendabik dada atau tidak. Dia bertemu saya bukan kerana saya Azmin. Dia bertemu saya kerana saya mewakili sebuah kerajaan yang ada maruah dan integriti. Sudah tentulah Pesuruhjaya Tinggi Britain di Malaysia telah menjalankan beberapa semakan, ada *intelligence report* dan melihat bahawa negeri Selangor adalah sebuah negeri yang berpotensi. Perkara pertama yang dibangkitkan ialah soal 1MDB. David Cameron bukanlah Ketua UMNO bahagian Hulu Bernam. Tak. Dia Perdana Menteri Britain.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker, Hulu Bernam tak ada bahagian. Saya rasa, Yang Amat Berhormat pun pemimpin UMNO dahulu ni. Patut tahu ni. Tak ada bahagian.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Oh, tak ada bahagian. Sebab saya pun dah tinggalkan zaman jahiliyah UMNO ni lama dah. Saya tak tahu pula ada bahagian ke cawangan ke. Saya tak tahu dah. Bagi saya zaman jahiliyah ni dulu, dulu. Saya nak *move forward*. Dah ada pencerahan sekarang ini. Sabar Kota Damansara, nampak dah panas dah kerusi tu nak bangun.

Jadi, dia tanya saya soal 1MDB. Dia bertanya saya soal pengurusan kewangan. Kita bangkitkan soal *money laundering* kerana Perdana Menteri Britain yang hari ini antara tokoh, pemimpin masyarakat dunia yang telah tegas menyatakan tidak ada

wang haram atau *money laundring* yang boleh disimpan di dalam negara Britain. Saya minta beliau supaya memastikan Perdana Menteri ini dipertanggungjawabkan kerana dia mengaku bahawa tekanan terhadap beliau kuat. Jangan datang ke Malaysia kerana negara hari ini tengah gawat. Dia mengaku dan saya juga memberi teguran kepada beliau kenapa kamu datang dalam keadaan negara ini? Tetapi saya kira, saya ambil pendirian yang berbeza. Perdana Menteri Britain boleh datang ke Malaysia dengan syarat memberikan mesej yang kuat dan keras kepada Putrajaya supaya kembalikan negara ini kepada rakyat dengan teratur dan amanah. Itu pesanan kita dan akhirnya satu perkara.....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: yang saya nak habis tentang Perdana Menteri Britain beliau bertanya soal pelaburan dan sistem ekonomi di negeri Selangor. Sudah tentulah saya mengambil peluang itu untuk mengajak pelabur-pelabur daripada negara Britain untuk melihat kerana Selangor telah menyiapkan prasarana yang baik, kemudahan yang canggih dan *skill workers*, tenaga yang mahir. Ini antara perkara yang kita bincangkan kerana hari ini Selangor, *Alhamdulillah*. Kita boleh bertahan lagi walaupun negara sedang gawat tetapi Selangor dapat mencatatkan prestasi yang terbaik dan hasil yang tinggi dan *reserved* yang begitu besar. Namun, saya nak mengingatkan Dewan ini sudah tentulah kita ada kebimbangan sebab negeri Selangor penyumbang utama kepada KDNK negara. 25% datang daripada negeri Selangor. Setiap RM1.00 itu, 25 sen datang daripada negeri Selangor. Kalau kita terkesan dengan sikap dan perangai yang 'bobrok' daripada Putrajaya bagaimana kita nak menyumbangkan kepada ekonomi negara? Itu keprihatinan kita. Bukan soal parit. Bukan soal individu. Sebab itu saya sentiasa mengingatkan rakan-rakan saya dalam Dewan ini supaya kita tumpu soal pembangunan untuk membangunkan negeri, memajukan negeri supaya pendapatan negeri ini dapat kita kutip dan selain daripada kita membangunkan negeri, kita juga boleh menyumbang kepada ekonomi negara. Itu tanggungjawab kita sebagai negeri yang maju di Malaysia kerana hari ini tidak ada nampak sebarang tanda-tanda pemulihan oleh Kerajaan Persekutuan. Dia dah tahu gawat. Dia dah tahu masalah. Tapi tak ada. Malahan bertambah ganas. Pegawai-pegawai diburu. Yang ini yang Y.B. Sekinchan minta. Kembalikan kebebasan institusi seperti SPRM dan Jabatan Peguam Negara. Ini antara institusi yang sewajarnya menjadi *pillars* dalam sistem demokrasi. Apabila institusi seperti ini diserang, diburu, ditekan. Di manakah harapan kita? Ini bukan soal individu. Saya dengar tadi, Permatang dan juga Sungai Panjang menyatakan, wah dulu menyerang SPRM, mengapakah sekarang mempertahankan?

Yang Berhormat Permatang dan Yang Berhormat Sungai Panjang, ingin saya tegaskan yang kita pertahankan institusi, bukan individu. Saya beri contoh apabila Peguam Negara dipecat. Apakah kita nak mempertahankan individu yang berkenaan? Saya tahu kita semua ada masalah dengan batang tubuh yang

berkenaan. Saya mempertahankan Jabatan Peguam Negara yang sepatutnya bebas, berkecuali dan dihormati. Apabila SPRM diserang. Bukan soal individu atau pun batang tubuh berkenaan tetapi SPRM yang sepatutnya badan bebas menjalankan siasatan harus diberikan kepercayaan, tidak ditangkap. Komputer Pegawai Penyiasat yang ada semua dokumen, maklumat itu diburu, dirampas. Bagaimanakah?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan ya. Yang Amat Berhormat, saya dapat tengok hujah-hujah Yang Amat Berhormat. Tapi apa Yang Amat Berhormat sekarang ini nak tunjuk kepada rakyat dalam sidang ini bahawa seolah-olah UMNO yang mengatur, itu sebenarnya niat. Sedangkan perkara yang saya sebut tadi dalam hujah-hujah saya pun. Antara pihak Polis, SPRM ada bidang tugas masing-masing. SPRM boleh siasat Polis. Polis juga boleh siasat SPRM. Ketua Setiausaha Negara juga terlibat daripada segi *General Order* kakitangan awam. Jadi tak ada terlibat pun. Tapi hujah Yang Amat Berhormat tu nak menunjukkan kepada rakyat di Selangor ini seolah-olah UMNO adalah dalang di sebaliknya. Sedangkan perkara itu tak berlaku pun. Ini yang sebenarnya masalah kepada Pakatan Rakyat ni. Saya ingat itu yang kena perbetulkanlah. Jangan main persepsi Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ini bukan saya nak main persepsi. Ini memang.....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak minta izin sekali lagi kalau dibenarkan. Juga dalam isu mengenai..... Saya tak sebut fasal batang tubuh Peguam Negara. Dulu siapa yang menghina Peguam Negara pun? Sampai dalam kes Anwar Ibrahim dituduh Peguam Negara tak berani nak jadi pendakwa kepada kes berkenaan. Dan hari ini terbalik pula? Jadi hujah saya ialah. Minta maaf. Hujah saya ialah tiada krisis pun di antara ketiga-tiga jabatan di antara Ketua Setiausaha Negara, SPRM dan Polis. Tapi yang menghangatkannya, yang memusingkan ialah Pakatan Rakyat. Itu sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Permatang. Tolong lihat kepada fakta. Yang marah dengan Polis ini siapa? Pegawai-pegawai SPRM yang ditangkap. Apakah kata dia? Ini kerja gila. Siapakah yang sebut? Dato' Bahari, sebab dia ditangkap, dia ditahan, dia dikepung, dia diburu sebagai seorang penjenayah. Bila Dato' Shukri, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM balik dari luar negeri. Turun sahaja daripada kapal terbang, dikepung sebagai seorang *terrorist*. Sehingga Dato' Shukri sendiri sebut negara ini sudah tidak selamat. Jadi bukan kami yang menghangatkan. Kami hanya mahu mempertahankan institusi itu bukan batang tubuh orang yang berkenaan. Kalau SPRM pun boleh diburu dan yang ditangkap dan ditahan itu adalah Pegawai-pegawai Penyiasat 1MDB. Kalau Pegawai SPRM itu terlibat dalam rasuah, terlibat dalam amalan jenayah, saya tidak ada masalah tetapi dengan terang dan nyata, mana-mana Pegawai yang menyiasat 1MDB kamu diburu,

kamu ditekan, kamu ditangkap. Sebab itu saya keluarkan kenyataan bertarikh 5 Ogos, saya minta supaya SPRM bangkit kerana SPRM ada dalam Akta SPRM dalam seksyen 48 yang menyatakan mana-mana pihak yang mengganggu siasatan itu *criminal offence*. Tangkap Polis. Tapi bila saya sebut ini, Ketua Polis Negara kata tutup mulut.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Amat Berhormat, Polis juga ada SOP.....

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa, saya bagi 5 minit lagi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Polis juga ada SOP, Yang Amat Berhormat untuk buat tangkapan. Tidak sebagaimana Yang Amat Berhormat gambarkan, menyerbu, mengepung, mengejar. Itu cuma hujah sahaja untuk menjadikan seolah-olah itu yang berlaku. Sebenarnya Polis pun ada SOP untuk buat tangkapan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: SOP Polis sekarang apa, tangkap Pegawai Penyiasat 1MDB. Itu SOP Polis.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Itu tuduhan. Itu tuduhan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Bukan tuduhan. Manakah ada? Tidak ada.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagaimana seorang Ketua Kerajaan boleh buat tuduhan yang sedemikian dalam Dewan yang mulia ini. Saya boleh terima hujah Yang Berhormat tapi kalau ini tuduhan yang saya ingat cukup.... tak bolehlah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya nak tegaskan supaya peranan kita sebagai Ahli Yang Berhormat yang ada maruah yang tidak lagi terima derma, tolonglah bangkit. Kalaulah dah terima derma boleh diam tak ada masalah. Saya tak marah sebab derma perut pun dah kenyang, poket dah penuh. Nak cakap apa? Tutup mulut, duduk. Tetapi bagi mereka yang belum terima derma, tolonglah bangkit dan saya bersyukur Yang Berhormat Speaker, belum pernah berlaku dalam sejarah negara kita Pegawai Kerajaan berani bangkit dan menegur kepincangan Barisan Nasional. Kita lihat yang terbaru semalam, Timbalan *Special Branch* Bukit Aman kena *transfer* ke Pejabat Perdana Menteri. Sebab itu tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat pun kata Pejabat Perdana Menteri ini jadi stor Pegawai-Pegawai yang berani. *Storage*, simpan beku sehinggakan sekali lagi saya *salute* Pegawai Kanan Polis ini. Apakah dia kata? Nak *transfer* saya lebih baik saya letak jawatan dalam Polis. Tidak pernah berlaku. Kita kena hormat Pegawai Kerajaan. Ini anggota perkhidmatan awam. Oh, tadi bangkitkan dulu tak hormat Dato' Mohamed Khusrin Haji Munawi. Eh, kita tegur sekali lagi sistem pelantikan tak betul. Bukan Dato'

Khusrin tak betul. Tetapi bila telah ditegur, sistem pelantikan telah diperbetulkan. Kita terima Dato' haji Mohamed Khusrin Haji Munawi sebagai Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan beliau antara Pegawai yang telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dengan cukup baik dan saya ucapkan terima kasih kepada beliau. Sebab itu bila kita dah tegur. Ini dalam beberapa bulan ada pelantikan yang baru, proses itu diperbetulkan. Sekarang sekurang-kurangnya mereka merujuk kepada Menteri Besar. Kami nak lantik satu, kami nak lantik dua. Ini mesti ada. Sebelum ini tidak ada. Yang kami tegur yang itu. Bukan kami tegur Dato'. Ha, tak ada pula dia? Jangan lagakan. Jadi ini yang saya nak minta. Kita kena jaga anggota perkhidmatan awam. Hormat mereka. Mereka juga ada maruah sebagai seorang manusia. Mereka ada *dignity*. Mereka bekerja secara profesional. Sebab itu di Selangor sekarang kita tak bagi batang penyapu. Kita tak herdik Pegawai dengan kata-kata yang kasar. Saya tahu ada sebelum ini, bodoh. *You are stupid*. Dia seorang panda, dak. Tak betul kita tegur secara baik. Dan mereka telah membuat kerja sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun ini hasil terus meningkat. Sebab itu baru ini kita bagi bonus satu (1) bulan gaji sebab *reserved* banyak saya tak tahu nak buat apa. *Alhamdulillah* dah buat jalan, ada lagi. Buat rumah, ada lagi. Bagilah kepada Pegawai sebulan gaji. Permatang kechap saya nak habiskan..... Nanti....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Itu jasa Pelabuhan Klang dulu. Jasa Pelabuhan Klang yang tambah bukan sekarang, enam (6) bulan ni perhabis sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Duduk dulu. Seinggakan ada Pegawai Kerajaan SMS kepada saya. Dia kata kami cemburu dengan Pegawai Kerajaan Negeri Selangor dapat sebulan gaji mereka dapat RM500.00 sahaja.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: sikit, sikit, sikit.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nanti saya jelaskan. Habis ni saya bagi.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ini macam lembu punya susu, sapi dapat nama. Tan Sri Khalid yang hari tu bagi bonus mulanya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Wah, dah sayang pula Pelabuhan Klang. Amboi.....

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Dua-dua sayang. Yang lama sayang, yang baru pun sayang sebab..... dengar penjelasan saya kenapa saya sayang yang baru ni. Bukan sayang orangnya. Sayang sebab tadi saya dengar ayatnya telah berhijrah daripada zaman jahiliyah itu, zaman jahiliyah kepada zaman kesempurnaan. Itu yang saya sayang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tak apa, tak apa. Ok, ok, ok. Kota Damansara, nak nombor telefon Pelabuhan Klang? Kalau nak saya bagi. Jangan ambil nombor telefon Cempaka sahaja. Kalau nak saya bagi Pelabuhan Klang sebab dah nampak *matching* dah sekarang. Tak apa, jangan kacau. Saya dah lupa cerita apa tadi. Ha, bonus sebulan. Pegawai Kerajaan Putrajaya telefon saya kata kami cemburu sebab Selangor dapat satu bulan, dia nak pindah ke Selangor sampai tahap itu. Saya terpaksa jawab jangan pindah, biar saya pindah ke Putrajaya. Ini yang disokong oleh Bukit Gasing semalam.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat, saya nak minta sedikitlah

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa tengok.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sikit sahajalah fasal bonus ini, Kerajaan Persekutuan ada 1.5 juta kakitangan, kalau bagi sebanyak itu habislah semua ke bonus. Kerajaan Negeri itu sedikit dan rizab yang besar itu pun, rizab yang besar itu ialah jasa dari Pelabuhan Klang, itu jangan lupa, itu jangan lupa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Permatang tetapi kalau 2.6 bilion itu diberi kepada pegawai kerajaan selesai masalah. Ini diberi kepada Ahli Parlimen UMNO 5 juta, diberi kepada Ketua UMNO Bahagian 5 juta, ini duit siapa, Sheikh mana yang bagi ini, Sheikh Jolo tak apa saya nak tanya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker sekali lagi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker akhirnya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Sebab ini tuduhan apa buktinya.

TUAN SPEAKER: Teruskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Akhirnya Tuan Speaker

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Suka buat andaian, itu kerja Pakatan Rakyat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Bila kita lihat sekarang dah ada pegawai kerajaan yang berani, saya nak ajaklah semua pegawai kerajaan di peringkat pusat dan negeri bangkitlah, bangun dan berani tegur. Jangan kata oh ini kita sokong '*goverment of the day*', ini prinsip lama '*goverment of the day*', kalau ia korup dia penjenayah tanggungjawab pegawai kerajaan untuk tegur dan jatuhkan mereka. Tetapi kalau kerajaan itu amanah dan menghormati anggota perkhidmatan awam bekerja sebagai satu pasukan, jaga amanah dengan baik itu meletakkan harapan yang baru bagi Malaysia. Jadi saya harap benar-benar supaya usul yang dibawa

oleh Sekinchan ini dihayati sepenuhnya kerana Institusi SPRM dan Jabatan Peguam Negara itu antara institusi dan bila dalam sistem demokrasi Yang Berhormat Permatang. Dan kita harus

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Banyak promosi Harapan Baru saja ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jangan laga-lagakan, ini *'new hope for all Malaysian'* dan sudah tentulah sebagai parti yang proaktif, yang progresif kita mahu pembaharuan dan semua di kalangan kami Pakatan Rakyat ini adalah Parti-parti Anggota Progresif yang mahu pembaharuan. Kami tidak adalah mengamalkan sikap dahulu kini dan selamanya. Dulu derma, hari ini derma, besok selama-lamanya derma tak boleh. Kita parti yang progresif yang mahukan pembaharuan dan inilah inisiatif yang kita ambil dan saya yakin dan percaya dengan kebangkitan anggota perkhidmatan awam maknanya tamatlah hayat UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya dewan yang mulia ini membawa ketetapan bahawa martabat dan kebebasan Institusi Kamar Peguam Negara dan SPRM hendaklah sentiasa dihormati dan dipelihara dan dilindungi sepenuhnya berlandaskan semangat peruntukan perlembagaan persekutuan dan undang-undang berkenaan serta bebas daripada dicabuli oleh mana-mana kuasa politik. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **Usul ini dipersetujui.**

SETIAUSAHA: Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul untuk menanggukkan dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya dewan ini ditanggukkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Sebelum kita tangguhkan sidang pada kali ini sebagai ucapan penutup pada petang ini. Pertama saya nak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat secara langsung dan aktif dalam perbahasan walaupun sebahagiannya panas dan keras tetapi seperti yang saya baca kenyataan Yang Berhormat Tuan Speaker pada petang ini perbahasan dalam Dewan Negeri Selangor ini cukup matang dan cukup bertanggungjawab untuk menjaga Negeri Selangor ini. Sebaik sahaja selesai sidang ini saya mengambil inisiatif untuk mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk terlibat dalam dialog belanjawan 2016 yang akan bermula pada hari Isnin ini kerana kita merasakan dalam kegawatan ekonomi di peringkat nasional, Negeri Selangor harus memainkan peranan untuk tumpu sepenuh masa dan tenaga bagi memastikan pembangunan di Negeri Selangor ini terus lancar dan mampan bagi meningkatkan pendapatan hasil negeri.

Kita akan mengadakan beberapa dialog dan belanjawan dalam beberapa siri untuk mendapat maklum balas daripada kumpulan sasar ataupun *'take holder'* di Negeri Selangor dan ini adalah pengalaman saya bersama Dato' Seri Anuar Ibrahim ketika kita berada di Kementerian Kewangan selama 9 tahun dalam menggubal belanjawan negara. Kita tidak pernah membuat dan menggubal di kementerian sahaja tetapi kita mengadakan beberapa siri dialog belanjawan. Tidak kita kumpulkan semua pada suatu ketika kerana pada ketika itu kita merasakan perlu kita mendengar pandangan dan maklum balas daripada Dewan Perniagaan sehinggalah ke Nelayan, Pemandu Teksi, Guru, Budayawan, Persatuan Orang Buta dan sebagainya. Untuk mendengar sendiri apakah aspirasi rakyat dan ini yang saya cuba terjemahkan dan Perbendaharaan Negeri sedang mengatur siri-siri dialog belanjawan bermula hari Isnin ini sehinggalah bulan Oktober nanti termasuk di beberapa daerah di pedalaman seperti di Sabak Bernam, Tanjung Karang, Sungai Besar untuk mendengar sendiri keluhan dan aspirasi rakyat sebelum kita dapat membentangkan belanjawan 2016 yang akan datang. Sudah tentulah dengan rizab yang kuat dan kukuh itu, kita mahu memastikan penggunaannya dan perbelanjaan itu berhemah dan bertanggungjawab dengan prinsip-prinsip kebertanggungjawaban, ketulusan dan ini akan kita teruskan dalam tahun-tahun yang akan datang. Jadi sekali lagi saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua pandangan dalam perbincangan mahupun penyata dan syor yang dikemukakan akan diteliti dan disemak oleh Kerajaan Negeri dan kita akan memastikan yang terbaik untuk Kerajaan Negeri dan untuk rakyat Negeri Selangor. *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya menengkuhkan persidangan ini saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan dan menjayakan Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Ketiga kali ini. Ucapan terima kasih saya tujukan kepada Setiausaha, Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar. Kepada semua yang terhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula kepada pentadbiran dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan.

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)